


Jilid I
Bil. 22



MALAYSIA

Hari Khamis
12hb April, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2137]**

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 2182]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 2225]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S. J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ Tuan HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).

- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR. WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussin.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 12hb April, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MENTERI HAL EHWAL UGAMA

1. **Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mewujudkan potfolio Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menyelaraskan masalah ugama rasmi di negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, urusan hal ehwal ugama adalah hak dan kuasa Kerajaan Negeri-negeri, sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada cadangan untuk mewujudkan sebuah potfolio Menteri Hal Ehwal Ugama.

Walau bagaimanapun, untuk menyelaraskan hal ehwal ugama bagi seluruh negara, Majlis Raja-Raja telah menubuhkan sebuah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Urusetia Majlis Kebangsaan itu adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah menetapkan seorang Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri untuk membantu Perdana Menteri dalam hal ehwal ugama Islam.

Kerajaan adalah berpuashati dengan cara penyelarasan hal ehwal ugama seperti yang berjalan sekarang ini.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pertama oleh kerana Ugama Islam telah dicatitkan sebagai Ugama Rasmi di dalam Perlembagaan maka kata Yang Berhormat Menteri tadi Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan Kementerian Ugama. Adakah tidak bercadang hendak mengadakan Kementerian Ugama ini untuk selama-lamanya ataupun buat sementara masa ini sahaja.

Kedua, sebagaimana yang dikatakan tadi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam diletakkan dalam Jabatan Perdana Menteri. Maka menurut Perlembagaan Malaysia, Perdana Menteri Malaysia tidak semestinya orang Islam selama-lamanya. Kalau sekiranya berlaku misalnya di dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang Perdana Menteri kita tidak lagi orang yang beragama Islam, apa akan jadi kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri itu.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan tadi jelas bahawa oleh kerana tiap-tiap negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ini Ketua Ugama adalah Sultan sendiri dan oleh sebab itulah kita tidak dapat hendak mengadakan seorang Menteri Ugama di dalam Persekutuan Tanah Melayu kerana ini akan bercanggah pula dengan undang-undang negeri masing-masing.

Berhubung dengan apa yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sekiranya pada masa akan datang Perdana Menteri Malaysia tidak lagi orang yang beragama Islam, ini tidak timbul masalah kerana tiap-tiap negeri itu sudah ada Raja itu sendiri yang menjadi Ketua Ugama. Jadi, dari segi hendak mengembangkan Ugama Islam ke

seluruh negara maknanya Raja yang ada dalam tiap-tiap buah negeri itu bertanggung-jawab dalam menjalankan hal ehwal agama Islam.

NEGERI PERLIS—JABATAN BERASINGAN

2. Tuan Abdullah bin Salleh *di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan jabatan-jabatan yang berasingan bagi Negeri Perlis supaya negeri itu tidak lagi bergantung kepada Negeri Kedah dalam pentadbiran beberapa jabatan seperti yang terdapat sekarang.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, semenjak beberapa tahun yang lalu jabatan-jabatan yang berasingan telahpun ditubuhkan khas bagi Negeri Perlis. Mengikut amalan yang berjalan sekarang pengwujudan jabatan-jabatan berasingan adalah bergantung kepada beban kerja dan tanggungjawab yang bertambah serta adanya pegawai terlatih yang mencukupi. Oleh yang demikian, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dari masa ke semasa .

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam masalah pegawai-pegawai terlatih adalah menjadi satu kesukaran kepada negeri-negeri yang kecil. Adakah Kerajaan bercadang hendak membuat satu kajian supaya negeri-negeri yang kecil seperti Perlis itu dimasukkan sahaja ke dalam Kedah supaya dengan keadaan ini dapat melicinkan pentadbiran dan mengurangkan pegawai-pegawai yang berkenaan (*Ketawa*).

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulang kepada kajian nanti macam mana yang baiknya.

LESEN JUDI KASINO/LUMBA KUDA/TOTO—PENGHARAMAN

3. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang

mengambil langkah-langkah berikut untuk menghormati kehendak Ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara ini:

- (a) memberhentikan pengeluaran lesen-lesen judi kasino, judi lumba kuda, loteri kebajikan masyarakat, judi empat nombor ekor, Toto dan sebagainya;
- (b) menarik balik kebenaran mengimpot dan membuat semua jenis minuman keras.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, negara kita terdiri daripada berbagai bangsa yang menganuti pula berbagai ugama. Dalam masyarakat bersifat majmuk ini Kerajaan adalah bertanggung-jawab menjaga kepentingan semua bangsa. Dalam soal pengeluaran lesen-lesen judi serta kebenaran membuat minuman keras Kerajaan sentiasa mengawal kegiatan-kegiatan itu dengan peraturan-peraturan dan undang-undangnya. Dalam hal ini adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengetatkan syarat-syarat itu semasa menimbang pengeluaran lesen-lesen itu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman-pengalaman yang lepas adalah didapati sukar bagi Kerajaan mengawal judi-judi dan kilang-kilang minuman keras yang dijalankan secara gelap dan sulit. Oleh itu, pengeluaran lesen-lesen itu adalah bertujuan mengawal-nya daripada berleluasa dan dilakukan dengan sewenang-wenangnya secara gelap oleh anasir-anasir tertentu. Kerajaan sedar, Tuan Yang di-Pertua, perbuatan-perbuatan itu sukar dihapuskan tetapi amalan sekarang dapat memberi kawalan yang berkesan dan lesen-lesen hanya diberikan kepada pengilang-pengilang yang benar-benar menjalankan kegiatannya dengan syarat-syarat yang dikenakan. Memandangkan hakikat yang dinyatakan di atas itu Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik lesen-lesen yang dikeluarkan kecuali terdapat mereka yang melanggar syarat-syarat dan peraturan yang dikenakan. Bagi orang-orang Islam yang patuh kepada agamanya, sudah tentulah jelas kepada mereka tentang hukuman mengenai judi dan minuman keras dan menjauhinya.

MINYAK—PUNCA GALIAN

4. **Tuan V. V. Aboo** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menjelaskan luasnya punca-punca galian minyak dan juga jumlah pengeluaran tahunan dalam negeri ini. Memandangkan terdapat punca-punca yang agak memadai di rantau kita ini, sama ada pihak Kerajaan akan menimbang untuk menurunkan kadar cukai ke atas minyak petrol.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, simpanan minyak yang diketahui yang dapat digali adalah dianggarkan akan habis selepas 14 tahun berdasarkan kepada kadar pengeluaran purata pada masa ini iaitu sebanyak 200,000 tong sehari. Walau bagaimanapun, oleh kerana minyak adalah satu bahan asli yang tidak dapat diganti, Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk menentukan pendapatan hasil daripada minyak akan dapat diseimbangkan dengan kadar jumlah minyak yang dikeluarkan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui, hasil negara daripada minyak dalam bentuk cukai pendapatan petroleum, royalti atas petroleum, dan bayaran tunai pada masa ini sedang menampung sebahagian yang besar pembiayaan perbelanjaan Kerajaan yang sedang meningkat dengan pesat. Sungguhpun hasil daripada minyak dijangka akan berjumlah \$1 ribu juta dalam tahun 1979, jumlah sebanyak ini tidak dapat dijamin pada tahun-tahun yang akan datang kerana kadar menggali minyak adalah dijangka akan merosot manakala keperluan oleh negara ini akan meningkat. Oleh itu, sebarang pengurangan cukai atas minyak hendaklah dikaji dengan teliti untuk menentukan hasil Kerajaan mencukupi untuk menampung perbelanjaan untuk rancangan-rancangan Kerajaan.

TANAH MILIK BUMIPUTRA

5. **Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) keluasan tanah milik Bumiputra yang telah dijual secara langsung atau tidak langsung kepada bukan Bumiputra; dan
- (b) langkah yang telah diambil dalam perkara ini serta cara-cara mengatasi masalah itu.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) Mengenai dengan perangkaan yang menunjukkan keluasan tanah milik Bumiputra yang telah dijual secara langsung atau tidak langsung kepada bukan Bumiputra, ianya tidak mudah didapati dalam jangkamasa yang singkat. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri telah dipinta untuk mengumpulkan data-data tersebut.
- (b) Sebenarnya ada 2 jenis tanah milik Bumiputra di Semenanjung Malaysia. Yang pertama ialah tanah milik Melayu dalam Kawasan Simpanan Melayu. Yang kedua ialah tanah milik Melayu yang bukan Kawasan Simpanan Melayu. Tanah milik Melayu di dalam Kawasan Simpanan Melayu adalah terjamin miliknya di sisi Undang-undang. Pemindahan milik tanah dalam Kawasan Simpanan Melayu kepada orang-orang bukan Melayu adalah tidak sah dari segi undang-undang. Mengenai penjualan tanah-tanah kepunyaan Melayu yang di luar Kawasan Simpanan Melayu keputusan telah dibuat di dalam perundangan "Majlis Tanah Negara" supaya semua Kerajaan Negeri mengawasi perkara ini. Terjadinya penjualan tanah kepunyaan Melayu yang di luar kawasan Simpanan Melayu adalah disebabkan desakan-desakan ekonomi dan tawaran harga yang tinggi yang telah diberi kepada pemilik-pemilik itu dari orang-orang bukan Bumiputra. Oleh itu adalah disyorkan supaya agensi-agensi kewangan Kerajaan seperti Bank Pertanian dan agensi-agensi pembangunan Kerajaan seperti UDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri menolong membangun, mengambilalih atau membeli tanah-tanah yang hendak dijual itu dan kemudian memajukannya ataupun menjualkannya kepada orang-orang Melayu yang lain ataupun membiayai orang-orang Melayu yang mahu membelinya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan tahu iaitu tanah di dalam kawasan Melayu walaupun tanah hutan, orang lain telah dapat

mengambil balak dan sebagainya di dalam kawasan-kawasan Melayu.

Kedua, di dalam kawasan bukan Melayu siapa pun boleh beli kalau ada tanah-tanah Melayu, itu lain hal, tetapi di dalam kawasan Melayu ini ada estet-estet yang telah mendapatkan tanah Melayu seperti di Tanjong Malim sampai sekarang tanah-tanah orang Melayu itu dipunyai oleh estet. Adakah Kerajaan menyiasat dan pada masa akan datang untuk mengambil balik tanah-tanah itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada mengenai Tanah Simpanan Melayu hanya menjamin hak milik tanah itu tidak dapat dipindahkan kepada bukan Melayu, tetapi hasil daripada tanah yang dimiliki oleh Melayu tidak ada undang-undang menyekat hasil itu untuk diambil oleh sesiapa pun.

Mengenai kes yang kedua, saya ingin mengetahui butir-butir mengenai perkara ini, kerana pihak Kementerian sedang mengadakan case study atas kejadian-kejadian tertentu untuk membantu Kementerian dalam tindakan-tindakan yang akan diambil baik dari segi undang-undang dan lain-lain di masa yang akan datang.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan di dalam Dewan ini bahawa perkara yang merosakkan hati orang Melayu kita sekarang ini dapat dijamin bahawa pada masa akan datang perkara ini dapat dikawal?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan atas tanah milik Melayu di dalam Kawasan Simpanan Melayu, kawalan undang-undang yang ada pada hari ini adalah sungguh meyakinkan dan menjamin bahawa miliknya tidak berpindah kepada orang-orang bukan Melayu. Mengenai tanah-tanah milik Melayu yang bukan di dalam Kawasan Simpanan Melayu setakat hari ini usaha-usaha hanya secara menggalakkan orang-orang Melayu tersebut supaya jangan menjual tanah mereka dan memberi kemudahan untuk membangunkannya.

Pendapat-pendapat yang diperolehi selama ini mengenai jangan jual tanah kepada bukan Melayu datangnya daripada orang-orang

yang tidak mempunyai tanah dan kebanyakannya daripada mereka yang mempunyai tanah, malah setengah daripada mereka telah membeli tanah itu dengan harapan untuk dapat menjualnya di satu masa nanti. Oleh itu, undang-undang tidak dibuat untuk menyekat orang Melayu yang memiliki tanah di kawasan bukan Kawasan Simpanan Melayu daripada menjualnya hanya cuma tidak digalakkan dan diberi kemudahan supaya membangunkan sendiri.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya boleh atau tidak Kerajaan membuat dasar supaya bukan sahaja di dalam kawasan Melayu orang Melayu mempunyai hak orang Melayu, tetapi kawasan yang orang Melayu belum berhak lagi seperti hutan simpan, lombong di kawasan Melayu, baik di Sabah, di Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia orang lain telah ambil hutan-hutan itu, kayunya dipotong, diangkut dan dijual. Boleh atau tidak perkara ini dipertahankan oleh Kerajaan dengan satu undang-undang iaitu bumiputra sahaja yang boleh mengambil balak-balak ataupun bijih yang ada di bawah tanah itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal lain daripada soalan yang ada, kerana soalan yang ada ini adalah untuk mempertahankan milik tanah yang ada di dalam kawasan Melayu supaya jangan dijual kepada bukan Melayu. Pendapat Yang Berhormat itu diberi perhatian tetapi soalan itu tidak dapat dijawabkan sekarang.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan memang adanya tanah-tanah di dalam kawasan Melayu yang sekarang ini dimiliki oleh orang bukan Melayu oleh kerana tanah-tanah itu telah dibagikan sebelum kawasan itu digazettekan sebagai kawasan Melayu, dan yang demikian tanah-tanah itu boleh dijual kepada orang bukan Melayu tetapi bila dijual kepada orang Melayu nanti, maka orang Melayu itu tidak boleh selepas itu menjualkan kepada orang yang bukan Melayu.

Tuan Sanusi bin Junid: Perkara ini telah ditimbulkan di sana sini dan ini adalah satu perkara yang sekarang ini memang

dalam perhatian pihak Kementerian. Ada kes-kes begini malahan tanah-tanah kawasan rizab Melayu pun ada yang sudah tergadai kepada orang bukan Melayu ataupun ada surat pindahmilik yang mungkin nanti mahkamah sahaja dapat menentukan sama ada milik itu sah ataupun tidak. Berkenaan dengan kejadian-kejadian untuk mendapatkan tanah bukan Melayu baik sebelum ada undang-undang rizab Melayu dan kemudian daripadanya memanglah perkara yang sedang menjadi sekarang ini di merata-rata tempat, tetapi Kementerian memberi jaminan tiap-tiap kes begini yang disampaikan kepada kita, kita akan beri perhatian supaya tindakan dibuat di masa-masa akan datang supaya kejadian ini tidak berlaku lagi.

Datuk Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu kepada Dewan ini, bagaimana pula soal tanah-tanah yang diminta oleh bumiputra untuk tujuan mendirikan rumah, perlombongan, kayu balak atas nama bumiputra bila didapati dan diluluskan dijual kepada orang bukan Melayu, adakah ini termasuk dalam soal tanah bumiputra dijual kepada bukan orang Melayu.

Tuan Sanusi bin Junid: Saya ingin membataskan jawapan kepada soalan yang ada buat sementara waktu, kerana saya berpendapat jawapan kepada soalan itu memerlukan satu jawapan yang lain, kerana ia memilikkan tanah yang sekarang ini di bawah kuasa Kerajaan Negeri kemudian sama ada milik itu sudah dianggap sebagai milik Melayu atau milik bumiputra. Tetapi untuk jawapan saya pada kali ini, soalnya ialah untuk membataskan tanah yang dimiliki oleh orang Melayu sekarang ini, sama ada boleh pindah atau tidak ke tangan bukan Melayu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tanah yang dimiliki oleh orang Melayu di dalam kawasan Melayu, Tuan Yang di-Pertua, memang sudah ada syarat-syarat (condition) tidak boleh dijual kepada bangsa asing, ini apa yang hendak digaduhkan. Kalau misalnya dia jual, orang Melayu itu boleh ambil balik, sebab ada dengan syarat-syaratnya tidak boleh dijual dan tidak boleh digadai, apa yang ditakutkan. Kedua, tanah yang di luar kawasan Melayu, ini yang kita gaduhkan, tetapi jikalau tanah itu di luar kawasan Melayu, orang Melayu hendak jual

kepada bangsa asing, kepada siapa dia suka, apa pula digaduhkan. Jadi, ini yang saya tidak tahu. Dalam suratkhbar saya baca macam-macam gaduh. Jadi, soalan saya; ini saya hendak explain dahulu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya apa?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Jadi, kenapa Kementerian atau Pejabat Tanah gaduhkan hal ini. Tanah-tanah yang di luar kawasan Melayu yang orang Melayu punya hendak dijual atau sebagainya—itu soal dia, kerana negeri ini demokrasi, melainkan tanah yang ada condition itu tidak menjadi hal. Yang saya gaduh tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soal lain, iaitu tanah-tanah di dalam kawasan Melayu yang belum lagi menjadi hak tetapi Kerajaan punya, jadi Kerajaan pula salah sekarang ini. Yang dikatakan Kerajaan salah kerana Kerajaan tidak membuat dasar. Apakah sebab diberikan pula kepada orang mengangkut kayu di atas tanah itu dan apa sebab pula diberi orang melombong di atas tanah-tanah ini. Boleh atau tidak dibuat dasar kerana Kerajaan juga ada mempunyai geran atas tanah itu, boleh tidak dibuat begitu?

Tuan Sanusi bin Junid: Yang gaduh mengenai jual tanah Melayu ini bukan Kerajaan tetapi yang gaduh ialah rakyat mengenai tanah Melayu ini dijual kepada bukan Melayu. Bila rakyat gaduh, Kerajaan pun kelam-kabutlah mengkaji apa yang menyebabkan jadi gaduh. Kemudian yang gaduh supaya tanah milik Melayu ini jangan dijual kepada bukan Melayu pun kebanyakannya orang yang tidak ada tanah. Orang yang ada tanah dia tidak berapa sebok sangat hendak tahan haknya untuk dijual kepada bukan Melayu. Soalnya ada dua perkara tadi, pertama tanah dalam rizab Melayu. Mengikut Majlis Tanah Negara, kuasa yang ada mengikut undang-undang tanah dalam rizab Melayu tidak sah kalau dijual kepada bukan Melayu. Walau bagaimanapun, sebelum perisytiharan ini dibuat secara terbuka, memang ada orang mencuba dengan berbagai macam cara mengikat tanah orang Melayu dan membuat perjanjian, kalau hutang tidak dibayar, tanah itu dipindah-milik mengikut kehendak orang yang beri pinjaman duit itu. Semua perkara ini adalah perkara-perkara yang berlaku yang menyebabkan menjadi masalah kepada orang

Melayu tetapi tanah milik Melayu tetap tidak sah dijual kepada bukan Melayu kalau ianya di dalam kawasan rizab Melayu. Soal ambil benda atas tanah Melayu, itu tidak timbul, kerana Majlis Tanah Negara telah membincangkan, apakah orang-orang Melayu yang buat kedai atas tanah milik Melayu tidak mahu membenarkan kedainya disewa oleh bukan Melayu. Apakah orang-orang Melayu kalau dapat permit teksi, teksinya tidak mahu dibenarkan bukan Melayu naik teksinya. Jadi perkara ini telah dibahaskan secara mendalam dan pendapat Kerajaan dari segi milik memang tidak boleh pindah milik, kalau tanah itu bukan dalam kawasan Melayu. Hak untuk memindah milik memang ada tetapi untuk mempertahankan milik Melayu maka kemudahan diberi supaya kita dapat kemudahan kewangan daripada agensi-agensi Kerajaan. Itu sahaja, terima kasih.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

6. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah penagih-penagih dadah yang terdapat di negara kita dalam tempoh 1hb September, 1957 hingga 31hb Disember, 1978; dan
- (b) tempat-tempat pemulihan di mana mereka dirawat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penagihan dadah yang berdaftar di negara ini sehingga Disember, 1978 ialah sebanyak 38,000 orang. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan bahawa seramai 240,000-300,000 orang adalah terlibat di dalam kegiatan ini.
- (b) Pada masa ini 3 buah pusat pemulihan di bawah Kementerian Kebajikan Am sedang menjalankan kegiatan-kegiatan pemulihan yang boleh menampung sebanyak 1,200 orang pada tiap-tiap 6 bulan iaitu di tempat-tempat berikut: di Kuala Kubu Baru; di Besut dan Bukit Mertajam. Rancangan sedang diatitkan bagi mendirikan pusat-pusat pemulihan yang baru iaitu di Muar dan di Sungai Petani dan di Sepang di samping pembesaran pusat-pusat yang

ada sekarang ini. Dalam pada itu di Penjara Seremban telahpun dikhaskan untuk pemulihan banduan-banduan yang terlibat dalam penagihan dadah ini dan juga pusat penahanan dan pemulihan di Kuching sedang diubah-suaikan sebagai satu pusat pemulihan dadah di negeri Sarawak.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Melihatkan keadaan penagih dadah ini bukan kurang, bertambah walaupun kita ada Menteri, dan dipusatkan mereka ini di pusat-pusat pemulihan dan ditambah pusat pemulihan tetapi tidak berkesan. Dewan ingin tahu apa satu langkah yang terbaharu yang boleh memberi kesan bagi mengurangkan penagih-penagih dadah ini untuk pengetahuan rakyat.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang berkesan telahpun diambil oleh pihak Kerajaan menerusi berbagai-bagai Badan dan Kementerian. Selain daripada tempat-tempat pemulihan yang ada maka usaha-usaha juga telah dibuat atau telah dijalankan bagi mengubah sikap pemuda-pemuda kita dengan diadakan pelajaran-pelajaran di sekolah-sekolah dan juga di pusat-pusat latihan supaya menjauhkan diri daripada penyalahgunaan dadah ini. Pemulihan-pemulihan yang telahpun ada di pusat-pusat pemulihan ini telah memberi kesan yang memuaskan juga terhadap pemulihan-pemulihan kepada penagih-penagih dadah dan juga pihak-pihak yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah ini.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak terdapat penagih-penagih dadah ini atau sejumlah besar daripada penagih-penagih dadah ini telah datang secara sukarela untuk mendapat rawatan di tempat-tempat tersebut tadi. Akan tetapi oleh kerana kekurangan tempat, kekurangan kemudahan banyak di antara mereka ini tidak dapat diterima. Kalau benar begini, adakah Kerajaan telah mengadakan satu persiapan bagi menghadapi masalah kalau sekiranya kebanyakan penagih-penagih dadah ini datang meminta rawatan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah terangkan tadi bahawa pusat-pusat pemulihan dadah yang baru sedang diadakan untuk menambah kepada pusat-pusat yang sudah ada sekarang dan begitulah juga pusat-pusat yang ada sekarang ini sedang dibesarkan. Selain daripada itu pusat-pusat pemeriksaan dan juga pusat-pusat rawatan diadakan di semua hospital-hospital sama ada hospital-hospital kecil ataupun hospital-hospital daerah. Begitulah juga pusat-pusat pemulihan ini akan ditambah lagi selain daripada tiga penambahan yang ada itu. Inilah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah banyaknya penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Kerana ada 36 pertanyaan-pertanyaan semuanya. Cukuplah!

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu pusat pemulihan yang dikatakan yang baru yang akan didirikan di Muar itu bila siap? Ini sangat mustahak, saya hendak tahu.

Kedua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar yang boleh dikatakan kebanyakan hospital-hospital yang ada sekarang ini tidak mahu melayan penagih-penagih dadah yang meminta ubat di hospital-hospital. Kalau Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan ada hospital itu mahu menerima dan melayan ini, saya harap diberitahu kepada hospital berkenaan.

Yang saya dapat tahu hospital berkenaan tidak hendak menerima penagih dadah ini.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama tadi, pusat pemulihan di Muar akan siap pada akhir tahun 1980. Berhubung dengan banyaknya orang-orang yang telah meminta untuk dirawat di hospital yang telah ditolak oleh hospital itu, ini adalah tanggungjawab pihak Kementerian Kesihatan, dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dapat memberikan sedikit sebanyak jawapan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya kena tarik dalam soalan ini. Pertama sekali

mengenai soalan Yang Berhormat tadi iaitu hospital tidak mahu melayan penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti faham cara merawat seseorang penagih dadah, salah satu daripada caranya kita mengadakan satu detection centre dan semua hospital besar dan kecil di seluruh negara telah diminta menyediakan tempat sebagai detection centre untuk mengesan penagih-penagih dadah dan ada juga hospital yang cukup besar digunakan sebagai detoxification centre. Jadi detoxification centre di hospital-hospital ini hanya dapat mengadakan beberapa buah katil sahaja. Oleh kerana detoxification ada kaitannya dengan pemulihan maka bilangan yang ditoxify hendaklah diselaraskan dengan keupayaan pusat pemulihan menerima mereka yang telah ditoxify itu. Jikalau sebuah hospital dapat mengadakan 100 buah katil untuk detoxification akan tetapi tempat pemulihan tidak sanggup dan tiada berkeupayaan untuk menerima bilangan ini maka usaha detoxification menjadi sia-sia. Ini yang sebenarnya bukan hospital itu tidak mahu melayan penagih-penagih dadah tetapi ianya mesti dikaitkan dengan keupayaan pusat pemulihan memulih penagih dadah, kerana pemulihan dengan detoxification ini merupakan part and parcel of the treatment.

PENUNTUT SEKOLAH MENENGAH JOHOR

7. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa pada 3hb Februari 1979 Kerajaan Johor telah mendedahkan tangkapan beberapa orang penuntut sekolah menengah di negeri itu kerana penglibatan mereka dengan kegiatan komunis; jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil—

(i) untuk menentukan bahawa penuntut-penuntut kita tidak terjerumus ke dalam kegiatan-kegiatan komunis itu, dan

(ii) terhadap guru-guru yang bersubhat dengan penuntut-penuntut yang menyeleweng itu; dan

(b) bilangan penuntut-penuntut sekolah menengah di negeri-negeri lain yang juga turut terlibat dengan kegiatan-kegiatan komunis.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun diberikan dalam Dewan ini pada 9hb April yang lalu. Oleh yang demikian, saya tidaklah bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya hendak tahu berkenaan dengan kerjasama di antara Kementerian Dalam Negeri dengan pihak Kementerian Pelajaran dalam perkara ini, masalah pelajar-pelajar atau murid-murid yang terlibat dalam kegiatan komunis. Jadi, katanya ada kerjasama di antara dua jabatan ini atau Kementerian ini. Dapatkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memberitahu saya atau Dewan ini cara-cara kerjasama yang telah dibuat untuk mencegah terlibatnya pelajar-pelajar itu di dalam kegiatan komunis, kerjasama yang telah dibuat di antara Kementerian Dalam Negeri dengan pihak Kementerian Pelajaran.

Yang keduanya, saya harap dapat tahu berkenaan dengan guru-guru, jika ada guru-guru itu mengetahui yang muridnya terlibat dalam kegiatan komunis, maka dia telah bersubhat. Adakah guru ini akan dituduh di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri ataupun dituduh di bawah Undang-undang Jenayah (Penal Code) yang boleh dihukumkan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telahpun diberi jawapan pada 9hb April yang lalu iaitu kerjasama yang diberi oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Pelajaran ataupun sekolah-sekolah ialah dengan mengadakan ceramah-ceramah di sekolah-sekolah untuk menerangkan kepada pelajar-pelajar tentang ancaman komunis dan juga di sekolah-sekolah seperti yang telahpun diterangkan, diadakan kegiatan-kegiatan luar darjah semumpamanya penubuhan Pasukan Polis Kadet dan lain-lainnya supaya dapat mengelakkan pelajar-pelajar dari tercebur ke dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerusi Jabatan-jabatan yang berkenaan sentiasa menghubungi Kementerian Pelajaran dan juga sekolah-sekolah sepertimana yang saya katakan tadi untuk memberitahu kepada sekolah-sekolah itu tentang akibat-akibat yang buruk yang akan tercedur oleh pelajar-pelajar sekalian sekiranya mereka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang demikian.

Bagi jawapan kepada soalan yang kedua tadi, memanglah kalau sekiranya guru-guru sendiri terlibat dalam masalah ini mereka tentulah akan diambil langkah dan tindakan menurut Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri.

SUN U BOOK COMPANY SDN. BHD.

8. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, memandangkan dasar Kerajaan adalah untuk menolong semua rakyat jelata di negara ini dengan adil dan saksama, apakah tindakan Kerajaan sekiranya didapati sebuah kilang di Malaysia ini menganaktirikan dan memandang rendah terhadap orang-orang Melayu sehingga berlaku sepertimana yang sedang berlaku di Sun U Book Company Sendirian Berhad, No. 4, Lorong 13/6A, Petaling Jaya di mana gaji pekerja Cina ialah \$300 sebulan manakala gaji pekerja India \$200 sebulan dan gaji pekerja Melayu \$135 sebulan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menjalankan satu siasatan yang lengkap terhadap Syarikat Sun U Book Company Sendirian Berhad yang disebutkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu dan siasatan menunjukkan bahawa tidak terdapat diskriminasi terhadap pekerja-pekerja Melayu di Syarikat tersebut. Kadar bayaran gaji di Syarikat ini adalah berpandukan kepada pengalaman, kemahiran, kebolehan, merit dan mengikut prestasi seseorang pekerja itu. Ianya dari apa yang kita dapat tahu tidak berpandukan kepada bangsa atau keturunan.

Pekerja-pekerja Melayu yang bergaji paling tinggi di Syarikat ini ialah seorang "Linotype Operator" mempunyai lima tahun pengalaman, yang dibayar sebanyak \$280 sebulan. Pekerja-pekerja Cina dan India

yang memegang jawatan 'Linotype Operator' seperti ini serta mempunyai pengalaman yang sama adalah juga dibayar gaji \$280 sebulan iaitu gaji yang sama. Pekerja-pekerja Am (General Workers) Melayu dengan tiga tahun pengalaman dibayar \$135 sebulan, begitu juga halnya dengan pekerja-pekerja Cina dan India di Syarikat ini.

Kementerian saya adalah memandang berat mengenai amalan-amalan diskriminasi terhadap mana-mana kumpulan pekerja. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian saya untuk membantu Kerajaan dalam usaha-usaha menghapuskan apa-apa juga jenis diskriminasi dalam pekerjaan. Dalam hubungan ini pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan dan lawatan ke tempat-tempat kerja untuk menentukan bahawa majikan-majikan mematuhi dasar-dasar Kerajaan. Dalam perkara ini jika sekiranya didapati mana-mana majikan yang mengamalkan diskriminasi kaum di kalangan pekerja-pekerja mereka, tindakan sewajarnya akan diambil untuk membetulkan perkara ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau pegawai Kementerian cuma pergi bertanya kepada majikan, tentulah majikan itu mengatakan seperti apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Tetapi saya bawa perkara ini dengan ada alasan-alasan dalam surat yang diterima daripada orang-orang Melayu. Sepatutnya orang-orang Melayu di situ mesti diinter-view, ditanya bagaimana mereka ini dianiayai oleh majikan-majikan ini. Takkan semua orang Melayu yang menghantar surat itu bohong belaka. Boleh atau tidak Menteri yang bertanggungjawab pergi sekali lagi menyiasat perkara ini benar-benar supaya jangan pegawai sahaja pergi menanya majikan sahaja. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat hairan bagaimana Ahli Yang Berhormat dapat surat seperti itu dengan alasan yang disertai oleh Ahli Yang Berhormat sendiri. Seharusnya dipanjangkan kepada kita sebelum Dewan ini bersidang untuk membolehkan tindakan yang tegas dapat diambil. Walau bagaimanapun, saya harap Ahli Yang Berhormat selepas session

ini akan memberi kepada saya alasan-alasan yang dikatakan ada di tangan Yang Berhormat itu.

Juga di sini saya ingin mengatakan bahawa penyiasatan pegawai saya tidak dihadkan kepada bertanya kepada majikan sahaja. Pegawai Kementerian saya adalah mempunyai latihan yang penuh dan siasatan mereka dalam perkara ini, saya sendiri tahu adalah dengan soal-meny soal bukan sahaja kepada majikan tetapi juga kepada pekerja-pekerja yang berkenaan, dan juga memeriksa daftar gaji bulanan yang mesti disimpan oleh sesebuah syarikat mengikut Employment Ordinance, 1955. Dalam perkara ini tidak ada perbezaan fikiran di antara Ahli Yang Berhormat dan Kementerian saya. Jika ada bukti menunjukkan bahawa ada diskriminasi, saya memang terima perkara itu untuk mengambil tindakan. Tetapi seperti saya telah terangkan tadi jika bukti itu tidak seperti apa yang dikatakan itu, memanglah kita mesti tidak dapat melayani surat-surat seperti itu.

Dalam perkara ini kita mesti menentukan decision kita jika ada diskriminasi atau tidak di atas sebab-sebab yang saya katakan iaitu kebolehan, pengalaman, kemahiran dan lain-lain. Tadi saya katakan bahawa pekerja Melayu yang paling kanan dalam Syarikat ini ialah seorang "Linotype Operator" mempunyai gaji yang sama dengan lain-lain Operator dengan pengalaman dan kemahiran yang sama.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, kalau difikirkan berkenaan dengan pengalaman, ada kilang-kilang beras umpamanya; walau bagaimana beratnya orang Melayu memikul beras tetapi gajinya tidak serupa dengan orang asing yang memikul beras. Boleh atau tidak Menteri yang bertanggungjawab menyiasat di atas keseluruhan perkara ini?

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu jika Ahli Yang Berhormat itu hendak pegawai Kementerian saya berjalan ke semua kilang menyiasat satu tuduhan yang sebegitu am. Jika ada bukti-bukti yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya harap dapat kerjasama dalam perkara ini dengan memanjangkan

bukti itu kepada saya. Jika ada syak pun, Kementerian saya sedia menyasat perkara itu untuk menentukan keadaan yang sebenarnya.

GURU BERPOLITIK

9. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru yang memohon kebenaran untuk berpolitik mengikut kaum;
- (b) bilangan permohonan yang ditolak; dan
- (c) sebab-sebab permohonan mereka ditolak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan guru yang telah memohon kebenaran untuk berpolitik mengikut rekod Kementerian saya adalah seperti berikut:

(i) Sahabat Guru Melayu	224	orang
(ii) Sahabat Guru Cina	171	„
(iii) Sahabat Guru India	71	„
Jumlah	466	orang

Jawapan (b) dan (c)—tidak ada.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penafsiran daripada Menteri yang berkenaan apa makna “sahabat guru Cina, sahabat guru India” itu. Adakah diistilah dalam soalan itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkataan “sahabat” itu ialah sebab kita semua adalah sahabat (*Ketawa*).

PERKHIDMATAN KERETAPI MALAYSIA/SINGAPURA

10. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar Kerajaan bercadang mengurangkan perkhidmatan keretapi antara Malaysia dengan Singapura selepas Pelabuhan Pasir Gudang lengkap dibina.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah dalam kajian untuk menentukan kedudukan dari segi ekonomi sama ada perkhidmatan keretapi antara Malaysia ke Singapura itu dikurangkan atau dihentikan.

MANGSA KEBAKARAN/BANJIR

11. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah bantuan yang diberi mengikut negeri kepada:

- (a) mangsa-mangsa kebakaran; dan
- (b) mangsa-mangsa banjir dalam tahun 1977 dan 1978.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kebajikan Am kepada mangsa-mangsa kebakaran dan banjir pada tahun-tahun 1977 dan 1978 mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri-negeri yang menerima bantuan kebakaran dalam tahun 1977 ialah:

Kedah	\$ 28,000
Wilayah Persekutuan	11,040
			<hr/>
			\$ 39,040

Dalam tahun 1978 pula:

Perlis	\$ 6,036
Kedah	3,380
Pulau Pinang	9,660
Perak	20,000
Selangor	15,050
Wilayah Persekutuan	23,026
Negeri Sembilan	1,640
Kelantan	5,590
Sarawak	210,950
			<hr/>
			\$295,332

Mangsa banjir pula, negeri-negeri yang menerima pada tahun 1977 ialah Wilayah Persekutuan sebanyak \$5,520 dan dalam tahun 1978 Wilayah Persekutuan \$11,514.

BUMIPUTRA DI BIDANG PERUSAHAAN PERFILEMAN

12. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menolong Bumiputra bagi memajukan bidang perusahaan perfileman di negara ini. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu pusat atau akademi perfileman dalam usaha memberi bimbingan dan memajukan Bumiputra dalam bidang tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah tertentu bagi membantu Bumiputra dalam bidang perusahaan perfileman di negara ini. Untuk membantu Bumiputra dalam masalah berkaitan dengan penayangan filem, Kerajaan adalah menggalakkan Badan-badan Kerajaan seperti UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mendirikan panggung-panggung wayang, sama ada secara perkongsian dengan Bumiputra atau sendiri. Setakat ini UDA telahpun mendirikan tiga buah panggung wayang. Beberapa Perbadanan Kemajuan Negeri telahpun mengadakan rancangan-rancangan untuk membina panggung wayang dan ada di antaranya telahpun memulakan pembinaan panggung-panggung tersebut. Dengan adanya panggung-panggung wayang ini nanti pengeluaran atau penderang Bumiputra akan dapat mengatasi masalah mendapatkan panggung-panggung wayang untuk menayangkan filem-filem mereka yang mana mereka hadapi sekarang.

Dalam lapangan pengeluaran filem pula, Kerajaan adalah sedia menimbangkan galakan-galakan tertentu bagi membantu syarikat-syarikat bumiputra dan setakat ini Kerajaan telahpun memberi kelulusan dengan galakan taraf perintis, kredit cukai pelaburan kepada enam buah syarikat bumiputra bagi mengeluarkan filem.

Di samping itu juga Kerajaan adalah sedia menimbangkan pengecualian cukai kastam terhadap alat-alat ataupun perkakas-perkakas yang diimpot oleh pengeluaran-pengeluaran filem bagi kegunaan pengeluaran filem.

Selain daripada itu, Kementerian saya sedang mengadakan satu Rang Undang-undang berkenaan dengan perusahaan perfileman tempatan dengan tujuan supaya perusahaan tersebut dapat dimajukan dengan pesatnya, dan terdapat penyertaan yang berkesan oleh rakyat tempatan terutama bumiputra. Di bawah Rang Undang-undang tersebut nanti, adalah dicadangkan satu badan akan diwujudkan yang mempunyai tugas, di antara lain, memberi bimbingan dan bantuan kepada perusahaan perfileman tempatan termasuk bumiputra.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Kita sangat berbesar hati bahawa satu penggalakan yang diberi oleh Kementerian ini berhubung dengan panggung wayang ataupun pawagam yang didirikan oleh bumiputra atau syarikat bumiputra. Saya ingin tahu daripada Kementerian ini bolehkah Kementerian ini menjadi orang tengah untuk memecahkan masalah monopoli panggung-panggung wayang ini yang ada di dalam negeri ini supaya diberikan peluang kepada penderang-penderang dan juga pengeluaran-pengeluaran filem bumiputra dengan keadaan itu perasaan muhibah akan teranam di dalam usaha ini.

Dato' Lew Sip Hon: Kementerian saya dengan seberapa daya upaya memainkan peranan yang mana kita boleh memberi kemudahan ataupun peluang kepada penderang filem untuk menggunakan panggung wayang tetapi ini tidak boleh dibuat secara paksa. Apabila badan yang saya katakan tadi di bawah Rang Undang-undang diwujudkan, tugas yang penting bagi badan ini ialah seperti yang saya katakan tadi memberi bimbingan dan bantuan kepada perusahaan perfileman.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Semalam juga Yang Berhormat Menteri telah menjawab iaitu cuma 1.5% sahaja orang-orang bumiputra mengambil bahagian di dalam filem ini. Oleh kerana monopoli ini ada dua sahaja iaitu Cathay dan Shaw yang mendapat keuntungan yang banyaknya selama ini sebelum atau sesudah merdeka. Kerajaan telah janji perkara ini sudah lama untuk disiasat. Boleh atau tidak Kerajaan memberi jaminan iaitu di dalam tempoh enam bulan daripada ini iaitu Shaw dan Cathay tidak boleh lagi mengimpot filem, sebab dia ada panggung

wayang sudahlah. Seperti yang dibuat di Amerika. Kalau ada misalnya panggung wayang, filem dia tidak boleh impot. Boleh atau tidak buat supaya pihak bumiputra dapat menjalankan urusan begini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, dalam satu ekonomi yang bebas, sukarlah kita hendak hadkan kepada siapa-siapa pun tetapi kita boleh beri insentif kepada siapa yang telah lambat masuk di dalam perindustrian ini, dan Kerajaan telah sedar bahawa di perindustrian filem ini khususnya panggung wayang ini dimonopolaiskan oleh cuma dua organisasi sahaja sukarlah saya beritahu bahawa bilangan panggung wayang Shaw Organization ada 82, Cathay 70. Tetapi bebas ada 248. Walaupun begitu, kita tahu pengedaran filem di dalam kuasa organisation Shaw dan Cathay, dan kita pun tahu panggung wayang yang bebas itu sukar dapat filem untuk ditayangkan. Jadi dalam ekonomi yang bebas, kita cuma boleh aturkan supaya mana-mana satu pihak tidak boleh monopolais perindustrian ini.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Saya difahamkan daripada mereka yang terlibat di dalam dunia filem di dalam film international bahawa negara kita adalah salah satu negara yang sesuai untuk mengadakan industri filem terbesar khususnya mengadakan studio-studio dan sebagainya, kerana memandangkan iklim negara kita dan lagi kemudahan-kemudahan para extra dan sebagainya. Adakah di dalam rancangan Kerajaan supaya negara kita ini dijadikan satu tempat yang mana kita boleh mengadakan industri filem secara besar yang mana filem-filem antarabangsa boleh mengambil peranan di sini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lampau ada juga organisasi filem yang datang daripada luar negeri memilih Malaysia sebagai background atau scenery untuk mengadakan filemnya di sini. Tetapi kalau kita hendak bandingkan dengan Hong Kong dan Taiwan yang telah maju dalam industri filem boleh dikatakan kita sangat terkebelakang. Tetapi Kementerian saya ini pandang kemajuan perindustrian filem selaras dengan kemajuan perancangan. Jadi ini sekarang dalam kajian dan sungguhpun seperti yang saya katakan tadi di dalam senarai kita ini ada 20 syarikat-syarikat bumiputra yang telah diberi lesen

untuk membuat filem. Yang aktif sahaja tidak lebih daripada 4-5. Jadi ini ialah setakat yang mana kita hadapi, yang mana kita memberi galakan supaya perindustrian filem ini dapat dimajukan.

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

13. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada satu kajian telah dibuat untuk memperbaiki Dasar Pelajaran Kebangsaan supaya pelajar-pelajar kita tanpa mengira asal keturunannya diberi peluang yang saksama dalam sistem pelajaran pada masa akan datang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan sekarang, Kerajaan Barisan Nasional tidak menganggap perlu untuk memperbaiki Dasar Pelajaran Kebangsaan, kerana dasar yang dikuatkuasa sekarang sudahpun diterima oleh sebahagian besar rakyat kita menerusi wakil-wakil yang mereka pilih untuk menganggotai Dewan Rakyat. Walaupun demikian, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sukacita saya nyatakan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet telahpun dilantik untuk mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Suka saya tegaskan bahawa Jawatankuasa tersebut diberi bidang tugas mengkaji semula pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan; dan bukan mengkaji semula Dasar Pelajaran Kebangsaan itu sendiri.

Soal memberi peluang yang saksama kepada pelajar-pelajar kita tanpa mengira asal keturunannya adalah tidak timbul kerana itulah yang menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan sekarang ini. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa peluang-peluang ini kita berikan mengikut keperluan-keperluan Dasar Ekonomi Baru yang mana kita semua sokong dan kita laksanakan menerusi Rancangan-rancangan Pembangunan Negara kita ini.

TANAH ORANG MELAYU DI BANDAR

14. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah keluasan tanah orang Melayu dalam bandar yang telah dijual, digadai atau disewakan kepada orang-orang bukan Melayu;

(b) jumlah keluasan tanah kepunyaan orang Melayu yang terlibat dalam kejadian itu sejak Merdeka hingga sekarang; dan

(c) usaha untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini hampir sama dengan yang terkandung dalam jawapan kepada soalan No. 5. Walau bagaimanapun kerana ada perkataan gadaian dan untuk tujuan rekod, saya ingin menjawabnya seperti berikut:

Bagi (a)

dan (b) Perangkaan keluasan tanah bandar yang telah dijual, digadai atau disewakan kepada orang bukan Melayu sejak Merdeka hingga sekarang tidak dapat didapati dalam jangka masa yang singkat. Perangkaan ini hanya boleh didapati daripada rekod-rekod pertukaran milik yang digunakan oleh Pejabat-pejabat Tanah dan Pejabat-pejabat Pendaftaran Tanah. Penyemakan rekod-rekod tersebut memerlukan masa yang panjang. Kerajaan Negeri juga telah diminta supaya mengumpulkan data-data mengenai penjualan dan gadaian tanah-tanah Melayu kepada orang-orang bukan Melayu.

(c) Untuk mengatasi masalah ini agensi-agensi kewangan Kerajaan seperti Bank Pertanian dan agensi-agensi Pembangunan seperti UDA, Perbadanan Kemajuan Negeri digalakkan membangun mengambil alih atau membeli tanah yang hendak dijual itu dan kemudian memajukan ataupun menjualkannya kepada orang Melayu yang lain. Lain-lain jawapan kepada soalan ini telah disebut waktu menjawab soalan No. 5.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam memajukan tanah-tanah sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan timbul beberapa kesulitan, beberapa kelengahan, adakah Kementerian ini berfikir satu ketika kelak

bahawa Kanun Tanah Negara ini patut disemak, ditambah, dipinda supaya sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru yang berjalan sekarang.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tanah Negara telah mengarahkan Urusetia dan pihak Peguam Negara untuk menyemak dari segi undang-undang.

MARA—PINJAMAN PERNIAGAAN KECIL

15. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengenai pinjaman-pinjaman wang MARA untuk perniagaan-perniagaan kecil dan besar di negeri Kedah menyatakan:

(a) bilangan pinjaman-pinjaman antara 4,000 ringgit hingga 100,000 ringgit; dan

(b) mengapa pinjaman-pinjaman MARA ini terlalu lambat diluluskan kadangkadangkang memakan masa hingga tiga bulan dan lebih.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa had satu-satu pinjaman MARA telah diubah dari satu masa ke satu masa. Sebelum bulan April tahun 1976 had pinjaman ialah cuma \$10,000 dan meningkat hingga \$100,000 sehingga bulan Julai, 1978. Mulai bulan Ogos tahun 1978 had ini telah diturunkan kepada \$50,000 sahaja kerana adalah difikirkan pinjaman yang lebih daripada itu dapat diperolehi daripada institusi-institusi kewangan yang lain. Bilangan pinjaman MARA di antara \$4,000-\$100,000 di negeri Kedah dari tahun 1976-1978 ialah 302 yang bernilai \$3,341,300. Cara purata atau kebiasaannya kelulusan di atas permohonan mengambil masa di antara tiga minggu hingga dua bulan. Kadangkadangkang ada berlaku kelewatan dan ini pada lazimnya disebabkan oleh kekurangan butir-butir yang perlu untuk diproses. Ada juga pinjaman yang memerlukan siasatan yang lebih mendalam dan akan memakan masa untuk menentukan viability projek itu. Ini juga akan menahan pemohon daripada menanggung bebanan hutang sekiranya pinjaman diberikan kepada projek yang tidak viable dan mungkin gagal.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).

SYARIKAT KERJASAMA PINJAM-MEMINJAM KAKITANGAN KERAJAAN MELAKA

16. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah syarikat pinjam meminjam yang bernama Syarikat Kerjasama Pinjam Meminjam bagi Kakitangan Kerajaan dan Perbandaran Melaka Sdn. Bhd. telah tidak mengadakan mesyuarat agungnya sejak tahun 1974 hingga sekarang jika ya, sama ada Kementerian beliau telah mengadakan siasatan lanjut atas pentadbiran syarikat ini.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Kakitangan Kerajaan dan Perbandaran Melaka Berhad telah tidak mengadakan Mesyuarat Agong Tahunannya sejak tahun 1975 oleh sebab kebakaran telah berlaku di bangunan pejabat koperasi pada 20hb November, 1975. Akibatnya kira-kira koperasi bagi tahun 1974 dan 1975 telah musnah.

Tindakan untuk menulis semula semua akaun ini telahpun dibuat dan hingga hari ini akaun 1974 telah siap disediakan. Akaun 1975 telah ditulis semula dan sehingga hari ini telah sampai kepada peringkat di mana Timbangan Kira-kira sedang disediakan.

Akaun bagi tahun-tahun 1976, 1977 dan 1978 adalah kemaskini, tetapi belum dapat disediakan Timbangan Kira-kiranya oleh kerana akaun-akaun ini memerlukan angka-angka yang hendak dibawa ke hadapan (baki) bagi tahun-tahun yang terdahulu daripadanya.

Penulisan semula akaun-akaun berkenaan telah mengambil masa yang panjang oleh kerana ini melibatkan akaun seramai 2,466 ahli dan juga rujukan-rujukan terpaksa dibuat kepada Pejabat-pejabat Kerajaan (Majikan ahli-ahli), lain-lain majikan dan rekod-rekod dan kepada Bank untuk menentukan potongan-potongan dan bayaran-bayaran yang telah dibuat.

Adalah dijangka akaun-akaun ini akan siap untuk diodit selewat-lewatnya pada akhir tahun ini. Setelah siap diodit koperasi tersebut akan mengadakan Mesyuarat Agong dengan secepat mungkin.

LEBUHRAYA KARAK-TEMERLOH

17. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina Lebuhraya Karak-Temerloh di dalam penggal pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga ini, jika ada, bilakah rancangan tersebut akan dimulakan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Bagi menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membina Lebuhraya Karak-Temerloh di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kerana keadaan jalan itu adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja memperbaiki jalan dan kerja-kerja lencongan jalan akan dijalankan di sepanjang jalanraya tersebut. Sebuah firma perunding telahpun dilantik untuk membuat kerja-kerja rekabentuk projek Lencongan Bandar Karak. Di samping itu, tawaran kerja-kerja memperbaiki jalanraya Mentakab-Temerloh akan dipanggil pada bulan April ini.

MURID-MURID LEMAH DALAM BAHASA INGGERIS

18. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementeriannya bagi mengatasi kelemahan murid-murid dalam matapelajaran Bahasa Inggeris terutama dalam Ujian Penilaian Darjah Lima dan Sijil Rendah Pelajaran.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Kementerian saya sedar di atas kelemahan murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah di dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Ini adalah kerana kedudukan bahasa itu bukanlah lagi sebagai

Bahasa Pengantar. Bahasa Inggeris merupakan hanya satu matapelajaran di dalam jadual waktu, yang diajarkan sekali sehari. Dengan ini murid-murid sekolah kurang mendapat pendedahan dan penggunaan bahasa tersebut bukan sahaja di dalam bilik darjah, di luar darjah mahupun di dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Walau bagaimanapun Kementerian saya sedang berusaha serta mencari langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. Kelemahan ini hanya akan dapat diatasi sedikit demi sedikit. Langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

1. Sekolah Rendah

- (i) Mengkaji semula sukatan pelajaran Bahasa Inggeris sekolah rendah dari segi isi kandungan serta susunannya. Ini bertujuan supaya pengajaran dan pembelajaran bahasa itu dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi serta mengikut prinsip-prinsip pengajaran hari ini.
- (ii) Mendedahkan murid-murid dengan bacaan tambahan Bahasa Inggeris "New Zealand Readers". Buku-buku bacaan tambahan ini merupakan bahan-bahan bacaan yang diperingkat-peringkatkan mengikut perkembangan alam pemikiran serta keupayaan Bahasa Inggeris murid-murid.
- (iii) Beberapa kursus Bahasa Inggeris dalam perkhidmatan telah dan akan dijalankan kepada kakitangan penting di seluruh Malaysia berperingkat-peringkat. Kursus-kursus ini lebih menitikberatkan tentang:
 - (a) Pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua;
 - (b) Pembentukan alat-alat mengajar yang sesuai bagi satu-satu pengajaran Bahasa Inggeris;
 - (c) Pembentukan bahan-bahan pengajaran;
 - (d) Cara-cara penilaian dan penganalisaan daerah-daerah kelemahan murid-murid agar kerja-kerja pemulihan dapat dibentuk dan dijalankan.

(iv) Memberi lebih banyak kursus-kursus pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris serta aspek-aspek lain yang bersabit dengan pengajaran Bahasa Inggeris kepada guru-guru sekolah rendah terutama mereka yang mengajar di sekolah-sekolah di luar bandar. Kursus-kursus ini dijalankan oleh:

- (a) Jabatan Pelajaran Negeri;
- (b) Pusat Bahasa Universiti Malaya, Kuala Lumpur;
- (c) Bahagian Latihan Guru; dan
- (d) Beberapa Kesatuan-kesatuan Guru.

2. Sekolah Menengah

- (i) Adalah dipercayai murid-murid di peringkat ini sekiranya mereka memperoleh kemahiran membaca akan dapat menolong mereka sedikit sebanyak menguasai Bahasa Inggeris. Dengan itu satu rancangan bacaan tambahan yang berupa bacaan yang diperingkat-peringkatkan mengikut keupayaan bahasa murid-murid yang dilancarkan pada mulanya ke sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains sejak tahun 1976 lagi. Rancangan ini telah diperluaskan pula ke sekolah-sekolah menengah rendah pada tahun 1978 bermula dengan 50 buah sekolah sahaja sebagai langkah percubaan. Rancangan ini telah dimajukan lagi dengan menambahkan sebanyak 50 buah sekolah lagi pada tahun 1979. Kesan yang diperolehi dari rancangan ini yang telah dijalankan di sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains adalah sangat memuaskan.
- (ii) Menganjurkan beberapa kursus kepada kakitangan penting untuk sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas. Kursus-kursus ini terus berjalan sehingga hari ini dan akan terus diadakan mengikut perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris hari ini.
- (iii) Selain dari itu guru-guru yang mengajar di sekolah menengah diberi kursus-kursus pengkaedahan

pengajaran Bahasa Inggeris serta aspek-aspek yang penting bersabit dengan pengajaran Bahasa tersebut. Kursus-kursus ini diadakan:

- (a) di Pusat Bahasa Universiti Malaya;
 - (b) di Maktab-maktab Perguruan;
 - (c) di RELC, Singapura;
 - (d) di beberapa buah universiti di luar negeri;
 - (e) di peringkat negeri (khusus pendek hujung minggu); dan
 - (f) pada tahun ini (1979) pihak Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dengan kerjasama Kementerian Pelajaran sedang menganjurkan satu kursus intensif pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua yang akan diberikan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris sekarang di sekolah-sekolah menengah tetapi tidak mendapat sebarang latihan pengajaran Bahasa Inggeris semasa menghadiri kursus perguruan mereka dahulu. Projek ini dimulakan dengan 40 orang guru dahulu dan akan diteruskan pada masa akan datang sehingga tercapai bilangan jangkaan guru yang akan dilatih di dalam program ini seramai 200 orang. Dengan ini akan menambahkan lagi guru-guru yang terlatih mengajar matapelajaran ini.
- (iv) Pihak Pusat Perkembangan Kurikulum sekarang ini sedang menyediakan satu resource-kid yang mana dapat menolong murid-murid mempelajari Bahasa Inggeris dengan berkesan. Rancangan ini mungkin akan dijalankan pada pertengahan tahun ini.

Selain daripada langkah-langkah positif ini pihak Kementerian juga akan melancarkan satu kempen Bahasa Inggeris di peringkat sekolah dengan tujuan untuk menanamkan semangat dan sikap baik terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris. Moga-moga dengan kempen

ini akan membawa kesedaran kepada murid-murid betapa pentingnya Bahasa Inggeris selain dari kepentingan Bahasa Malaysia di dalam alam pendidikan dan perhubungan dengan negara-negara lain.

PREMIUM INSURAN PARTI KETIGA

19. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim meminta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa premium insuran bagi parti ketiga untuk kenderaan adalah terlalu mahal dan sama ada beliau akan mengarahkan syarikat-syarikat insuran untuk menurunkan premium bagi parti ketiga.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Sepertimana yang Berhormat maklum, pihak Kerajaan telah membenarkan kenaikan ke atas kadar-kadar tarif bagi insuran motor pada 1-2-78 setelah beberapa perundingan dibuat di kalangan wakil-wakil Persatuan Insuran Malaysia untuk tempoh masa yang lama dan setelah dikaji implikasi-implikasi kewangan yang berkenaan.

Kenaikan kadar tarif dibenarkan dengan beberapa syarat, bahawa tidak ada sesiapa patut dinafikan perlindungan insuran motor dan perlindungan "Akta" iaitu perlindungan atas kecederaan diri sebagaimana dikehendaki di bawah Ordinan Lalulintas Jalan, dan tidak ada "excess" patut dikenakan. Kadar "excess" sepatutnya tidak dinaikkan serta merta selepas berlakunya sesuatu kemalangan. "No Claim Discount" yang diberikan kepada pemegang-pemegang polisi telah dinaikkan sebanyak 5% pada tiap-tiap peringkat, misalnya "No Claim Discount" yang 20% menjadi 25% kenaikan seumpama itu dalam kadar tarif adalah bertujuan untuk mengurangkan kerugian yang dialami oleh penginsuran motor di masa yang lampau. Akan tetapi saya telah diberitahu bahawa terdapat ejen-ejen dan juga setengah-setengah penginsuran yang enggan memberi perlindungan kepada orang awam khususnya bagi "tanker" dan bas-bas pelancungan atas alasan risiko-risiko lebih tinggi dan juga syarikat-syarikat mengenakan premium termasuk loading yang tinggi. Untuk mengatasi masalah ini, syarikat-syarikat insuran telah

menubuhkan di kalangan mereka satu "Unplaced Motor Pool" berkuatkuasa mulai 1-1-1979 untuk menginsurankan kenderaan-kenderaan yang tinggi riskonya yang biasanya ditolak oleh penginsuran secara individu. Kesemua penginsuran am adalah menjadi ahli Pakatan ini dan risiko diagih-agihkan dan ditanggung bersama oleh mereka.

Adalah diharapkan bahawa orang-orang awam yang sukar mendapat perlindungan insuran motor akan dengan serta merta meminta perlindungan dari "Unplaced Motor Pool".

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS)—KERUGIAN

20. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 13hb dan 14hb Feb. 1979.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Jumlah kerugian Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 13hb dan 14hb Februari, 1979 apabila semua penerbangannya digantung ialah dijangka lebih kurang \$1.3 juta.

WABAK KUKU DAN MULUT

21. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan kesusahan yang dialami oleh kerana tidak berani memakan daging akibat wabak kuku dan mulut, langkah-langkah yang diambil untuk mencegah tercetusnya sekali lagi wabak tersebut di negara ini.

Dato' Shariff Ahmad: Langkah-langkah yang diambil:

- (i) Mengawal pengimpotan/kemasukan ternakan ke negara ini khususnya dari Thailand.
- (ii) Mengawal pemindahan ternakan dalam negara ini.
- (iii) Mengetatkan lagi pemeriksaan daging di rumah-rumah sembelih.
- (iv) Menjalankan program suntikan ternakan.

(v) Mengadakan usahasama di antara Malaysia/Thailand dalam usaha pencegahan dan kawalan Penyakit Kuku dan Mulut di kawasan sempadan.

(vi) Memperhebatkan lagi perkhidmatan kesihatan ternakan di seluruh negara.

MAS/KESATUAN SEKERJA— PERTIKAIAN

22. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan lebih suka menerima nasihat pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja tentang cara menyelesaikan pertikaian seperti pertikaian MAS dengan kesatuan sekerjanya daripada nasihat yang diberikan oleh parti politik seperti UMNO yang mewakili rakyat dan negara.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Kerajaan sentiasa mengalu-alukan nasihat-nasihat yang membina dari semua pihak mengenai cara-cara menyelesaikan pertikaian perusahaan. Oleh yang demikian, soal sama ada kerajaan lebih suka menerima nasihat daripada pemimpin Kesatuan Sekerja ataupun pemimpin-pemimpin politik tidak timbul sama sekali.

DASAR EKONOMI BARU— MENOLONG BUMIPUTRA

23. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Cara-cara digunakan untuk memperkuatkan lagi dasar kewangan negara supaya ianya sentiasa kukuh; dan
- (b) Usaha-usaha khusus yang diambil untuk menolong Bumiputra mencapai matlamat 30% di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hmzah:

(a) Dasar Kewangan Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan kestabilan kewangan selaras dengan keperluan untuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Pertumbuhan dalam bekalan wang yang mana mengandungi matawang dalam edaran dan simpanan semasa sektor swasta, sentiasa diawasi dengan

teliti untuk menentukan yang ianya adalah seimbang dengan pertumbuhan ekonomi dengan mencapai kestabilan dalam harga dan kewangan. Kerajaan mempunyai beberapa langkah-langkah kewangan untuk digunakan dalam mengawal pertumbuhan bekalan wang dan kredit dalam ekonomi. Satu daripada langkah-langkah itu yang lebih berkesan untuk mengawal perkembangan dalam pinjaman-pinjaman dan simpanan-simpanan semasa ialah melalui perubahan dalam nisbah cadangan berkanun yang bank-bank perdagangan diperlukan menyimpan dengan Bank Negara. Kerajaan boleh juga mempengaruhi kedudukan kredit dengan mengawal nisbah minima mudah tunai yang disimpan oleh bank-bank perdagangan. Di samping itu, Kerajaan boleh juga mengenakan peraturan-peraturan dalam pemberian pinjaman untuk mengawal jumlah dan arah pemberian kredit. Satu lagi langkah yang mana Kerajaan boleh menggunakan bagi mempengaruhi nisbah mudah-tunai bank dan kos kredit bank ialah melalui perubahan dalam kadar-kadar faedah ke atas pinjaman-pinjaman dan simpanan-simpanan bank. Sungguhpun begitu, demi untuk menggalakkan pertandingan yang sihat dalam industri kewangan, bank-bank perdagangan telah dibenarkan sejak bulan Oktober 1978 untuk menentukan sendiri kadar-kadar faedah ke atas simpanan-simpanan dan kadar pinjaman utama mereka.

Oleh yang demikian, dasar kewangan telah diperkukuhkan dengan penyelarasan dalam penggunaan langkah-langkah kewangan. Pada masa sekarang langkah-langkah yang digunakan oleh Kerajaan ini adalah mencukupi tetapi Kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk mengambil langkah-langkah baru jika ianya difikirkan perlu. Kerajaan akan terus menggunakan langkah-langkah dasar ini bagi mewujudkan suasana kewangan yang sihat untuk mengekalkan pertumbuhan dalam ekonomi dan harga-harga yang lebih stabil.

- (b) Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha-usaha yang akan diambil bagi menolng Bumiputra mencapai matlamat 30% di bawah Dasar

Ekonomi Baru adalah terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Rancangan Malaysia Ketiga dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang baru saja dibentangkan dalam Dewan ini. Usaha-usaha ini adalah meliputi boleh dikatakan di dalam semua bidang dan adalah agak sukar bagi saya untuk menyenaraikan satu per satu usaha-usaha itu di dalam masa yang singkat ini. Kita yakin bahawa matlamat 30% itu akan dapat dicapai seperti yang telah dirancangan.

KUARI DI BATU CAVES

24. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kuari di Batu Caves akan ditutup; jika ya, bila.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengusaha-pengusaha kuari-kuari tersebut masih belum memberi apa-apa tanda yang meyakinkan tentang anggapan mereka berniat menghentikan operasi kuari tersebut.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuari-kuari tersebut dikendalikan melalui lesen pajakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Saya difahamkan perkara ini masih di dalam pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor yang mana memerlukan masa bagi mengkaji syor-syor alternatif yang sesuai termasuk syor penutupan kuari-kuari itu.

Saya juga difahamkan pada dasarnya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju dengan pendapat bahawa kuari-kuari tersebut tidak patut lagi wujud di kawasan Batu Caves yang sedang pesat membangun itu. Beberapa tempat-tempat sesuai bagi memindahkan kuari-kuari itu sedang dipertimbangkan.

Oleh kerana perkara ini rumit Kerajaan Negeri Selangor terpaksa mengkaji soal penutupan kuari-kuari di Batu Caves itu dengan teliti sebelum membuat sesuatu keputusan yang dapat diterima oleh semua pihak.

IBU-IBU BERSALIN DISURUH KELUAR HOSPITAL

25. Datuk V. Ponnasamy Pillai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ibu-ibu telah disuruh keluar dari hospital pada hari kedua selepas bersalin; jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Saya sedar bahawa kadangkala pesakit-pesakit dikeluarkan dari hospital-hospital pada hari kedua selepas bersalin. Sekiranya keadaan ibu dan bayi didapati memuaskan, mereka boleh disuruh keluar mungkin lebih awal lagi di atas kebijaksanaan doktor yang merawatnya.

KAYU BALAK— REAFFORESTATION

26. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa memandangkan Malaysia mungkin menghadapi kekurangan kayu balak yang amat teruk dalam tempoh 10 tahun, dan adalah dilaporkan bahawa dalam tahun 1972 sahaja, 32 juta tan kayu hutan telah diboroskan, sama ada rancangan berpandangan jauh reforestation telah dimulakan atau sedang dijalankan oleh Kementeriananya untuk mengawasi penebangan kayu balak dan memastikan bekalan kayu balak, akan dapat dilanjutkan kepada tahun-tahun yang akan datang. Jika tiada, sebut sebab-sebabnya.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Terlebih dahulu suka saya menyentuh tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai kemungkinan Malaysia menghadapi kekurangan kayu balak yang amat teruk dalam tempoh 10 tahun ini. Sebenarnya keadaan kekurangan kayu balak yang bermutu adalah diramalkan akan berlaku di Semenanjung Malaysia sahaja selepas tahun 1990 ini. Keadaan ini akan berlaku jikalau kadar membalak sebanyak lebih kurang 922,000 ekar setahun tidak dikurangkan mulai dari sekarang lagi.

Menyentuh pula tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat berkenaan laporan bahawa dalam tahun 1972 sahaja 32 juta tan kayu telah dikeluarkan, sebenarnya angka ini ada-

lah tidak tepat. Pengeluaran kayu balak dalam tahun 1972 di Semenanjung Malaysia adalah hanya berjumlah 6.3 juta tan sahaja.

Kementerian saya memang memandang berat tentang kemungkinan berlakunya kekurangan kayu balak pada masa hadapan. Seperti Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, Perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan dasar-dasar mengenai kadar membalak dan penghutan semula atau pembangunan hutan (reafforestation) adalah ditentukan di peringkat Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kementerian saya sebagai Kementerian yang bertanggungjawab atas sektor perhutanan telah mengadakan beberapa dasar melalui Majlis Perhutanan Negara untuk memastikan bekalan kayu balak yang cukup pada masa hadapan. Langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian saya telah membentangkan beberapa kertas dasar mengenai perkara-perkara tersebut ini di Majlis Perhutanan Negara. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara yang keempat telahpun menerima Dasar Perhutanan Negara yang antara lainnya telah mempersetujui perkara-perkara seperti berikut:
 - (a) Penubuhan Hutan Simpan Kekal seluas 12.8 juta ekar.
 - (b) Pembukaan kawasan hutan, mahupun dalam tanah Kerajaan atau Hutan Simpan Kekal hendaklah dikurangkan daripada 922,000 ekar, kepada 299,000-340,000 ekar setahun.
 - (c) Kawasan yang telah diusahakan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal hendaklah dipulih semula dengan segera dan untuk memenuhi tujuan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri haruslah memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk membiayai projek-projek tersebut.

Keputusan Majlis Perhutanan Negara ini telahpun diluluskan oleh Majlis Tanah Negara dalam sidanganya pada 10hb April, 1978 dan adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri akan melaksanakan keputusan seperti di atas itu.

- (ii) Di samping ini, Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang membuat bancian hutan yang telah dibalok atau rosak seluas 4 juta ekar untuk menentukan rawatan menghutanan semula (pembangunan hutan) yang perlu dibuat untuk membolehkan kerja-kerja pembangunan hutan dilancarkan segera.
- (iii) Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan juga sentiasa mengawal rapi operasi membalok untuk mengurangkan pembaziran dan untuk menentukan pengurusan hutan secara saintifik di kawasan pembalakan dalam Hutan Simpan Kekal sedang juga dirancang.
- (iv) Kementerian saya juga adalah sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam usaha mereka untuk menghutanan semula (reafforestation) dan Kerajaan Negeri Sembilan kini telahpun bersetuju pada dasarnya untuk menandatangani satu Perjanjian dengan Kerajaan Pusat untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan hutan secara usahasama. Adalah diharapkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain akan memberi kerjasama untuk menjayakan projek menghutanan semula ini bagi kepentingan bersama.

Selain daripada itu Kementerian saya juga telah mengambil tindakan untuk menggalakkan impot kayu balak dari luar negeri terutama sekali Indonesia dan juga Sabah dan Sarawak untuk menentukan bekalan yang cukup bagi perusahaan kayu-kayan dan juga untuk mengurangkan penebangan kayu balak di Semenanjung Malaysia. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk mengecualikan cukai impot dan cukai tokok bagi kayu balak yang diimpot dari luar negeri. Kementerian saya telah memberi kebenaran kepada beberapa syarikat swasta untuk mengimpot kayu balak dari luar negeri ini. Adalah diharapkan dengan adanya langkah-langkah seperti yang saya huraikan itu kita dapat menahankan daripada berlakunya keadaan kekurangan kayu balak yang bermutu selepas tahun 1990 ini.

PAKAIAN BUATAN MALAYSIA

27. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya pakaian (seperti seluar dan baju dan kain) buatan Malaysia dijual dengan harga yang murah jika dibandingkan dengan pakaian buatan Hong Kong atau Singapura dan mengapa harga-harganya tidak dapat disamakan; dan
- (b) orang-orang yang bertanggungjawab atas penaksiran bahawa mutu dan harga pakaian dan kain buatan Malaysia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan barang-barang yang serupa buatan Hong Kong atau Singapura.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Soalan Ahli Yang Berhormat adalah tidak begitu jelas kerana Ahli Yang Berhormat tidak menyatakan sama ada harga yang dimaksudkan ialah untuk pasaran dalam negeri atau di luar negeri. Jika sekiranya harga yang murah itu terdapat di pasaran dalam negeri, ini semestinya menguntungkan pembeli-pembeli di negara ini, tetapi jika sekiranya harga tersebut dikatakan murah di pasaran luar negeri, ini ialah kerana pengeluar-pengeluar pakaian di negara ini terpaksa bertanding untuk mendapat pasaran antarabangsa. Dengan demikian pengeluar-pengeluar terpaksa menawarkan harga yang murah. Juga adalah dimaklumkan bahawa harga pakaian tidak dapat disamakan kerana ianya tertakluk kepada beberapa faktor di antara lain seperti, jenis kain yang digunakan, fesyen, mutu serta "brand".
- (b) Bagi menjawab soalan ini ingin saya memaklumkan bahawa pengeluar pakaian tersebut menentukan mutu dan harga pakaian berdasarkan spesifikasi yang ditentukan oleh pembeli.

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEI

28. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) tujuan beliau mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei baru-baru ini; dan

(b) sama ada perbincangan diadakan mengenai kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang pertahanan, keselamatan dan lain-lain apabila Brunei mencapai kemerdekaan kelak.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmd Rithauddeen Al-haj): Lawatan saya ke Brunei pada 3hb Februari lalu adalah dengan tujuan untuk menyampaikan, mengikut adat resam Raja-raja Melayu dan orang Melayu, Perutusan tahniah dan ucap selamat dari D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim dan Y.A.B. Perdana Menteri kepada Baginda Sultan Brunei dan juga Menteri Besar Brunei sempena termetrinya perjanjian baru di antara Kerajaan British dan Brunei. Menurut Perjanjian tersebut Brunei akan mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada akhir tahun 1983.

Perbincangan saya adalah berkisar kepada hasrat dan cita-cita Kerajaan Malaysia untuk merapatkan lagi persahabatan dan silaturahim di antara Malaysia dan Brunei. Sebagai sebuah negara jiran yang paling dekat, Malaysia benar-benar inginkan perhubungan dan kerjasama yang rapat di dalam semua bidang supaya keselamatan, keamanan dan kestabilan Malaysia dan Brunei dan seterusnya bagi seluruh rantau ini dapat dibina dan dikekalkan. Adalah perlu dan penting sefahaman dan kerjasama di antara semua negara di rantau ini sentiasa wujud.

BUAH TEMBIKAI

29. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak Kementerian sedar di masa sekarang ini yang buah tembikai banyak khasnya di negeri Kedah, hingga bertimbun-timbun, dan dengan itu harganya telah turun terlalu murah sehingga 15 sen sekati sama ada pihak Kementerian pernah mengkaji untuk memproses buah-buah ini untuk dijadikan bahan minuman atau lain-lain selain daripada dimakan mentah begitu sahaja dan dibuang apabila tidak laku dijual.

Dato' Shariff Ahmad: Saya sedar bahawa pada akhir bulan Januari dan awal bulan Februari yang lalu harga buah tembikai di

negeri Kedah telah turun oleh kerana pengeluaran yang serentak yang menyebabkan bekalan berlebihan dari yang dapat digunakan oleh orang ramai. Di samping itu juga pada masa itu adalah didapati bahawa pihak orang ramai telah mengurangkan pembelian tembikai oleh kerana ketakutan mendapat penyakit taun. Keadaan ini telah menyebabkan harga buah tembikai turun ke paras 15 sen sekati di peringkat runcit. Di peringkat ladang harga tembikai pada mulanya ialah sebanyak 8 sen sekati tetapi ini telah naik ke 11 sen sekati pada awal bulan Februari, iaitu selepas Tahun Baru Cina.

Bagi menentukan bahawa di masa hadapan harga tembikai tidak turun ke paras yang terlalu rendah, maka adalah mustahak bahawa pengeluaran buah ini dijadualkan supaya tidak semua negeri mengeluarkan tembikai dalam masa yang sama. Dengan perlaksanaan konsep baru Kompleks Pergerakan Pertanian jadual seperti ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya lagi dari masa sekarang ini. Dalam konsep ini pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian akan menjadi lebih "integrated" dan "coordinated".

Sekarang ini sudah ada pihak-pihak tertentu, secara bersendirian, mencuba memproses buah tembikai untuk bahan minuman, tetapi kegunaannya masih belum popular. MARDI boleh menjalankan penyelidikan dan percubaan memproses buah-buah tembikai itu jika diperlukan.

PENDATANG HARAM VIETNAM

30. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih berada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak setakat ini dan bilangan yang telah datang hingga sekarang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bilangan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih berada di Semenanjung Malaysia ialah 57,156, Sarawak 671 dan Sabah 83. Jumlah yang telah datang ke negara ini sejak 1975 hingga sekarang ialah 84,432.

PEJABAT-PEJABAT POS— MENJUAL BUKU SETEM

31. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Malaysia menyatakan sama ada terdapat sebarang cadangan untuk menjual di pejabat-pejabat pos buku mengandungi stem-stem dari berbagai pecahan untuk kemudahan orang ramai dan meringkaskan tenaga penjual stem.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Suka saya menyatakan kepada Yang Berhormat buku-buku kecil stem yang berharga \$3 tiap-tiap satu memang telah dijual di semua pejabat pos dan wakil-wakil pos mulai dari bulan Disember 1973 dahulu. Tiap-tiap buku kecil stem ini mengandungi 8 keping stem 5 sen, 8 keping stem 10 sen dan 12 keping stem 15 sen.

MURID-MURID SEKOLAH MENENGAH SAINS

32. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mengeluarkan murid-murid dari Sekolah-sekolah Menengah Sains atau Sekolah-sekolah Berasrama Penuh yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam matapelajaran Sains dan Hisab dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran supaya murid-murid dari sekolah-sekolah lain yang mendapat keputusan yang lebih baik dapat mengambil tempat mereka; jika ya, nyatakan bila ini akan dilaksanakan.

Dato' Musa Hitam: Kementerian saya telah menentukan bahawa pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang kurang baik dalam peperiksaan SRP dikeluarkan dari Sekolah-sekolah Berasrama Penuh.

Garis-garis yang menentukan keputusan yang memuaskan atau kurang memuaskan, sejauh yang mengenai Sekolah Berasrama Penuh adalah seperti berikut:

- (1) Pelajar-pelajar yang layak dinaikkan ke Tingkatan Empat, jurusan Sains, dan mendapat agereget 20 dan ke bawah dalam peperiksaan SRP (LCE sebelum tahun 1978), dikekalkan meneruskan pelajaran di Tingkatan Empat jurusan Sains di Sekolah-sekolah Berasrama Penuh.

- (2) Pelajar-pelajar yang layak dinaikkan ke Tingkatan Empat jurusan Sains tetapi mendapat agereget di antara 21 hingga 34 dalam peperiksaan SRP, dan tidak memperolehi kepujian dalam matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab ditukarkan ke Sekolah Menengah Harian Biasa dalam negeri asal mereka. Tempat-tempat yang dikosongkan atas sebab-sebab ini diisikan dengan pelajar-pelajar baharu dari sekolah baru yang dipilih dari calon-calon yang mendapat keputusan peperiksaan dengan agereget yang terbaik.

- (3) Ketetapan yang dinyatakan di atas telah dilaksanakan dalam tahun-tahun 1978 dan 1979.

HOSPITAL DAERAH LUMUT

33. Datuk V. Ponnasamy Pillai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Lumut belum lagi diperbesarkan untuk memberi khidmat kepada penduduk yang telah bertambah oleh kerana Pangkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia sedang pesat didirikan; dan
- (b) jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya sedang membuat tawaran bagi projek membesarkan wad bersalin di Hospital Daerah Lumut. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga projek membina sebuah Makmal Bertingkat dua dan sebuah Tabung Darah telah diluluskan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak bercadang membesarkan Hospital Daerah Lumut ini oleh kerana ruangan tanah yang ada di Hospital ini adalah tidak mencukupi bagi maksud tersebut.

Memandangkan bilangan penduduk-penduduk akan bertambah pesat berikutan pembinaan Pengkalan Tentera Laut di Lumut, Kerajaan Negeri sedang mendirikan sebuah bandar baru di "Sri Manjong" yang berdekatan dengan bandar Lumut. Kementerian ini bersetuju membina sebuah Hospital Daerah baru di Bandar Baru ini dan sedang menguruskan pengambilan satu tapak tanah seluas 50 ekar yang sesuai bagi maksud ini.

BEKALAN AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

34. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa memandangkan kekurangan bekalan air di Wilayah Persekutuan setiap musim kemarau sama ada Kerajaan bercadang mengadakan satu sekim yang berpandangan jauh untuk mengatasi selama-lamanya masalah kekurangan air ini.

Dato' Lee San Choon: Jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah saya berikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 18hb Disember 1978 ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Michael Wong Kuan Lee. Saya tidak bercadang untuk menambah maklumat-maklumat lain.

BUKU-BUKU TEKS

35. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan buku-buku teks yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah yang masih dalam ejaan lama; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil untuk memastikan perkara sedemikian tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.

Dato' Musa Hitam: Kementerian saya sedar adanya satu dua judul buku teks sekolah menengah yang masih dalam ejaan lama. Buku-buku ini adalah buku cetakan lama yang dibekalkan bagi pertama kalinya dan akan dihapuskirakan dan diganti dengan buku-buku ejaan baru. Kementerian saya telah menghubungi pihak-pihak berkenaan yang terlibat, dan akan memastikan buku-buku ini diterbitkan dalam ejaan baru bagi kegunaan tahun 1980 dan seterusnya. Suka-cita dimaklumkan bahawa semua buku-buku teks sekolah rendah adalah dalam ejaan baru.

SUKAN—MENINGGIKAN MUTU

36. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada pihak Kementeriannya sedang atau telah memikirkan sesuatu tindakan untuk meninggikan lagi mutu sukan di negara ini pada masa akan datang memandangkan kemerosotan pada hari ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Seperti yang pernah saya beri jawapan pada soalan-soalan yang hampir sama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan meninggikan mutu sukan di negara ini dengan mendapat sokongan dan kerjasama yang rapat dari persatuan-persatuan sukan Kebangsaan.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (11hb April, 1979).

Perbahasan disambung semula.

3.37 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian bersabit dengan Kementerian Luar Negeri. Apa yang telah disebutkan ialah bersabit dengan pendarang-pendatang haram

yang mana Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah telah juga menyentuh perkara ini dan juga beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya suka mengatakan dari segi pendatang-pendatang haram ini, kordinasi-kordinasi dan tindakan-tindakan telahpun diambil oleh pihak Kerajaan dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya masalah-masalah ini dapat diselesaikan. Jadi saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu pihak Kementerian Luar Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan bagi pihak Kementerian Luar Negeri dan perkara-perkara lain yang telahpun disentuh oleh Yang Berhormat pihak saya dan Kementerian Luar Negeri akan mengambil perhatian.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbahasan atas usul mengenai Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketiga. Sukacita saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran adalah dalam perhatian Kementerian ini dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di negara ini yang diberi dari masa ke semasa.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad tentang kesihatan penduduk luar bandar khususnya di kawasan Trengganu, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sedang menjalankan Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling Luar Bandar di mana subsidi, bantuan teknikal, nasihat dan bahan-bahan diberi kepada penduduk-penduduk berkenaan bagi pembinaan tandas dan sistem-sistem bekalan air yang meliputi juga pembinaan sistem-sistem paip dari sungai-sungai dan dari bukit-bukit. Tetapi terdapat juga kawasan-kawasan di mana sistem-sistem paip tidak dapat dibina oleh kerana sebab-sebab teknikal. Namun demikian, Kementerian sedang mengambil

tindakan untuk memperhebatkan lagi Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling Luar Bandar dan pembekalan air masyarakat luar bandar.

Berkenaan dengan pembahagian doktor bagi negeri Trengganu, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa pembahagian keperluan kakitangan perubatan dan para perubatan di sesebuah negeri adalah berasaskan kepada beban kerja, bilangan katil, bilangan Hospital Daerah Kesihatan dan Pusat Kesihatan yang terdapat di negeri tersebut. Keperluan semua negeri adalah diberi layanan yang sama. Negeri Trengganu tidak pula diberi kurang layanan dalam pembangunan perkhidmatan kesihatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembinaan Hospital Besar Kuala Trengganu yang baru, akan memberi sebanyak 840 katil iaitu hampir dua kali anda kemudahannya. Sehingga Hospital Besar Kuala Trengganu yang baru ini dibina kelak, Kementerian Kesihatan akan menambahkan lebih kurang 100 buah katil lagi bagi Hospital Besar Kuala Trengganu dan Hospital Daerah Kuala Brang yang baru yang dijangka akan bermula pada tahun 1980 yang akan mengandungi lebih kurang 100 buah katil.

Mengenai pemeriksaan penagih-penagih dadah oleh seseorang doktor, ini memanglah sedang diamalkan. Oleh itu hospital-hospital di negara kita ini dijadikan pusat-pusat pengesanan (detection centre) dan juga detoxification centre.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris, kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang ada sekarang ini ialah:

- (i) Satu dispensari tetap (Static Dispensary) di Dalat di mana ditempatkan seorang Pembantu Hospital, seorang Penyelia Kesihatan Luar Bandar (Rural Health Supervisor) dan seorang attendant;
- (ii) Satu dispensari bergerak yang meliputi kawasan dari Kuala Oya ke Ulu Oya;
- (iii) Dispensari Kecil di Ng Tamin di mana seorang pembantu Perubatan (Medical Auxilliary) ditempatkan;
- (iv) Klinik ibu-ibu dan kanak-kanak yang diadakan di tempat-tempat berikut:

Dalat, Kuala Oya, Kpg. Medong dan Ng Tamin.

Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian Kesihatan bercadang mengadakan sebuah Pusat Kesihatan Pindaan (Modified Health Centre) di Dalat. Di antara kemudahan-kemudahan yang akan diadakan di sini ialah bilik rawatan cemas, dispensari, klinik ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak, bilik untuk 6 pesakit, bilik x-ray dan bilik bersalin. Kemudahan-kemudahan ini adalah dianggap mencukupi bagi Daerah Dalat.

Mengenai teguran Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid tentang tambahan kepada Hospital Besar Pulau Pinang, adalah dimaklumkan bahawa projek Blok Perkhidmatan Pusat Hospital Besar Pulau Pinang semasa Rancangan Malaysia Kedua telah dicadangkan untuk mengandungi Dewan Bedah dan Jabatan Pesakit Luar sahaja. Tetapi sebelum projek ini dilaksanakan satu kajian menyeluruh mengenai perkhidmatan dan kemudahannya telah dijalankan. Dari hasil kajian tersebut kita terpaksa pula meminda "scope" projek ini. Oleh yang demikian, projek Blok Perkhidmatan Pusat Hospital Besar ini tidak dapat dilaksanakan sebelum Rancangan Malaysia Ketiga.

Projek ini adalah satu projek yang sungguh besar dan meliputi pembinaan kemudahan-kemudahan seperti Komplek Dewan Bedah, Jabatan Pesakit Luar, Klinik-klinik Pakar Bedah, Perubatan, Mata, Hidung, Telinga dan Kerongkong, Kanak-kanak Sakit Jiwa, Urat-saraf, Pergigian, Kulit, Ibu Bersalin dan Sakitpuan, Jabatan-jabatan untuk kemalangan dan penyakit cemas, Rawatan Intensif, Penyakit Jantung, dan Jabatan-jabatan bantuan seperti X-Ray, Farmasi, Kaji Penyakit, Rekod dan Pentadbiran. Ini menunjukkan bahawa projek tersebut serupa dengan pembinaan sebuah hospital yang baru tanpa wad-wad sahaja.

Oleh sebab projek ini akan dibina di kawasan hospital yang terdapat sekarang, maka beberapa bangunan hendaklah dirobohkan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikannya dipindahkan. Lagipun, terdapatnya juga beberapa komplikasi semasa pelaksanaan projek ini. Tapak projek ini mengandungi beberapa saluran perkhidmatan (service lines) seperti kabel elektrik, paip air dan saluran najis. Malangnya tempat-tempat perkhidmatan-perkhidmatan ini

tidak dapat disahkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan kerana hospital ini dibina sebelum Perang Dunia Kedua dahulu dan rekod-rekod dan pelan-pelannya telah hilang.

Sungguhpun peringkat menanam cerucuk (piling) telah sampai, ini tidak dapat dilakukan sebelum saluran-saluran perkhidmatan ditentukan dan didedah. Tawaran "pre-survey" telahpun dipelawa dan ini ialah untuk menentukan saluran-saluran yang disebutkan. Sebaik sahaja saluran-saluran tersebut ditentukan, satu tawaran akan dipanggil lagi untuk mengalih saluran-saluran dan kabel-kabel elektrik dan ini akan memakan masa hingga akhir tahun 1979. Adalah dijangkakan kerja-kerja cerucuk akan bermula dalam tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan di sini dan juga menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan tidak mendiamkan perkara ini malahan telah mengambil berat tentang projek ini. Oleh sebab kerja-kerja perancangan sudah selesai dan hanya menunggu penerimaan tawaran "pre-survey" dan kemudiannya satu tawaran akan dipanggil untuk mengalih saluran-saluran najis dan air dan kabel-kabel elektrik saya berpendapat tidak payahlah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menyelidik mengapa projek ini tidak dilaksanakan. Yang Berhormat bercadang hendak membawa perkara ini dalam mesyuarat Lembaga Pelawat Hospital Pulau Pinang akan datang dan saya berharap beliau akan memberi penerangan dan penjelasan seperti yang saya beri di sini kepada ahli-ahli Lembaga.

Mengenai teguran Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Harun berkenaan dengan kekurangan kakitangan perubatan dan para perubatan di Hospital-hospital, khususnya Hospital Besar Kuantan, sukacitalah saya memaklumkan bahawa pada ketika ini, kedudukan kakitangan Hospital Besar Kuantan adalah seperti berikut:

- (a) 9 Pegawai Pakar, 27 Pegawai Perubatan, 10 Doktor Pelatih yang menguruskan 381 buah katil;
- (b) 16 Ketua Jururawat, dipenuhi 18;
- (c) 140 Jururawat, dipenuhi 119;
- (d) 112 Penolong Jururawat Terlatih, dipenuhi 107;

- (e) 30 Bidan, dipenuhi 24;
- (f) 32 Pembantu Hospital, dipenuhi 31;
- (g) 12 Pembantu Hospital Rendah, dipenuhi 14.

Angka-angka ini menunjukkan bahawa ada 359 kakitangan dan kekurangan kakitangan adalah tidak sebegitu teruk, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyatakan pada masa dahulu hospital besar Kuantan mempunyai 55 orang kakitangan tetapi sekarang hanya tinggal 20 lebih sahaja.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah merancang program-program latihan bagi kakitangan para perubatan. Maka kekosongan jawatan-jawatan yang terdapat sekarang akan dapat diisikan tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Senator S. Subramaniam berhubung dengan lantikan doktor yang berada dalam negeri ini tetapi tidak mempunyai Sijil Kewarganegaraan, sukaulah saya menjelaskan bahawa perlantikan doktor-doktor bukan warganegara perlu mendapat persetujuan daripada Kerajaan dahulu. Mengikut Sekim Perkhidmatan Pegawai Perubatan yang baru, tempoh menjalani latihan (housemanship) sekarang ini dikira sebagai perkhidmatan Kerajaan. Dengan ini mereka yang berkecualan tidak lagi dilantik sebagai Doktor Pelatih tetapi akan dilantik sebagai doktor siswazah. Oleh kerana jawatan ini telah menjadi perkhidmatan Kerajaan, maka perlulah diperolehi daripada Kerajaan satu keputusan dasar berkenaan kedudukan mereka yang bukan warganegara tetapi telah berkahwin dengan warganegara ataupun yang mempunyai taraf permanent resident. Mereka yang mendapat pendaftaran penuh (fully registrable) boleh dipertimbangkan untuk dilantik secara sementara selama 6 bulan sebelum dipertimbangkan untuk lantikan kontrak, tempoh kontrak yang dicadangkan ialah selama mereka bermastautin di negara ini atau sehingga mereka mendapat taraf warganegara mengikut mana yang berkenaan. Bagi mereka yang mendapat taraf warganegara, mereka akan diperakukan perlantikan secara tetap.

Perkara masalah bahasa perantaraan di kalangan doktor-doktor kontrak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator

Haji Azlan Kinjawan tidaklah begitu rumit. Bahasa Malaysia adalah satu bahasa yang mudah dipelajari dan sepanjang yang saya tahu, belum ada rungutan berkenaan dengan kesulitan bertutur dalam Bahasa Malaysia oleh Pegawai-pegawai Perubatan Kontrak dengan pesakit-pesakit. Mungkin di peringkat awal mereka itu berkhidmat di negara ini masalah bahasa ada terdapat tetapi itu hanya buat sementara sahaja. Walau bagaimanapun, dalam keadaan demikian, seorang Jururawat sentiasa ada bersama dalam pemeriksaan pesakit-pesakit dan Jururawat-jururawat itu boleh membantu doktor-doktor dan pesakit juga dalam pertuturan di antara keduanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyambut baik projek-projek dan program-program kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan bagi menambah peluang menikmati perkhidmatan ini, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Oleh hal yang demikian, bagi tempoh tahun 1979 hingga tahun 1980, sektor kesihatan telah diberi tambahan peruntukan kira-kira 40% dari peruntukan asal yang berjumlah \$377.15 juta. Tambahan yang besar ini mencerminkan keutamaan yang diberi oleh Kerajaan ke atas usaha-usaha membaiki perkhidmatan kesihatan.

3.54 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan memberi ulasan serta syor yang membina terhadap beberapa aspek tentang Jabatan Penyiaran.

Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun telah membangkitkan tentang kemajuan rancangan mendirikan stesyen pemancaran di Balik Pulau. Ingin saya menjelaskan bahawa pembinaan stesyen pemancaran tersebut bergantung kepada persiapan membina jalan menuju ke tapaknya di atas Bukit Penara. Pembinaan jalan tersebut telah tergendala

oleh kerana batu-batu besar yang menghalang kerja-kerja. Oleh yang demikian, tarikh menyiapkan stesyen pemancaran itu akan terlewat dan dijangka akan siap hanya dalam tahun 1981.

Mengenai susunan rancangan-rancangan di TV Malaysia yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini adalah sentiasa dikaji dan diubahsuai menurut keadaan berasaskan penilaian dan penyelidikan-penyelidikan yang dibuat oleh Kementerian saya menerusi berbagai cara. Walaupun demikian sekiranya ada cadangan yang munasabah mengenainya pihak RTM sedia menimbangkan susunan rancangan demi untuk memperbaikinya. Dalam hal ini banyak faktor perlu difikirkan, seperti kecapaian objektif dasar-dasar penting negara, selera yang berbeza pihak penonton serta juga masalah teknikal yang mungkin timbul.

Mengenai soalan kekurangan rancangan dalam sesuatu bahasa pula, saya suka menegaskan bahawa dalam keadaan masa siaran TV yang terhad kini rancangan-rancangan dalam sesuatu bahasa yang telah diperuntukkan itu adalah sukar untuk ditambah kerana perubahan seperti itu menyebabkan implikasi kepada masa yang telah diperuntukkan kepada rancangan di dalam bahasa yang lain pula. Walau bagaimanapun, Kementerian saya ada mempunyai rancangan untuk memperluaskan liputan siaran serta menyeragamkan rancangan-rancangan TV Malaysia bagi mencapai objektif perpaduan negara. Soal menambahkan siaran dalam sesuatu bahasa adalah termasuk di dalam usaha kajian Kementerian saya ini.

Ahli Yang Berhormat itu dan juga Yang Berhormat Senator Rahmah binti Othman telah menyentuh perkara mengenai gambar-gambar berwarna yang disiarkan oleh TV Malaysia yang dinyatakan sebagai filem-filem lama. Dalam hal ini pihak RTM sedaya upayanya cuba menyiarkan filem-filem warna yang terbaharu, akan tetapi usahanya adalah tergantung kepada beberapa faktor yang termasuk soal peruntukan-peruntukan wang dan juga bekalan filem-filem yang dibekalkan oleh punca-punca yang lain daripada RTM sendiri dan Filem Negara Malaysia. Sebagai pernah saya huraikan dahulu pembekalan filem-filem dari pihak swasta adalah kebanyakannya

terhad kepada filem-filem yang agak lama, dan RTM tidak dapat membayar sewaan yang melebihi daripada kadar yang ditetapkan. Ada kalanya, pengeluar-pengeluar filem tidak sanggup membekalkan filem-filem mereka yang baru untuk tayangan di TV oleh sebab mereka menganggap bahawa dari segi perniagaan adalah lebih menguntungkan jika filem-filem itu ditayangkan di pawagam-pawagam seluruh negara sebelum ianya ditayangkan di TV.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid telah menyentuh tentang pekerja-pekerja "part-time" di RTM yang memegang jawatan sepenuh masa. Ingin saya menjelaskan bahawa pekerja-pekerja sambilan adalah terbahagi kepada dua, iaitu (i) Pekerja-pekerja sambilan; (ii) Pekerja-pekerja sambilan sepenuh masa. Saya percaya bahawa Yang Berhormat itu bermaksudkan pekerja part-time sebagai pekerja-pekerja sambilan sepenuh masa yang diberi tugas-tugas harian seperti kakitangan-kakitangan berjawatan tetap menurut syarat-syarat tertentu tanpa diberi kemudahan-kemudahan yang lazim diterima oleh kakitangan berjawatan tetap yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pekerja-pekerja Sambilan Sepenuh Masa itu adalah diberi bayaran mengikut kadar yang ditetapkan berasaskan kepada gred jawatan-jawatan yang diisi oleh mereka itu. Oleh sebab perlantikan mereka itu menurut syarat-syarat yang telah diterima oleh mereka maka mereka tidak layak menerima kemudahan-kemudahan yang lazim diberi kepada pekerja-pekerja tetap. Pekerja-pekerja sepenuh masa yang berkenaan adalah terdiri sebilangannya daripada orang-orang yang bukan warganegara Malaysia tetapi diambil kerja kerana kelayakan dan pengalaman mereka bagi mengisikan jawatan-jawatan tertentu seperti di Perkhidmatan Suara Malaysia dan Radio Malaysia dan sebilangan lagi terdiri daripada warganegara Malaysia yang tidak mempunyai kelayakan yang dikehendaki bagi jawatan yang berkenaan tetapi mereka mempunyai pengalaman yang diperlukan oleh pihak RTM. Hasrat Kementerian saya ialah supaya kesemua jawatan-jawatan hendaklah diisi oleh pekerja-pekerja tetap bagi mengelakkan perbezaan dari segi layanan gaji dan kemudahan-kemudahan terlibat akan tetapi keadaan "ideal" seumpama ini masih belum

tercapai lagi oleh sebab kekurangan tenaga manusia yang diperlukan dari kedua-dua segi kelayakan dan pengalaman.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein pula telah merujuk kepada Laporan Parlimen yang disiarkan pada 10hb April, 1979. Pihak RTM mengaku telah membuat kesilapan dalam Laporan tersebut di mana gambar lain daripada gambar Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah ditunjukkan. Kesilapan tersebut adalah tidak disengajakan.

Yang Berhormat Senator Rahmah binti Othman telah menyentuh kandungan "Filmlet" berkenaan dadah. Saya suka menerangkan bahawa menyampaikan sesuatu "message" bagi menghindari pengaruh dadah menerusi TV adalah satu usaha yang agak rumit oleh kerana ia melibatkan persembahan yang tidak dialami oleh ramai penuntun "filmlet" yang berkenaan itu telah di "Preview" oleh pakar-pakar yang mengendalikan kempen anti-dadah. Walau bagaimanapun sekiranya ada cadangan penyampaian yang lebih sesuai Kementerian saya akan menimbangakan bersama-sama dengan Jawatankuasa Bertindak Eksekutif Mengenai Penyalahgunaan Dadah.

Mengenai rancangan Ugama Islam bertajuk Panduan Ibadat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Mohamad, yang disiarkan oleh TV Malaysia selepas tayangan gambar Azan Maghrib, saya suka mengulangi penjelasan yang telah saya beri satu masa dulu mengenai susunan rancangan TV termasuk tayangan Azan. Mendapatkan satu rumusan atau formula yang sesuai bagi semua penonton mengenai masa tayangan rancangan-rancangan yang diminati ramai bukanlah satu perkara yang mudah oleh kerana selain dari soal selera penonton-penonton beragama Islam dan penonton-penonton bukan Islam pertimbangan perlu diberi kepada masa sesuatu rancangan ugama disiarkan dan kaitannya dengan waktu-waktu sembahyang. Kementerian saya sentiasa mengkaji penyediaan masa rancangan-rancangan itu demi untuk menjaga kepentingan Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi di negara ini serta memupuk perasaan muhibbah dan perpaduan antara kaum.

Syor Ahli Yang Berhormat itu supaya rancangan-rancangan dibuat atas personaliti-personaliti di negara ini telah diambil perhatian oleh Kementerian saya dan cadangan ini akan dipertimbangkan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Azlan Kinjawan pihak RTM akui bahawa kekurangan pegawai-pegawai sedang berlaku di RTM di Kota Kinabalu dan di kala ini sedang giat diatasi. Masalah yang berkenaan telah berlaku oleh sebab percantuman perkhidmatan yang ada di stesyen tersebut dalam rangka perjawatan Jabatan Penyiaran keseluruhannya.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sukalah saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan serta juga teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkaitan dengan perkara-perkara di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa membahas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perkara-perkara pendatang haram dari Vietnam yang hangat diperbincangkan pada persidangan Dewan Negara Disember yang lalu masih lagi merupakan tajuk utama perbincangan dalam perbahasan bagi kali ini juga. Memandangkan keghairahan teguran tersebut saya bercadang menjawab satu persatu pandangan, teguran atau syor-syor yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan.

Mengenai perkara menetapkan satu tempoh maksima selama 6 bulan atau sehingga akhir tahun 1979 bagi kesemua pendatang-pendatang haram Vietnam berpindah ke negara lain dan kalau sekiranya pada tarikh tersebut mereka masih lagi berada di sini Kerajaan adalah diminta mengarahkan mereka pergi. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan dan menegaskan di sini bahawa pihak Kerajaan adalah giat berusaha untuk menentukan supaya kesemua pendatang-pendatang haram itu dipindahkan ke negara ketiga secepat mungkin. Kalau boleh dalam jangka masa yang kurang daripada masa 6

bulan daripada sekarang ini. Walaupun usaha tersebut telah menunjukkan hasil tetapi kita masih kurang puas hati dengan sambutan daripada negara ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa terdapat negara-negara ketiga yang mengambil hanya tiga orang pendatang-pendatang haram Vietnam itu untuk negaranya. Menurut Ahli Yang Berhormat tersebut itu, ini adalah merupakan satu perbuatan yang memalukan dan mencemarkan imej Malaysia. Dalam soal ini, inginlah saya memaklumkan bahawa pengambilan pendatang-pendatang haram Vietnam oleh negara-negara ketiga adalah berasaskan kepada kemampuan negara masing-masing. Negara kita patutlah menghargai sokongan yang telah diberikan oleh negara-negara ketiga dalam masalah ini. Perkara yang kita tidak begitu puas hati ialah tentang sikap negara-negara yang benar-benar mampu tetapi masih kurang dari segi sambutan dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kadar pengambilan pendatang-pendatang haram Vietnam ini untuk dibawa ke negara ketiga ialah lebih kurang 4,000 orang sebulan pada masa ini.

Menyentuh di atas seruan supaya Kerajaan menghalau balik pendatang-pendatang haram berkenaan, inginlah saya menekankan di sini bahawa tindakan seperti ini adalah tidak wajar memandangkan sekarang ini terdapat sambutan daripada negara-negara ketiga bagi mengambil pendatang-pendatang haram itu untuk ditempatkan semula ke negara masing-masing. Sekiranya didapati negara-negara ketiga keberatan untuk mengambil mereka itu maka pihak Kerajaan akan berikhtiar untuk menghantarkan mereka itu balik ke Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah pendatang-pendatang haram Vietnam ini adalah merupakan satu masalah yang berat, maka telah timbul satu syor daripada seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini meminta Kerajaan menganggapkan mereka yang menggunakan issue pendatang haram Vietnam untuk kepentingan politik sebagai perbuatan subversif dan mengambil tindakan terhadap mereka di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri. Mengenai perkara ini, Kerajaan memang sedar

ada orang-orang perseorangan ataupun golongan-golongan yang tertentu yang mengeksploitasikan pendatang-pendatang haram ini untuk kepentingan diri ataupun golongan mereka itu sendiri. Kegiatan ini adalah sentiasa diperhatikan dan diawasi oleh pihak berkuasa, apakala didapati percakapan atau perbuatan mereka menyalahi undang-undang negara dan boleh mengancam keadaan ketenteraman awam dan keselamatan negara ini, maka tindakan yang sewajar akan diambil segera mengikut undang-undang. Dalam pada itu pihak Kerajaan sendiri sentiasalah menjelas dan menghuraikan kepada rakyat melalui media tentang kedudukan yang sebenarnya sesuatu issue atau pergolakan supaya apabila rakyat mendengar tohmahan-tohmahan ataupun tuduhan-tuduhan dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, maka rakyat sendiri akan sedar di atas kedudukan yang sebenarnya, dengan cara ini kegelisahan atau ketakutan yang mungkin timbul di sini di sisi rakyat akan dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga di persidangan-persidangan yang lalu pada kali ini terdapat juga beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat mempersoalkan perkara-perkara berkaitan dengan kewarganegaraan terutama sekali berhubung dengan kelewatan meluluskan permohonan-permohonan kewarganegaraan. Di sini sukalah saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan tidaklah sekali-kali berniat untuk melengah-lengahkan permohonan-permohonan warganegara. Masa yang diambil adalah patut dan tidaklah lebih daripada yang diperlukan.

Mengenai syor supaya Kerajaan memberi perhatian dan pertimbangan kepada permohonan-permohonan untuk menjadi warganegara Malaysia daripada doktor-doktor asing yang bekerja secara kontrak di negara kita ini, maka sukalah saya menyatakan bahawa permohonan-permohonan daripada mereka itu akan diberi pertimbangan sama sepertimana permohonan-permohonan yang lain kiranya mereka itu dapat memenuhi segala syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan.

Mengenai syor supaya warganegara Malaysia yang didapati tidak menunjukkan taat setia mereka kepada negara ini supaya ditarik balik Sijil Kerakyatan mereka itu, maka inginlah saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sedia mengambil tindakan yang

perlu dan sesuai dengan peruntukan-peruntukan yang didapati di dalam Perlembagaan ke atas golongan-golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara mengenai RELA dalam mana ada mengesyorkan supaya RELA ini menjadi sebahagian daripada angkatan tentera kita. Di samping itu ada juga yang meminta penubuhan yunit RELAWATI di kawasan luar bandar di negeri Sarawak juga dipergiatkan lagi. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa konsep dan falsafah RELA ialah sebagai satu unsur pertahanan rakyat dalam mana bukan sahaja menjadi benteng keselamatan bahkan juga menjadi tenaga mempelupuri kerja-kerja kebajikan seperti mana menumpukan khidmat pada masa berlakunya sesuatu malapetaka atau bencana alam umpamanya banjir ataupun kebakaran. Oleh itu ahli-ahlinya adalah terdiri daripada penduduk-penduduk biasa tempatan yang boleh melibatkan diri untuk bergerak sebagai mata dan telinga Kerajaan di kawasan masing-masing. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan semua lapisan rakyat supaya dapat menyertai RELA secara sukarela bagi membantu menjaga keamanan dan ketenteraman negara kita ini. Sekiranya ini tidak dapat diberikan oleh rakyat kerana sebab-sebab tertentu maka gagallah harapan Kerajaan untuk mendapatkan sokongan bakti daripada rakyat negara ini.

Berhubung dengan syor supaya ahli-ahli RELA diberi bayaran elaun khas semasa menjalani kursus yang dianjurkan oleh Pejabat RELA, sukalah saya terangkan di sini bahawa bayaran yang berkenaan memang telah ada iaitu sebanyak yang ditentukan bagi seorang anggota RELA untuk menghadiri kursus pada tiap-tiap hari dibayar ialah \$5 iaitu tidak termasuk bayaran-bayaran makan, tambang dan sebagainya yang lain yang mana semua ditanggung oleh Jabatan RELA.

Mengenai penubuhan yunit-yunit RELAWATI bagi negeri Sarawak maka Kementerian sedang mempergiatkan usaha ke arah kehendak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya lagi sekali saya menyampaikan ucapan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telahpun memberi ulasan

dan juga teguran serta syor-syor kepada Kementerian saya ini, dan apa sahaja perkara-perkara yang telah dikemukakan dan tidak mendapat jawapan di sini akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

4.17 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik di atas pandangan-pandangan dan pendapatnya berhubung dengan UDA. Tiap-tiap projek usahasama dengan pihak swasta yang disertai oleh UDA adalah dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Wakil UDA di dalam Lembaga Pengarah akan menjalankan tugas-tugas mereka supaya tujuan-tujuan penyertaan berkenaan berhasil. Jadi apa jua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah semuanya dengan persetujuan wakil-wakil UDA di dalam Lembaga tersebut dan akan sentiasa diawasi.

Saya sungguh tertarik hati dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin yang kononnya menyuarakan kesulitan pembatik-pembatik kecil bumiputra Kelantan. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat pihak Lembaga Kraftangan sebagai sebuah anak perbadanan MARA memang berhubung rapat dengan pembatik-pembatik dan sentiasa berunding dengan mereka. Malahan seorang daripada wakil mereka adalah Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Kraftangan. Semuanya ini membuktikan kerjasama yang erat di antara Kerajaan dan pembatik-pembatik.

Tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat yang mana pihak MARA telah mendirikan kilang batik untuk menandingi pembatik lain adalah tidak betul sama sekali dan tidak pernah disuarakan oleh pembatik-pembatik. Mereka faham dan menerima bantuan-bantuan dan nasihat yang diberikan oleh Lembaga Kraftangan dan juga MARA. Sebuah kilang yang dipunyai oleh MARA itu tidak samasekali menandingi pembatik-pembatik lain oleh kerana pengeluarannya berlainan dari pengeluaran pembatik-pembatik bumiputra. Kilang batik ini juga membantu penyelidikan di dalam perusahaan batik.

Berhubung dengan kain putih pula memang ada persefahaman di antara syarikat KIMA yang mengeluarkan kain putih khusus untuk pembatik-pembatik dengan pengusaha-pengusaha pembatik. Syarikat KIMA sentiasa mengawasi keperluan kain putih dan jika terdapat kekurangan, kain putih akan di-benar diimpot.

Menyentuh tentang kenyataan Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim berkenaan buku panduan Kompleks MARA/UDA di Ipoh, adalah tidak benar ia dicetak di dalam bahasa Inggeris dan China sahaja kerana ada juga cetakan dalam Bahasa Malaysia juga ada. Pengiklanan dalam tiga bahasa adalah bertujuan menarik orang-orang bukan bumiputra turut sama dalam perniagaan di Kompleks tersebut untuk menarik lebih banyak pelanggan-pelanggan dari berbilang kaum. Dengan ini kita berharap peniaga-peniaga bumiputra di kompleks tersebut akan dapat memaju perusahaan-perusahaan mereka.

Yang Berhormat Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein telah menuduh Badan-badan Berkanun menjual tanah kepada bukan bumiputra. Ini adalah satu tuduhan yang melulu. Penjualan tanah untuk tapak-tapak kilang di dalam kawasan perusahaan tentu sekali tidak terhad kepada bumiputra sahaja. Perbuatan demikian menafikan perkembangan perusahaan perkilangan dan berlawanan dengan dasar yang telah diterima oleh rakyat.

Saya juga tidak menerima tuduhan bahawa bumiputra di Pulau Pinang tidak diberi peluang mengambil bahagian di dalam industri pengangkutan. Peluang memang ada untuk bumiputra yang berminat dan berkeupayaan. Barangkali Yang Berhormat itu mewakili segolongan bumiputra yang memang tidak ada minat dan dengan itu tidak menghiraukan peluang-peluang yang ada.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil peluang ini untuk menjelaskan kepada semua Yang Berhormat Senator-senator di Dewan yang mulia ini mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang melibatkan Kementerian ini. Walau bagaimanapun saya tidaklah pula bercadang untuk mengulas perkara tersebut dengan terperinci tetapi cukuplah dengan secara ringkas yang boleh.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub dan Senator Haji Abdul Latif bin Haji Idris membangkitkan mengenai peratusan pelajar di institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri. Beliau mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula mengenai quota kemasukan ke universiti-universiti untuk golongan bukan bumiputra. Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat Senator tersebut Kementerian sedar jika diambil kira penuntut-penuntut Malaysia di dalam dan di luar negeri maka penuntut-penuntut bukan bumiputra masih lagi mengatasi penuntut-penuntut bumiputra. Di atas kesedaran ini dan untuk mempercepatkan proses penambahan kaum bumiputra di berbagai bidang, maka pengecualian telah diberi kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dari mematuhi nisbah 55% bumiputra dan 45% bukan bumiputra. Dengan lain perkataan, ketiga-tiga universiti tersebut telah diberi kebenaran mengambil lebih ramai pelajar-pelajar bumiputra.

Suka saya tegaskan bahawa penambahan pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra tidak akan menjejaskan peluang bumiputra untuk mendapatkan pengajian tinggi.

Berkenaan dengan cadangan Senator S. Subramaniam, Kementerian Pelajaran memang sedang bergiat mempercepatkan perkembangan mengenai pengambilan pelajar-pelajar dari berbilang kaum untuk memasuki universiti-universiti tempatan dengan pembesaran dan menambahkan tempat-tempat yang lebih kepada kaum bukan bumiputra.

Kerajaan sentiasa mengawasi keperluan negara untuk tenaga rakyat terutama dalam bidang sains dan teknologi. Jika didapati perlu, Kerajaan sedang menimbang untuk membina lebih banyak lagi institusi-institusi sains dan teknik. Sebagai bukti, Kerajaan akan membina fakulti perubatan di Universiti Sains Malaysia untuk menampung kekurangan doktor, dan juga satu kampus cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia

akan dibina di Kota Kinabalu, Sabah dan satu kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak.

Yang Berhormat Senator Puan Zawiah binti Abdullah berasa dukacita kerana Kerajaan belum lagi menjadikan Sekolah Teknik sebagai Sekolah Berasrama Penuh seperti Sekolah Menengah Sains yang telah berasrama penuh. Dengan yang demikian beliau mengesyorkan supaya Sekolah Teknik yang ada di negara ini dijadikan sebagai Sekolah Berasrama Penuh. Untuk makluman Yang Berhormat walaupun Sekolah Teknik di negara ini tidak mendapat bantuan dan layanan sepertimana yang diberikan kepada Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian ini sentiasa mengambil perhatian berat kepada keperluan-keperluan sekolah dan kepentingan penuntut-penuntut. Di antara perkara-perkara yang sentiasa dalam perhatian Kementerian Pelajaran ini ialah:

(a) *Kemudahan Asrama*

Pada keseluruhannya 56.1% daripada jumlah penuntut-penuntut mendapat kemudahan asrama buat masa ini, Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan yang sedang dilaksanakan untuk menambah kemudahan ini. Adalah dianggap kemudahan tambahan ini akan dapat dipergunakan pada akhir tahun 1980 dan dengan ini penghuni akan meningkat kepada 67.3% daripada jumlah penuntut keseluruhannya.

(b) *Biasiswa*

Penuntut-penuntut juga diberi peluang memohon dan menerima biasiswa-biasiswa seperti Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Kerajaan Negeri, tempat-tempat percuma Kerajaan iaitu 10% penghapusan yuran tambahan dan lain-lain. Di samping itu Biasiswa Pelajaran Teknik (wang saku) juga diberikan kepada 10% daripada penuntut-penuntut. Biasiswa ini pada mulanya ialah \$12 seorang sebulan tetapi mulai tahun 1979 ia dinaikkan kepada \$15 seorang sebulan.

Senator Puan Rahmah binti Othman mencadangkan supaya guru panduan kerjaya ditempatkan di tiap-tiap sekolah menengah dan juga mereka menjadikan full-time. Untuk makluman Yang Berhormat tiap-tiap sebuah sekolah menengah mempunyai seorang guru

panduan kerjaya yang terlatih bagi memberi panduan pelajaran dan kerjaya kepada murid-murid. Tetapi untuk menjalankan tugas secara full-time pada masa ini cuma kita dapat memberikan separuh masa sahaja. Tetapi cadangan ini tentulah dapat diberikan perhatian oleh Kementerian Pelajaran dan juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu perkhidmatan panduan kerjaya juga diperluaskan di sekolah-sekolah rendah supaya dapat mengesan murid-murid yang bermasalah seperti murid-murid yang lemah dan masalah emosi.

Senator Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim meminta Kementerian ini supaya mata-pelajaran Ugama Islam ditambah atau lebihkan sedikit masa pelajarannya di sekolah dengan tujuan dapat memupuk dan memperbaiki lagi akhlak anak-anak kita terutama anak-anak lepasan sekolah. Pihak Kementerian telahpun mengkaji perkara ini dan mendapati adalah tidak mungkin untuk melebihi masa kepada matapelajaran Ugama Islam kerana ini akan menjejaskan masa minima untuk mata-matapelajaran lain yang sama pentingnya dengan matapelajaran ugama itu. Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti untuk memupuk dan memperbaiki akhlak anak-anak ada dilaksanakan di luar bilik darjah iaitu di luar masa sekolah. Kementerian ini yakin bahawa aktiviti-aktiviti luar bilik darjah yang bercorak keagamaan adalah lebih berkesan bagi memperbaiki akhlak murid-murid daripada hanya mempelajari matapelajaran ini sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran. Senator itu juga menyentuh mengenai sekim gaji Pengelola-pengelola Sekolah yang dikatakannya sama taraf dengan gaji Guru-guru Besar dan mencadangkan supaya gaji Pengelola-pengelola Sekolah dinaikkan ke tanggagaji yang lebih baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian ini sentiasa mengkaji kedudukan jawatan-jawatan di bawah Kementerian ini dari semasa ke semasa termasuk jugalah jawatan Pengelola-pengelola Sekolah. Jika didapati ada jawatan-jawatan yang perlu dan sesuai dinaikkan taraf kerana tugas dan tanggungjawabnya, Kementerian akan membuat perakuan kepada agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan untuk mendapat kelulusan mereka. Jadi soal taraf tinggi rendah di antara Guru Besar dan Pengelola-pengelola Sekolah tidak timbul sama sekali.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini yang tidak dapat saya sentuh satu persatu terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, perhatian dan tindakan akan diambil oleh Kementerian saya dari masa ke semasa.

4.31 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dengan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan bidangkuasa Kementerian saya dalam perbahasan usul Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9hb April, 1979 dalam Dewan yang mulia ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan harapan mereka supaya Kerajaan memperbanyakkan pembinaan rumah awam kos rendah. Dalam hubungan ini ingin saya menyentuh bahawa Kerajaan telah dan sedang memberi perhatian berat tentang masalah perumahan di seluruh negara. Keperluan rumah-rumah kos rendah telah dipertimbangkan dengan mendalamnya ketika Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga dibuat dan daripada hasil kajian tersebut, matlamat yunit yang akan dibina telah ditambah daripada 63,154 yunit ke 72,451 yunit. Peruntukan telah diperbesarkan kepada \$642,725,563 iaitu tambahan 34% ke atas peruntukan asal.

Kementerian saya seboleh-bolehnya ingin mengadakan rumah bagi semua rakyat yang berpendapatan rendah. Tetapi harus diingat bahawa proses pembinaan rumah adalah memakan masa dan melibatkan beberapa faktor dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Ianya bukan satu perkara yang mudah. Tanah adalah satu bahan yang penting untuk membina rumah dan dalam keadaan sekarang di mana tanah yang sesuai untuk membina rumah semakin sukar didapati terutamanya di bandar-bandar, maka sudah tentulah kerjasama di semua pihak yang berkuasa adalah diperlukan bagi menjamin supaya matlamat Kerajaan untuk menolong golongan berpendapatan rendah akan dapat dicapai.

Tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian, masalah tempat di mana sesuatu rancangan perumahan itu perlu diadakan adalah terletak di bawah budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing. Kadangkala sesuatu rancangan perumahan itu dapat dijalankan oleh kerana ketiadaan tanah Kerajaan dan juga infrastruktur. Masalah seperti ini sering terdapat di negeri-negeri kurang maju di Malaysia ini terutama dari segi infrastruktur.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebelum sesuatu rancangan perumahan itu dapat dijalankan, maka infrastruktur seperti bekalan air, jalanraya, bekalan elektrik dan sebagainya perlu diadakan terlebih dahulu. Sungguhpun menghadapi beberapa masalah di dalam pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah ini, Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri terus berusaha untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah awam kos rendah dan untuk mencapai matlamat ini satu kajian kemungkinan peringkat nasional dipanggil Integrated Sites and Services and Related Low Cost Housing Programme dengan bantuan Bank Dunia telah dimulakan. Dan satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dimasukkan apabila kajian ini selesai kelak.

Ianya juga bertujuan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah.

Menyentuh komen Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim mengenai kurang perhatian untuk membina rumah bagi orang-orang yang berpendapatan sederhana, ingin saya memaklumkan di sini bahawa pemaju perumahan swasta ada melaksanakan rumah harga rendah (low price houses) dengan secara persendirian ataupun usahasama dengan agensi-agensi Kerajaan atau anak-anak syarikat mereka.

Untuk menggalakkan lebih banyak lagi pembinaan rumah harga rendah itu oleh pemaju-pemaju perumahan, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan yang termasuk:

- (1) Beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri seperti Johor dan Selangor dan Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan syarat beberapa peratus. Angkanya berbeza dari satu negeri dengan lain negeri, daripada tanah yang diizinkan tukar syaratnya untuk perumahan hendaklah didirikan dengan rumah-rumah harga rendah. Definisi rumah ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri menetapkan harganya. Misalnya di Johor ialah \$15,000 seunit, sedangkan di negeri-negeri yang lain ialah kurang daripada \$20,000 seunit.

- (2) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi keutamaan (priority) kepada permohonan untuk mendapat lesen dan permit iklan apabila kemajuan perumahan atau pemaju rumah harga murah atau harga rumah yang tidak melebihi \$25,000 seunit. Dan seterusnya Kementerian ini mengawal dari segi permit iklan di mana rumah-rumah yang demikian setelah ditetapkan harganya tidak boleh dipinda oleh pemaju-pemaju kemudiannya.

Menyentuh komen Yang Berhormat Senator Rahmah binti Othman mengenai ketidakcukupan tenaga professional, pihak Kementerian saya memang sedar mengenai masalah tersebut dan sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu dengan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengatasi masalah tersebut.

Menyentuh usul untuk mengadakan kajian semula Akta Pemaju-pemaju Perumahan, ingin dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya pada masa ini sedang membuat kajian bagi meminda Akta Pemaju-pemaju Perumahan dan di antara pindaan-pindaan yang dibuat ialah untuk memberi lebih kuasa kepada Kementerian ini untuk mengambil tindakan-tindakan yang wajar kepada pemaju-pemaju yang melanggar peraturan-peraturan Akta dan Kaedah Perumahan.

Di samping itu juga beberapa pindaan dibuat kepada syarat-syarat yang ada pada masa ini kepada yang lebih sesuai, serta mengemaskinikan Akta Kaedah pada keseluruhannya. Di samping itu sebagai satu langkah untuk menjamin kepentingan pembeli-pembeli Kementerian ini juga sedang dalam proses untuk menyiapkan Perjanjian

Jual Beli yang standard di mana pada masa akan datang semua Perjanjian Jual Beli akan mengikut Perjanjian Jual Beli yang standard ini. Perkara-perkara ini sedang dalam proses penyediaan dan akan dapat disiapkan dalam sedikit masa lagi. Menyentuh soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai lawatan dan pemeriksaan ke tapak-tapak perumahan bagi menentukan keadaan rumah yang sedang dibina adalah baik dan sempurna mengikut specification sebelum certificate of fitness dikeluarkan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa perkara ini sedang dijalankan. Pegawai-pegawai Penguasa Tempatan yang terdiri daripada Merinyu Bangunan sentiasa membuat lawatan ke tapak-tapak perumahan untuk menentukan kerja pembinaan adalah dilaksanakan mengikut pelan-pelan bangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Penguasa Tempatan. Penguasa Tempatan hanya mengeluarkan certificate of fitness bagi membenarkan rumah-rumah yang baru dibina diduduki oleh penghuni setelah Penguasa Tempatan berpuas hati dengan keadaan rumah tersebut.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid mengisytiharkan kawasan-kawasan perumahan bagi mengelakkan kelewatan dalam proses penukaran jenis rumah, ingin saya jelaskan yang perkara tersebut terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing kerana soal tanah adalah di bawah Kerajaan Negeri dan Kementerian saya tidak dapat mengambil apa-apa tindakan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat juga untuk mengadakan reka bentuk rumah yang standard adalah tidak mungkin kerana ini bergantung kepada banyak faktor lain seperti keadaan tapak, kos binaan dan target vote.

Menyentuh soalan Yang Berhormat Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim supaya lesen-lesen pemaju lekas diluluskan, ingin saya jelaskan bahawa lesen-lesen sekarang memang diluluskan dengan kadar yang segera kecualilah pemaju-pemaju tidak membuat permohonan dengan sempurna dan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya akan ambil perhatian kepada semua pandangan, komen dan syor dari Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempatkan selama 15 minit.

Persidangan ditempatkan pada pukul 4.43 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab ulasan-ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana di dalam perbahasan atas usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang menyentuh mengenai perkara di bawah potfolio Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian saya. Saya sukacita memberitahu iaitu cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membina akan saya ambil perhatian dan tindakan-tindakan yang sesuai.

Menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, saya suka memaklumkan bahawa hidupan liar di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu hidupan liar yang dipelihara sepenuhnya dan yang dipelihara. Bagi kumpulan dipelihara sepenuhnya tiada sebarang kegiatan memburu dibenarkan dan bagi kumpulan yang dipelihara ianya boleh diburu dengan syarat mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dalam musim buka yang disyorkan mengikut tiap-tiap jenis hidupan

liar yang dijadualkan dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar No. 76 tahun 1972. Tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia mempunyai Ranger Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara sendiri dan sekarang ini Jabatan yang berkenaan mempunyai kekuatan seramai 326 orang dalam Bahagian Kuatkuasa Undang-undang dan adalah diharapkan pada masa-masa akan datang jumlah ini akan ditambah lagi mengikut keperluan-keperluan yang timbul.

Buat masa ini Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara telah pun mewujudkan beberapa kawasan simpanan hidupan liar. Di antara yang terbesar ialah Taman Negara yang mempunyai keluasan 1,677 batu persegi, Simpanan Hidupan Liar Krau, Pahang seluas 210 batu persegi, Simpanan Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor seluas 16.7 batu persegi dan Simpanan Hidupan Liar Sungkai, Perak seluas 9.3 batu persegi. Kementerian saya setakat ini sedang berusaha untuk mendapatkan beberapa kawasan lagi seperti cadangan Taman Negara Endau/Rompin di Johor, cadangan Simpanan Hidupan Liar Grik/Belum di Perak dan beberapa kawasan lagi di seluruh Semenanjung Malaysia bagi melindungi hidupan liar yang telah hilang kawasan suainya (Habitat).

Tentang kerosakan tanaman oleh hidupan liar, khasnya gajah di kawasan-kawasan rancangan pembangunan pertanian, Jabatan berkenaan iaitu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara akan memberi nasihat dan bantuan pengawalan dengan menembak-halau dan jika ini tidak memberi kesan maka Bahagian Unit Kebajikan Gajah akan mengambil tindakan menangkap dan memindahkannya ke tempat yang selamat.

Selain daripada cara di atas, langkah-langkah lain juga telah diambil seperti pembinaan pagar elektrik dan parit dan balak penghindar (log barricade).

Berhubung dengan kemajuan Zoo Negara Malaysia pula, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Zoo Negara adalah ditadbirkan oleh Persatuan Zoo Malaysia dan Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$2 juta untuk projek-projek pembangunan zoo tersebut dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Selain daripada itu, Kerajaan juga memberi sumbangan tahunan sebanyak \$6,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil bin Ahmad, saya suka memaklumkan bahawa pada tahun-tahun dahulu permohonan daripada calon-calon bumiputra tidak diterima untuk jawatan-jawatan dalam Kumpulan I oleh kerana kekurangan calon bumiputra yang mempunyai ijazah kepujian dalam matapelajaran Kimia yang ingin bekerja dengan Jabatan Kimia. Dengan tujuan menambahkan bilangan bumiputra dalam kumpulan tersebut, beberapa biasiswa telah diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam semenjak tahun 1973, khasnya bagi Jabatan Kimia untuk latihan dalam bidang kimia.

Baru-baru ini beberapa permohonan telah diterima daripada pemohon-pemohon bumiputra yang mempunyai kelulusan yang layak dan semua pemohon-pemohon itu telah diambil untuk mengisi kekosongan-kekosongan dalam Kumpulan I. Apabila sahaja kekosongan-kekosongan berlaku, Jabatan Kimia akan meminta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengambil tindakan mengisi kekosongan itu, khususnya bagi pemohon-pemohon bumiputra. Untuk Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (dahulunya Jabatan Mergastua) mempunyai kakitangan seramai 646 orang. Dari sejumlah itu mengikut pembahagian kumpulan gaji adalah seperti berikut:

Kumpulan A:			
Bumiputra	1 orang
Bukan Bumiputra	1 ..
Kumpulan B:			
Bumiputra	15 ..
Bukan Bumiputra	4 ..
Kumpulan C, D dll.	626 ..

Terima kasih.

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana telah menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam perbahasan ini.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub, Yang Berhormat

Datuk Syed Hassan Aidid dan Yang Berhormat Senator Zawiah binti Abdullah telah menyentuh perkara-perkara mengenai pengangguran dan seterusnya menggesa Kerajaan supaya memperhebatkan rancangan-rancangan untuk mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di negara kita.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bilangan pekerjaan telah bertambah dengan pesatnya dalam tempoh 1976-1978. Sejumlah lebih 474,000 pekerjaan-pekerjaan baru telah dapat diadakan, iaitu kira-kira 64% dari matlamat bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga pada keseluruhannya. Kerajaan akan terus mempergiatkan lagi usaha-usaha bagi mewujudkan seberapa banyak peluang-peluang pekerjaan melalui perkembangan dan kemajuan di dalam beberapa sektor yang besar seperti Sektor Pertanian, Sektor Pembuatan, Sektor Pembinaan dan Sektor Perkhidmatan.

Dengan pulihnya kegiatan ekonomi, terutama sekali dalam sektor-sektor pembuatan dan pembinaan, Kerajaan percaya bahawa pelaburan swasta yang mengalami pertumbuhan yang agak lembab di peringkat awal Rancangan Malaysia Ketiga, akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi, dan berikutan dengan ini Kerajaan berharap matlamat pengeluaran dan pekerjaan kita akan tercapai.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin, juga telah membangkitkan perkara penghijrahan pekerja-pekerja kita terutama sekali dari Pantai Timur dan Johor. Kementerian saya juga sedar terdapat pekilang-pekilang dan pengusaha-pengusaha Singapura menjalankan kempen terutama sekali di Johor untuk mendapatkan pekerja-pekerja Malaysia bekerja di Singapura.

Penhijrahan tenaga kerja untuk bekerja di luar negeri bukanlah satu fenomena yang baru. Penhijrahan adalah berlaku pada setiap masa. Faktor-faktor yang penting yang perlu dipertimbangkan di dalam fenomena ini ialah sama ada penghijrahan itu melemahkan kegiatan-kegiatan dalam negara ini kepada suatu peringkat yang merugikan atau tidak.

Dalam persoalan penghijrahan tenaga kerja daripada kawasan-kawasan di Johor ke Singapura, apa yang perlu dilihat ialah

sama ada penghijrahan itu telah mengakibatkan pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha di Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya mengalami kekurangan tenaga kerja yang tinggi atau tidak. Berhubung dengan perkara ini Kementerian saya telah membuat satu peninjauan yang kasar pada akhir tahun 1978 berkenaan dengan kedudukan keperluan tenaga kerja di Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya dengan tujuan untuk mengetahui bilangan kekosongan yang dialami oleh kilang-kilang dan pengusaha yang berkenaan. Di dalam tinjauan yang telah dibuat itu sebanyak 21 buah kilang telah dapat dihubungi dan kilang-kilang ini menggunakan tenaga kerja sejumlah lebih kurang 5,676 orang. Daripada jumlah keperluan yang dinyatakan itu tinjauan itu menunjukkan bahawa kilang-kilang ini mengalami kekurangan tenaga kerja sebanyak 757 orang sahaja. Ini merupakan lebih kurang 13.3% daripada keseluruhan tenaga kerja yang diperlukan. Pada peringkat ini bolehlah dikatakan bahawa pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha di Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya tidak mengalami kekurangan tenaga kerja yang begitu tinggi. Jumlah kekosongan yang dapat dikesani seperti yang saya nyatakan tadi itu mungkin banyaknya merupakan "turnover" biasa sahaja. Walaupun begitu Kementerian saya tidaklah memandang ringan masalah yang ditimbulkan itu. Ini mungkin merupakan permulaan kepada satu masalah yang akan menjadi lebih serious di kemudian hari kelak. Pada masa ini Kementerian saya sedang mendalami masalah ini dengan menghubungi majikan-majikan di Johor dan kawasan-kawasan sekitarnya untuk mendapatkan pandangan-pandangan mereka tentang masalah penghijrahan tenaga kerja ke Singapura. Jika perlu Kementerian saya bercadang hendak mengadakan satu perjumpaan dengan pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha di Johor dan kawasan-kawasan sekitarnya berkenaan dengan masalah ini.

Kerajaan pada masa ini juga sedang menimbang untuk mengadakan satu undang-undang bagi mengawal semua agensi-agensis pekerjaan swasta termasuklah agensi-agensis yang menghantar pekerja-pekerja Malaysia untuk bekerja di luar negeri. Jika sekiranya undang-undang ini akan diadakan kelak maka semua agensi-agensis pekerjaan swasta

termasuk agensi-agensis yang mengelolakan penghijrahan tenaga kerja akan dikawal seperlunya bagi menentukan pengaliran tenaga kerja ke luar negeri tidak merugikan negara kita.

Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir antara lain telah membangkitkan peristiwa di mana sebuah kilang telah memotong gaji pekerja-pekerjanya kerana mereka pergi bersembahyang Jumaat. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi butir-butir lanjut mengenai aduan tersebut, maka tidaklah dapat Kementerian saya membuat siasatan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, sukacita kiranya dapat Yang Berhormat Senator itu menulis kepada saya mengenai hal ini, supaya siasatan ataupun tindakan sewajarnya dapat diambil.

Yang Berhormat Senator S. Subramaniam telah membangkitkan perkara perumahan pekerja-pekerja ladang dan lombong dan meminta agar skim ini dapat dipercepatkan. Sukacita saya sebutkan di sini bahawa Kementerian saya telah dapat membincangkan perkara ini dengan lebih kurang semua Kerajaan Negeri dan telah dapat menentukan kerjasama mereka dalam perkara ini. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga juga terdapat lebih banyak peruntukan untuk kita membiayai lebih banyak rancangan untuk pekerja-pekerja ladang seperti disetujui di bawah Rancangan Task Force ini. Ini adalah selain daripada tiga skim yang telahpun dilaksanakan pada peringkat ini dan kita harap dalam masa-masa akan datang kita akan dapat mempergiatkan lagi skim ini untuk meliputi lebih kurang semua ladang dan lombong.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan buah fikiran mereka terhadap kegiatan-kegiatan Kementerian saya. Mana-mana perkara yang tidak dapat saya sentuh tadi akan diambil perhatian juga oleh Kementerian saya untuk tindakan yang sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan perhatian ke atas urusan-urusan Kementerian saya. Sebagai menjawab pertanyaan-pertanyaan dan teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memberi penjelasan-penjelasan seperti berikut.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Mohamad di dalam ucapannya telah menyentuh mengenai sungutan di kalangan pemborong-pemborong kerana terdapat amalan-amalan yang bertentangan semasa JKR menerima tawaran daripada pemborong-pemborong. Menurut beliau adalah menjadi kebiasaan JKR menerima tawaran yang terendah walaupun JKR sedar bahawa pemborong itu akan mengalami kerugian. Saya ingin memaklumkan bahawa adalah tidak benar JKR akan hanya menerima tawaran terendah sekali. Mengikut amalan sekarang Kementerian saya akan membuat anggaran harga ke atas tiap-tiap projek sebelum ditawarkan. Sekiranya pemborong menawarkan harga di dalam lingkungan 10% rendah daripada anggaran, Kementerian saya akan berhubung dengan pemborong itu untuk memastikan kesanggupan pemborong itu menjalankan kerja tersebut berdasarkan kepada harga yang telah ditawarkan. Kementerian akan hanya memberi kerja itu kepada pemborong setelah didapati ianya sanggup dan layak untuk menjalankannya.

Beliau juga telah menyentuh mengenai pemberian kerja ataupun kontrak kepada pemborong tempatan yang menawarkan harga yang lebih tinggi daripada tawaran yang dibuat oleh pemborong antarabangsa. Dari penyiasatan yang dibuat saya dapati kejadian tersebut berlaku di dalam projek menaik taraf jalan-jalan luar bandar di negeri Trengganu. Projek ini adalah projek Kerajaan Negeri. Sebenarnya, pemborong kedua yang telah diberi kerja tersebut adalah sebuah syarikat usahasama yang terdiri daripada sebuah syarikat dari Jepun dan pemborong tempatan. Kerja-kerja tersebut diberikan kepada pemborong kedua kerana

tawaran yang dibuat oleh pemborong pertama itu iaitu sebuah syarikat tempatan adalah terlalu rendah daripada anggaran dan sekiranya diterima akan merugikan pemborong tersebut.

Yang Berhormat Senator Haji Khalid bin Haji Abdullah di dalam ucapannya menyentuh mengenai kelambatan pembayaran kepada kontraktor bumiputra telah mengganggu kecekapan kerja mereka. Beliau berharap Kerajaan akan mengambil perhatian berat untuk mengatasi masalah ini. Sebenarnya, perkara ini telah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan tindakan telahpun diambil dengan mengeluarkan arahan kepada agensi-agensi berkenaan untuk menyegerakan bayaran kemajuan kepada kontraktor lebih-lebih lagi kepada kontraktor-kontraktor bumiputra. Walau bagaimanapun, sekiranya masih juga ada berlaku kelewatan pembayaran, ianya mungkin disebabkan oleh pihak kontraktor itu sendiri tidak dapat memenuhi syarat-syarat tertentu. Sebaliknya, jika kelewatan tersebut disebabkan oleh kelengahan pegawai-pegawai yang berkenaan, tindakan yang sewajarnya memang sentiasa diambil. Di samping itu Kementerian saya sentiasa bekerja rapat dengan Perbendaharaan untuk mengelakkan kelewatan itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Chua Song Lim telah meminta Kerajaan meluaskan jalan dari Melaka ke Johor kerana jalanraya itu sempit. Saya ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja ukur dan reka-bentuk untuk memperbaiki jalanraya Melaka Muar dari Batu 2 ke Batu 20 akan dijalankan. Kerja pembinaan dijangka akan dimulakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid telah mengatakan rasa kesalnya atas kemalangan yang berlaku akibat kekurangan tanda amaran di tepi jalanraya. Saya ingin menjelaskan bahawa kemalangan yang berlaku bukan semata-mata disebabkan kekurangan papan tanda tetapi kebanyakan disebabkan oleh pemandu-pemandu yang memandu kenderaan mereka dengan keterlaluan. Saya juga ingin menyatakan papan-papan tanda yang ada pada masa ini adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil untuk meletakkan papan tanda tambahan di kawasan yang selalu berlaku kemalangan dan

menggantikan papan tanda yang telah lama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat papan-papan tanda yang digunakan sekarang adalah memenuhi taraf Geneva Convention on International Road Signs.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, papan tanda yang saya maksudkan itu bukanlah papan tanda yang biasa kita nampak di jalanraya atau di simpang-simpang jalan. Apa yang saya maksudkan apabila jalan itu ditebuk, digali, ditambah tetapi tidak ada papan tanda yang menunjukkan di tempat itu adalah tempat bahaya, sama ada papan tanda ataupun lampu isyarat. Itu yang saya maksudkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Papan tanda sementara.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, barangkali yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah papan tanda semasa jalan itu dibaiki. Ini memanglah diambil perhatian berat oleh pihak Kementerian saya dan kelemahan-kelemahan yang ada ialah boleh dikatakan dibuat oleh pihak kontraktor dan banyak juga laporan-laporan diberi oleh pihak kontraktor mengatakan papan tanda itu telahpun dicuri oleh budak-budak nakal di kampung-kampung di sekitar tempat di mana pembangunan itu dibuat. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya memang sentiasa mengambil perhatian dan menjaga supaya cukup papan-papan tanda itu diletakkan di tepi jalan di mana pembangunan sedang dibuat.

Sekianlah jawapan saya kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya dan teguran-teguran ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat beberapa ulasan dan jawapan terhadap beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Berkenaan dengan jawatan Penguji Drebar yang bertaraf sementara, Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan sedang berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, kemungkinan menjadikan jawatan tersebut sebagai jawatan tetap dan berpencen.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyetujui masalah perkhidmatan keretapi di Kelantan yang menyebabkan kekurangan pengangkutan bahan-bahan binaan seperti simen, besi-keleuli dan juga kayu balak. Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah dan akan berusaha memperbaiki perkhidmatannya bukan sahaja di Pantai Barat malahan di Pantai Timur bagi kemudahan penumpang-penumpang dan pengangkutan barang.

Berhubung dengan pengangkutan simen berkampit ke merata-rata tempat di Semenanjung Malaysia dengan keretapi, pihak Keretapi Tanah Melayu biasanya membekalkan gerabak-gerabak kosong kepada pembekal-pembekal simen berkampit yang utama di negara ini iaitu Associated Pan Malaysia Cement di Rawang dan Kanthan Chemor, Tasik Cement di Ipoh dan Cyma di Bukit Ketrek. Bagi menentukan destinasi simen-simen ini perlu dihantar adalah terletak kepada pihak pembekal sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sedang berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan tujuan memberitahu kilang-kilang simen masalah yang dihadapi di negeri Kelantan khasnya oleh pemborong-pemborong tempatan dan mengesyorkan kepada mereka supaya prioritas diberikan kepada keperluan negeri Kelantan.

Berhubung dengan pengangkutan besi-keleuli pula Keretapi Tanah Melayu sentiasa mengendalikan pengangkutan besi-keleuli dari Prai ke Singapura dan ke merata-rata tempat termasuk ke Kelantan. Keretapi Tanah Melayu tidak menghadapi masalah di dalam pengangkutan trafik ini, Keretapi Tanah Melayu sedia mengendalikan trafik ini apabila diperlukan terutamanya untuk penghantaran ke Pantai Timur. Baru-baru ini misalnya Keretapi Tanah Melayu telah diminta mengendalikan besi-keleuli sebanyak 10,000 tan dari Singapura ke Kuala Lumpur dan Kota Bharu. Mulai daripada 3hb hingga 11hb April, 1979 sebanyak 800 tan besi-keleuli telah dihantar dari Singapura ke Kota

Bharu manakala 200 tan lagi telah dihantar ke Kuala Lumpur. Bakinya sebanyak 9,000 tan lagi akan dihantar sedikit masa lagi ke Kota Bharu atau Kuala Lumpur mengikut kehendak pihak penghantar.

Berkenaan dengan mengendalikan pengangkutan kayu balak dari Pantai Timur terutamanya dari Kelantan sejak beberapa bulan yang lalu tindakan telah diambil menambahkan jumlah tren-tren khas untuk mengangkut kayu balak. Ini adalah menandatangani kepada pertambahan pengeluaran kayu balak di Pantai Timur dan juga bertambahnya permintaan kepada gerabak-gerabak keretapi. Pada masa ini Keretapi Tanah Melayu sedang mengadakan tren-tren khas kayu balak bagi mempercepatkan pengangkutan kayu balak dari stesen-stesen di Pantai Timur. Bagi makluman Yang Berhormat di bawah ini diperturunkan angka jumlah kayu balak yang telah dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu dari Pantai Timur bagi tahun 1975 hingga 1978:

1975	263,884	tan
1976	313,786	..
1977	328,467	..
1978	428,746	..

Menyentuh tentang kegelinciran keretapi, ingin saya jelaskan, tindakan-tindakan sedang diambil untuk mengelakkan kegelinciran. Kerajaan sedang mengambil usaha bagi membaharui gerabak (coach) dan landasan-landasan yang sudah lanjut usianya dan rancangan ini adalah dijalankan berperingkat-peringkat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu tindakan juga sedang diambil bagi melatih kakitangan dalam teknik memandu yang lebih saintifik.

Berkenaan dengan penerbangan MAS ke Seoul, izinkan saya melaporkan kepada Dewan Negara ini bahawa perkara ini sedang diuruskan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Luar Negeri.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan, pandangan dan juga cadangan-cadangan berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Kementerian Pertanian.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi perhatian yang berat dan pandangan-pandangan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian. Segala pandangan dan teguran yang diberi akan dikaji dan dipertimbangkan dengan telitinya dalam pembentukan Dasar Pertanian Negara yang sedang digubal sekarang dan dalam melaksanakan program-program pertanian.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh sektor perikanan dan pertanian termasuk padi dan perairan. Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani demi kemajuan sektor pertanian khususnya untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi. Bagi projek-projek taliair, Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$299.5 juta bagi tahun tempoh 1976 hingga 1978 untuk menyediakan kemudahan-kemudahan parit dan taliair bagi memperbaiki kawasan pertanian yang sedia ada. Kira-kira 75,000 ekar kawasan padi atau 33% dari matlamat Rancangan Malaysia Ketiga telah diberikan kemudahan-kemudahan taliair termasuk kemudahan taliair yang diperbaiki, sebahagian besar daripadanya adalah untuk penanaman padi dua kali setahun. Oleh yang demikian, penanaman padi dua kali setahun telah boleh dijalankan seluas 586,000 ekar dalam tahun 1978 berbanding dengan 527,000 ekar dalam tahun 1975. Di samping itu Kementerian saya sudah pun memulakan skim taliair kecil kebangaan yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$200 juta. Skim ini mengandungi sebanyak 195 projek pengairan meliputi seluruh negara. Skim ini dijangka siap pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi bagi menyediakan perkhidmatan pertanian termasuk perkhidmatan perkembangan latihan kredit, subsidi, penyelidikan, pemasaran, pemerosesan akan terus dibaiki. Dalam tempoh 1976 hingga 1978 kira-kira \$36.4 juta juga telah dibelanjakan bagi program latihan

dan penyelidikan pertanian termasuk di peringkat ikhtisas, lampu-lampu penunjuk, bangsal-bangsal membungkus ikan dan bilik-bilik sejuk. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) sedang melaksanakan projek-projek seperti kilang air batu di Pahang, projek ikan air tawar dan udang galah di Selangor dan pukut tunda di Trengganu dan Sarawak yang telah dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Projek-projek ini hampir siap dan memulakan pengeluarannya pada awal tahun 1979 ini.

Mengenai perusahaan perikanan di Sarawak Kerajaan telah memberi perhatian yang berat bagi memajukan sektor tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga negeri Sarawak telah diberi peruntukan sebanyak \$2,700,000 dan diharapkan di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga kelulusan diperolehi supaya peruntukan ini ditambah kepada \$12,596,174.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu MAJUIKAN juga sedang meningkatkan lagi usaha memajukan sektor perikanan sebanyak \$16,705,905 telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Di antara projek-projek yang sedang diusahakan adalah projek penangkapan ikan dengan pukut tunda, pukut jerut, pembinaan pejabat korporasi dan memajukan korporasi-korporasi nelayan, kilang air batu, bangsal dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh perkara tanah sawah yang telah tergadai. Kerajaan akan mengadakan peruntukan khas sebanyak \$30 juta bagi menjalankan program menebus tanah sawah yang tergadai itu. Di dalam menjalankan usaha ini Bank Pertanian akan menjalankan peranan yang utama dalam mengatur dan melaksanakan program ini dan saya berharap semua pihak akan mengambil berat dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan program tersebut. Sebagai melaksanakan program \$30 juta itu Bank Pertanian akan menubuhkan satu bahagian Hal Ehwal Kemajuan Tanah dengan tujuan mempergiatkan lagi rancangan menebus kembali tanah-tanah orang Melayu sama ada tanah sawah yang telah tergadai daripada orang tengah.

Selain daripada itu, Bank Pertanian juga akan menjadi ejen untuk mengatur urusan jual beli tanah pertanian kepunyaan kaum tani dengan cara mencari bakal pembeli

daripada kalangan petani sendiri. Di samping itu, Bank Pertanian juga akan terus membantu petani-petani di dalam memberi perkhidmatan kredit. Walaupun program ini tidak akan dapat mengatasi masalah tersebut 100% tetapi adalah diharapkan ianya akan dapat membantu di samping usaha-usaha lain yang dijalankan. Sebagai satu usaha lagi bagi menjamin pembangunan pertanian, satu dasar pertanian negara sedang digubal untuk kepentingan negara dan keperluan rakyat seluruhnya terutama usaha-usaha membasmi kemiskinan di kalangan petani-petani dan nelayan-nelayan dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja masalah-masalah pokok yang telah ditimbulkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan pertanian. Perkara-perkara lain dan pandangan-pandangan yang berguna dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil ingatan dan diberi perhatian sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

5.43 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana telah memberi ulasan-ulasan dan cadangan-cadangan mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Walaupun saya tidak memberi jawapan dari segi satu persatu perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, namun demikian semua perkara yang telah disebut akan diambil perhatian oleh Kementerian saya. Tidak perlu saya sebutkan lagi, adalah menjadi hasrat Kerajaan memberikan untuk kepentingan rakyat sebagai dasar atau polisi di dalam menyediakan berbagai perkhidmatan dengan sebaik-baik yang mungkin.

Pada waktu yang sama juga disebabkan pembangunan yang pesat dan berikutan dengan itu expectation rakyat yang kian meninggi di dalam proses kita terdapat kadangkala keupayaan jentera kerajaan

tidak dapat memenuhi dengan secukupnya permintaan perkhidmatan-perkhidmatan yang diharapkan oleh orang ramai pada sesuatu masa. Satu contoh ialah mengenai bekalan perkhidmatan telefon yang telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob. Tambahan di dalam permintaan perkhidmatan telefon dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini sangatlah pesat sekali mencerminkan kepantasan di mana modenisasi dan pembangunan yang sedang berlaku. Tetapi masa diambil untuk memasang segala kemudahan-kemudahan pastilah memerlukan masa sedikit.

Contohnya, di dalam memasang kabel dan mendirikan bangunan-bangunan dan pemasangan berbagai ibu-ibu sawat yang diperlukan. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat dapat melihat Kerajaan adalah sedar bahawa peruntukan bagi perhubungan adalah satu infrastruktur yang perlu di dalam proses pembangunan negara kita, terutamanya di dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Memandangkan atas perkara ini Kerajaan telahpun memutuskan memohon untuk kelulusan tambahan peruntukan di bawah Kajian Separuh Penggal menyamai peruntukan asal yang mana menjadikan jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga \$2.39 billion.

Saya akan melaporkan kepada Kabinet tidak lama lagi mengenai keupayaan Jabatan Telekom pada masa sekarang dan syor-syor bagaimana hendak menggunakan dengan sepenuhnya keupayaan yang ada itu bagi perkhidmatan telefon kita. Dengan tambahan peruntukan yang perlu ini bersama dengan langkah-langkah pentadbiran yang akan diambil, saya berharap akan mempercepatkan lagi perlaksanaan projek-projek, bukan sahaja untuk menyediakan taliantalian telefon kepada mereka yang telah memohon untuk mendapatkan telefon di dalam negeri ini, tetapi juga untuk memajukan rangkaian perhubungan di antara bangsa. Kita akan memulakan di bandar, terutama di Kuala Lumpur, kemudahan-kemudahan direct international dailling di beberapa negara seperti United Kingdom, Jepun, Hong Kong dan Australia pada bulan Jun tahun ini. Kita adalah dalam proses reorganisasi Jabatan Telekom.

Dasar reorganisasi ini ialah memberikan semua fungsi-fungsi kepada kawasan-kawasan oleh kerana adalah pejabat-pejabat kawasan yang seharusnya diberikan tanggungjawab yang lebih bagi menghadapi kerja-kerja penyelenggaraan dan pemasangan. Kita juga akan menaikkan lagi keupayaan corporate planning section daripada Jabatan Telekom. Malangnya, peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan ini mengambil masa dan apa yang Kerajaan sedang buat sekarang ini tidak akan dapat dirasai dalam beberapa bulan lagi, tetapi pasti saya berharap pada penghujung Rancangan Malaysia Ketiga kemajuan yang nyata dalam perkhidmatan perhubungan kita harus dirasai dan keupayaan penyelenggaraan akan bertambah baik.

Saya juga ingin menyentuh tentang soal bekalan tenaga di dalam negara ini yang mana di antara lain soalnya telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik dan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah merujuk kepada potongan akhbar di dalam Malay Mail bertarikh 11-4-79 bertajuk "Power rates stay put" dan meminta saya mengesah atau sebaliknya apa yang dilaporkan di dalam akhbar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedar bahawa Dewan ini tidaklah terlibat untuk membincangkan kenyataan-kenyataan akhbar dan saya tidak bercadang untuk mengaitkan apa yang akan saya katakan dengan apa yang mungkin telah dilaporkan di dalam akhbar. Bagaimanapun adalah wajar saya beri mengenai perkembangan yang sedang dinyatakan terutamanya oleh pengilang-pengilang dan perusahaan-perusahaan mengenai tarif elektrik.

Kita di Malaysia adalah bernasib baik kerana kesan kenaikan harga minyak di dalam tahun 1973 dan 1974 tidak dipindahkan ke Malaysia pada masa itu juga oleh kerana pada ketika itu Lembaga Elektrik Negara ada persetujuan kontrak dengan pembekal-pembekal minyak yang mana membolehkan Lembaga Elektrik Negara membeli minyak dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran dan dengan itu dapat terus menetapkan tarif asal yang pada mulanya dikenakan pada tahun 1958. Apabila kontrak tersebut telah tamat, Lembaga Elektrik Negara terpaksa membuat

perjanjian baru bagi bekalan sehingga tahun 1981 dan walaupun Lembaga Elektrik Negara terpaksa menaikkan fuel cost variation charge dalam bulan September 1978 kesan dari syarat-syarat kontrak baru itu, tetapi apa yang telah diketepikan ialah Kerajaan menerusi pandangan jauh tetapi dapat menanggukkan kesan dari krisis minyak dalam tahun 1974-1978 iaitu satu bonus bagi empat tahun. Kerajaan adalah sentiasa sedar bahawa harga elektrik ialah satu unsur yang penting dalam kos pengeluaran dalam sesebuah firma. Kenaikan FCBC yang telah dikenakan pada bulan September pada tahun lalu pasti menambahkan lagi kos pengeluaran.

Walau bagaimanapun penambahan kos ini seharusnya dihubungkan dengan kos purata pengeluaran yang sesuatu firma itu menanggung. Kenaikan harga yang disebabkan dengan kenaikan elektrik sahaja pada keseluruhannya tidaklah begitu dramatik sebagaimana yang telah dikemukakan dan adalah menjadi moral responsibility pengilang-pengilang supaya jangan mengeksploitkan kesan-kesan menggunakannya sebagai alasan bagi kenaikan-kenaikan harga yang tidak menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, tenaga adalah semakin menjadi bahan yang mahal di seluruh dunia. Di dalam perkara ini Malaysia tidaklah dapat diasingkan dari kesan trend dunia ini. Bagaimanapun Kerajaan adalah sentiasa sedar akan peranan penting ini yang diharapkan oleh sektor swasta dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan sedaya upaya akan mengkaji kesan potential kenaikan harga minyak di atas tariff elektrik di dalam konteks pembangunan negara.

Saya memberi jaminan di Dewan ini bahawa Lembaga Letrik Negara tidak akan dibenarkan menaikkan tariffnya tanpa kebenaran Kerajaan terlebih dahulu didapati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat ulasan di atas kebimbangan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik mengenai keadaan bekalan elektrik di negara ini sekarang. Semasa Projek Hidro-elektrik di Temenggor dirangkaikan, ianya telah dirangkaikan berdasarkan kajian yang lengkap dan mendalam mengenai Rain Fall Pattern bagi beberapa tahun. Malangnya kemarau yang negara kita hadapi

dalam 2 tahun ke belakangan ini adalah tidak didugakan. Ini telah memberi kesan yang tidak baik di segi keupayaan tenaga di dalam negara kita.

Pertambahan permintaan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung Malaysia adalah pada kadar 13.5% setahun dan disebabkan keupayaan tenaga-tenaga yang seharusnya diperolehi dari Projek Hidro Temenggor telah tidak dapat digunakan sepenuhnya, Lembaga Letrik Negara telah terpaksa menjalankan load-shedding bagi membolehkan Lembaga Letrik Negara membuat kerja-kerja penyenggaraan yang diperlukan bagi stesyen-stesyen janaelektrik yang ada bergilir-gilir.

Bagi meningkatkan capacity bekalan elektrik kita, kini Lembaga Letrik Negara menubuhkan tiga set tambahan dengan muatan 120 megawatt bagi tiap-tiap satu di stesyen janaelektrik di Prai. Pembinaan janaelektrik ini sedang dikerjakan. Lembaga Letrik Negara juga menempatkan sejumlah janaelektrik turbines tenaga diesel sebagai tambahan kepada bekalan tenaga yang ada sekarang.

Sebagai satu polisi jangka panjang, kami menyedari kedudukan yang sarat terpaksa dihadapi oleh janakuasa elektrik dan dengan meningkatnya harga minyak di seluruh dunia dan kadar inflation rate yang cepat maka adalah perlu bagi pihak Kerajaan untuk merangkaikan pengurangan seberapa boleh tentang kedudukan yang sarat pada janakuasa-janakuasa itu, di samping mengembangkan daya tarikan kepada punca-punca tenaga tempatan yang mungkin boleh didapati sebagai kegunaan dalam negeri.

Ini adalah polisi yang tegas dan sebagai satu manifestasi dari polisi ini, Lembaga Letrik Negara dan PETRONAS sekarang sedang giat menyiasat dan memeriksa utilisasi sumber-sumber gas sendiri bagi penjanaan kuasa khususnya mengenai associated gas di Pantai Trengganu. Kedua, Kerajaan akan mencari dan menyiasat lebih aktif tentang alternatif kemungkinan potensi hidro di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita tidak dapat mengambil bahawa kita dapat menyediakan perkhidmatan perhubungan tanpa sedikit pun cacatnya di dalam negara ini di mana setiap pemohon telefon disediakan serta merta sebuah telefon. Demikian

juga kita tidak dapat memenuhi harapan di mana kita mesti membekalkan elektrik ke seluruh pelusuk negara ini. Permintaan dan harapan orang ramai akan terus meningkat kerana ini mencerminkan pembangunan yang pesat yang telah kita capai.

Bagaimanapun dengan pertambahan per-utukan yang telah diberikan kepada jabatan-jabatan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, kita akan cuba sedaya upayanya bagi membaiki perkhidmatan-perkhidmatan dan pada penghujung Rancangan Malaysia Ketiga, saya pasti kemajuan yang nyata akan kita rasai.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Untuk penjelasan. Saya tidak berniat melibatkan Yang Berhormat Menteri dengan apa-apa yang telah dikatakan dalam akhbar, tetapi apa yang saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri ialah mendapat satu penjelasan yang agak terang, yang boleh meyakinkan kepada pelabur-pelabur yang ada dalam negara ini terhadap kenaikan harga elektrik. Daripada jawapan Menteri yang agakny belit-mebelit tadi, saya kurang pasti lagi sama ada Yang Berhormat Menteri dapat meyakinkan kepada pengguna-pengguna tenaga khususnya pengguna-pengguna elektrik, khususnya mereka yang di dalam bidang pembuatan yang membawa banyak kesan kepada perkembangan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, sama ada kos tenaga elektrik akan naik atau tidak. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri dapat meyakinkan kita, sekurang-kurangnya pada tahun ini harga itu tidak dinaikkan, tetapi nampaknya saya tidak dapat satu kepastian daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi terima kasih atas alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin. Sebagaimana yang saya telah terangkan tadi tenaga adalah semakin menjadi bahan yang mahal dan kita dapat menafikan effect ini. Bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa sedar akan peranan penting harga electricity atas kemajuan swasta di negara kita ini dan harga tariff effect kenaikan harga minyak memang tepat dari segi mengikut keseluruhan kehendak konteks pembangunan negara kita ini. Dan

saya memberi jaminan tadi bahawa Lembaga Letrik Negara tidak akan dibenarkan menaikkan tariff tanpa mendapat kelulusan dahulu dari Kerajaan dan Kerajaan di masa menimbangkan permohonan itu tentulah memberi, memeriksa dan meneliti dengan mendalamnya perkembangan itu dan effect yang akan terjadi di seluruh economic life negara kita ini. Saya faham keterangan ini cukup untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Saya berterima kasih atas penjelasan yang agak saya bukan penjelasan. Kita sedang membincangkan dalam masalah Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam pihak swasta pun kita terpaksa membuat kajian, kita juga terpaksa membuat perkiraan. Apa yang saya pohon tadi agakny senang. Saya sedar apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah bahawa Lembaga Letrik Negara tidak akan dibenarkan menaikkan harga tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu. Itu memang sudah agak saya patut, tetapi yang saya minta ini ialah bagi pihak swasta untuk membuat perangkaan mereka, forecast mereka. Kalau esok pagi Kerajaan benarkan menaikkan harga dengan serta merta, ini sudah menjadi kucar-kacir kepada pihak swasta. Kalau umpamanya Kerajaan beri notis katakan 6 bulan atau 3 bulan lagi sekurang-kurangnya, kita boleh membuat kiraan. Ini yang saya maksudkan. Nampaknya pihak Kerajaan belum lagi dapat memberi kepastian sama ada boleh atau tidak dikekalkan tariff itu sekurang-kurangnya buat sementara waktu, boleh jadi dua tiga bulan ataupun sehingga akhir tahun ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan di dalam ucapan saya bukanlah berkenaan dengan yang dikatakan itu, tidak. Saya menyatakan iaitu begini. Beberapa bulan yang lalu ataupun satu tahun yang lalu tenaga elektrik ini selalu sahaja rosak. Sekarang Timbalan Perdana Menteri menyatakan hendak ke luar negeri memanggil banyak lagi orang-orang menanam modal di negeri ini. Apabila orang hendak menanam modal untuk mendirikan kilang, tentulah berkehendakkan tenaga.

Saya tahu Empangan Temenggor dan sebagainya, tetapi yang saya dukacita, adakah diberitahu kepada Timbalan Perdana Menteri bahawa sekarang ini tenaga tidak cukup. Alangkan sekarang pun kilang-kilang tidak boleh dapat tenaga macam mana Timbalan Perdana Menteri pergi buang duit ke sana ke mari dengan membawa segala-gala orang pergi ke luar negeri untuk memanggil orang menanam modal untuk mendirikan kilang-kilang. Sekarang pun sudah disekat-sekat, harga mahal, saya tidak cakap. Tetapi yang saya cakap inilah dia. Dengan sebab itu boleh atau tidak dijamin kalau tidak ada bekalan elektrik ini dengan tenaganya daripada air, daripada coal pun boleh dibuat tenaga elektrik ini. Bolehkah atau tidak pada masa yang akan datang apabila Menteri keluar negeri supaya berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab terlebih dahulu.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut capacity yang kita ada sekarang, untuk memberi penjelasan, memanglah cukup. Tetapi capacity yang kita tahu sekarang semua janakuasa-janakuasa elektrik yang ada berjalan dengan sepenuhnya tetapi malangnya keadaan kemarau yang berlaku di Temenggor ini yang memberi kesan kepada mengurangkan effective ability yang ada, bukan capacity kita. Kalau kemarau yang begitu out of the ordinary yang berlaku sekarang, tentu kita terpaksa mendapat kesusahan seperti yang ada sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN ATURAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.02 ptg.

Datuk Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi jawapan bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan berbagai-bagai

masalah mengenai Kementerian ini, saya mohon mencadangkan iaitu:

Walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan.

KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

6.03 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran dan cadangan-cadangan menyentuh Kementerian Wilayah Persekutuan dan di sini sukacitalah saya memberikan jawapan-jawapan yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Senator S. Subramaniam telah menggesa Dewan Bandaraya mempercepatkan dan membanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah murah bagi golongan berpendapatan rendah. Perkara ini telah berkali-kali diterangkan di Dewan ini mengenai usaha-usaha yang telah, sedang dan akan diambil untuk pembinaan rumah murah.

Dewan Bandaraya telah mula membina rumah murah sejak tahun 1958 lagi dan sehingga tahun 1975 sebanyak 8,320 unit telah disiapkan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga jumlah unit yang lebih besar telah, sedang dan akan dibina iaitu semuanya berjumlah 21,660 unit. Peruntukan juga telah diluluskan pada dasarnya untuk membina

kiar-kira 30,000 unit lagi di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Usaha-usaha sentiasa diambil bagi mempercepatkan pembinaan rumah-rumah murah itu.

Yang Berhormat harus sedar bahawa pembinaan rumah-rumah murah juga mengambil masa kerana perlu dirancang dengan teliti dan disediakan kemudahan-kemudahan. Perlaksanaan projek-projek perumahan ini kerap kali menghadapi dua masalah yang besar iaitu tapak-tapak dipenuhi oleh setinggan-setinggan dan tapak-tapak dari jenis-jenis tanah bekas lombong atau tanah rendah. Setinggan-setinggan perlu dipindahkan dan tanah bekas lombong atau tanah rendah memerlukan kerja-kerja menimbus, merata dan menunggu sehingga sesuai untuk pembinaan rumah. Mengenai dasar peruntukan rumah murah, dua faktor diutamakan iaitu peruntukan kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah (\$400 sebulan) dan peruntukan kepada semua kaum bagi tujuan perpaduan antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu sebagai langkah menambah bilangan rumah murah melalui sumbangan dari swasta, Dewan Bandaraya telah mengenakan syarat dalam kelulusan pembangunan supaya pemaju-pemaju perumahan persendirian membina sebanyak sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah murah yang akan dibina itu terdiri dari rumah murah di bawah harga \$20,000 sebuah. Di antara tahun-tahun 1976 hingga 1978 terdapat 22 pemaju perumahan yang telah dikenakan syarat sedemikian oleh Dewan Bandaraya. Adalah dijangka sebanyak 16,000 buah unit rumah di bawah rancangan ini akan dibina dalam masa 5 tahun akan datang. Dengan adanya rancangan Dewan Bandaraya bagi membina sebanyak 30,000 unit rumah murah dalam Rancangan Malaysia Keempat dan oleh itu adalah dijangka sebanyak 46,000 unit rumah kesemuanya akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sebab-sebab utama kelambatan membina rumah-rumah harga murah ialah kesulitan dalam menyediakan tapak-tapak yang sesuai. Dewan Bandaraya seboleh-bolehnya memilih tanah-tanah Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan tetapi kebanyakan tanah-tanah Kerajaan yang ada

ialah bekas-bekas lombong ataupun yang telah diduduki oleh setinggan-setinggan. Lombong-lombong perlu ditimbus dan dipadatkan dan ini akan memakan masa yang lama. Demikian juga pemindahan setinggan-setinggan. Untuk mempercepatkan pemindahan setinggan-setinggan ini dan supaya kerja-kerja pembinaan rumah-rumah harga murah dapat dijalankan dengan lebih cepat Dewan Bandaraya sedang membina rumah-rumah panjang sebagai "Transit Quarters" bagi penempatan sementara setinggan-setinggan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai teguran Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub tentang pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah tidak memuaskan dan tidak mengikut pelan sebagai contoh memorandum yang disampaikan oleh penduduk-penduduk Taman Melewar Kuala Lumpur, adalah tidak benar bahawa rumah-rumah di Taman Melewar dibina tidak mengikut pelan. Sekiranya terdapat rumah-rumah yang dibina tidak mengikut pelan, Dewan Bandaraya tidak akan mengeluarkan "certificate of fitness". Kemungkinan besar memorandum yang dikemukakan oleh penghuni-penghuni Taman Melewar ialah kerana kegunaan "material" (bahan binaan) yang rendah mutu dan juga mutu kerja yang rendah oleh kontraktor-kontraktor pemaju-pemaju berkenaan. Di dalam hal ini Dewan Bandaraya tidak mempunyai kuasa bagi mengawasi kerana kerja-kerja ini tidak diawasi oleh Dewan Bandaraya di peringkat pembinaan dan diawasi sendiri oleh Akitek dan Jurutera yang dilantik oleh pemaju yang berkenaan.

Atas gesaan Yang Berhormat juga supaya Dewan Bandaraya memastikan rumah-rumah yang dibina mengikut pelan sebelum sijil kelayakan mendiami (certificate of fitness) dikeluarkan sememangnya Dewan Bandaraya mengeluarkan "certificate of fitness" kepada rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan dengan syarat rumah-rumah tersebut mematuhi pelan-pelan yang dikeluarkan dan diluluskan oleh Akitek Bandaraya di bawah Undang-undang Kecil Binaan Perbandaran 1958 dan Pindaan 1975 (Municipal Building By-law 1958 and Amendment 1975).

Tuan Yang di-Pertua, itulah keseluruhan jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di dalam bahagian Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya mohon meneruskan jawapan saya pada beberapa orang Ahli Yang Berhormat bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dalam masalah bahagian agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian untuk memberi jawapan-jawapan di atas beberapa masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini atas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang telah menyentuh sedikit sebanyak soal-soal agama Islam. Atas sifat seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertugas menjaga Hal Ehwal Bahagian Agama maka saya rasa perlu saya menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini setengah-setengah hujah yang dikemukakan khususnya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin. Dalam jawapan ini saya tidak mahu menyentuh perkara-perkara dalam Kementerian lain kerana Menteri yang berkenaan telah memberi jawapan dan hujah-hujah atas perkara-perkara yang telah disampaikan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pada petang ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah akan menggulung jawapan-jawapan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang melibatkan wang yang begitu besar sekali jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana beliau menyentuh soal agama Islam, saya rasa bertanggungjawab saya menjelaskan atas beberapa perkara yang telah disebutkan iaitu katanya Kerajaan Barisan Nasional lebih banyak mementingkan soal-soal pembangunan material daripada pembangunan rohaniyah (spiritual) yang mana Ahli Yang Berhormat itu meramalkan dan menggembarakan bahawa sikap seperti itu akan menuju kehancuran negara ini. Masalah Islam ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu masalah besar dan agama Islam adalah satu agama atau din yang meliputi keseluruhan kegiatan-kegiatan manusia sama ada yang baik ataupun yang tidak baik, semuanya ada pimpinan daripada Allah s.w.t. Beliau juga menegaskan bahawa usaha pembangunan rohani untuk memperbaiki moral rakyat tidak dijalankan oleh Kerajaan sekarang dan juga beliau telah

menuduh Kerajaan adalah tidak adil di dalam melaksanakan projek-projeknya seolah-olah dirasai Kerajaan hanya hendak membalas dendam kepada parti lawan (PAS). Jawatan-jawatan seperti Ahli-ahli Jawatankuasa Kampung dan pegawai-pegawai lain tidak diberi peluang langsung untuk disandang jawatan-jawatan itu oleh orang-orang PAS dan ini adalah satu amalan yang tidak adil.

Suka saya menjelaskan hal ini, rakyat seluruhnya dan dunia sudah mengetahui bahawa pemimpin-pemimpin PAS telah mengalami satu kekalahan yang teruk sekali dalam pilihanraya umum Negeri dan Federal yang menjelaskan kepada kita bahawa dengan sendirinya parti PAS itu tidak lagi mendapat kepercayaan dan sokongan daripada rakyat disebabkan oleh pemimpin-pemimpin mereka sendiri menyeleweng daripada dasarnya dan daripada tujuannya yang mana negeri Kelantan telah menjadi sebuah negeri yang hampir bankrap dalam Persekutuan Tanah Melayu, dan kita dapati pada masa itu ramai rakyat Negeri Kelantan telah berhijrah ke negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Jadi soalnya apa yang saya hendak katakan di sini iaitu tentang adil tidak adil. Beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sekarang tidak adil, tidak memberi peluang selain daripada orang-orang UMNO dan orang-orang BERJASA memegang jawatan Penghulu dan sebagainya. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa sebilangan besar rakyat negeri Kelantan telah tidak lagi memberi kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin itu dan makna "adil" ialah letak sesuatu kena pada tempatnya, itu makna "adil". Bukan ertinya "adil" itu memberi sesuatu kepada orang yang berkehendak, yang tidak dapat menyesuaikan dirinya kepada tempat itu, itu tidak adil namanya, itu zalim namanya—"out of the natural law". Jadi saya hendak menegaskan bahawa memang sudah adil Kerajaan yang dipimpin oleh Menteri Besar sekarang iaitu Kerajaan Barisan Nasional—BERJASA kerana mulai dari sekaranglah kita sudah lihat segala pembangunan sudah mula dijalankan.

Baru-baru ini saya berkesempatan bersama dengan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, Menteri Kewangan membuka sebuah masjid di Kecelong dalam

Jajahan Bachok di mana saya dapati pada hari itu rakyat yang keluar menyaksi perasmian masjid itu lebih kurang 8,000 orang. Ini sudah menjadi bukti bahawa rakyat sudah memberi kepercayaan penuh kepada Kerajaan dan Kerajaan sudah mula membina projek-projek pembangunan untuk kemajuan negeri Kelantan. Jadi tidak timbul masalah tidak adil, masalah balas dendam—tidak timbul, dan kedua-dua masalah ini tidak timbul. Kerajaan Negeri Kelantan sebenarnya telah menjalankan tugas-tugasnya memenuhi janji-janjinya kepada rakyat negeri Kelantan. Kita sama-sama berdoalah bahawa segala rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan itu akan dapat kejayaan dengan sokongan rakyat dan pegawai-pegawai yang bekerja keras di negeri Kelantan.

Satu lagi soal yang saya hendak jelaskan dalam Majlis ini iaitu beliau telah membayangkan bahawa Kerajaan sekarang tidak menjalankan sesuatu kerja ataupun projek-projek yang berkaitan dengan Islam. Jadi semua kerja-kerja yang telah dijalankan oleh Kerajaan itu tidak Islamic. Ertinya apa yang dijalankan oleh Kerajaan ini non-Islamic. Saya tidak tahulah apakah istilahnya; ertinya kita atau Kerajaan buat kerja itu sia-sia sajakah, tidak ada faedah di akhirat nanti.

Saya suka mengemukakan satu pertanyaan kepada Ahli Yang Berhormat itu mana satu kita hendak pakai, perkataan orang yang memperalatkan agama dalam politiknya ataupun perkataan Tuhan sendiri. Firman Tuhan: *Inna lazi na amanu wa amilusallah ula eka hum Khair-ul barriah ja za uhum indhara bihim jannah.* Ertinya, orang-orang yang beriman, orang yang percaya kepada Tuhan dan bekerja baik, melakukan kerja-kerja kebajikan merekalah Khair-ul barriah balasannya ialah jannah. Beliau mengatakan ini tidak ada faedah. Orang-orang yang beriman—orang UMNO saya maksudkan, mereka orang beriman mereka menjalankan satu kerja yang baik dan kebajikan, maka Tuhan janji balasannya ialah jannah. Tetapi orang PAS mengatakan sia-sia sahaja kerja mereka kerana tidak diasaskan perjuangan itu atas Islam, maka hasilnya zero—penat lelah sahaja, maka pendapat ini tidak betul. Harulah kita berpegang kepada perkataan Tuhan itu daripada kita memegang perkataan orang politik yang menyeleweng.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak menjelaskan kedudukan ini supaya tidak keliru perkara ini, iaitu pada masa PAS memerintah negeri Kelantan berbelas-belas tahun; apa yang dicakapkan kepada rakyat ialah hendak mendirikan agama Islam, hendak menjalankan hukum-hukum Tuhan. Ertinya, perjuangan mereka itu adalah perjuangan Islam, kata mereka kepada rakyat. Oleh sebab itulah rakyat telah memberi sokongan kepada mereka selama 18 tahun walaupun tidak ada satu projek pembangunan tetapi oleh kerana agama, rakyat menyokong, memberi kepercayaan penuh kepada pemimpin-pemimpin mereka. Dalam pemerintahan mereka selama 18 tahun hampir separuh negeri Kelantan telah digadai dan menyebabkan negeri itu papa-kedana, dan hendak membayar gaji pun tak boleh pada akhirnya. Nasib baik Kerajaan Perikatan menolong pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu pertanyaan pula saya hendak kemukakan dalam Majlis ini mana satu yang betul. Firman Tuhan: *Ya ayu alazi na amanu lima taqulu na mala tafalu' Kaburan mahtan indallahi antakulu mala tafalu.* Ertinya, wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu kempen dan bercakap-cakap barang yang kamu tidak buat. Kata siapa itu? Firman Tuhan, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian sebagai balasnya kepada orang seumpama ini Tuhan berfirman: *Kaburan maktan indallahi antakulu mala tafalu.* Ertinya, dosa yang paling besar bagi manusia yang cakap apa yang dia tidak buat.

Saya suka menegaskan dosa Kifarat yang telah Tuhan beri kepada orang yang bercakap apa yang dia tidak buat ini ialah kekalahan, dalam pilihanraya mereka mengalami kekalahan terok.

Jadi nyata, Tuan Yang di-Pertua, dua perkara ini sudah jelas bagi kita, sudah jelas kepada rakyat bahawa walau apapun yang dicakapkan oleh pemimpin PAS hari ini kita minta mereka memberi penjelasan atas ucapannya itu berdasar kepada apa? Berdasar kepada nafsu sendirikah atau berdasar kepada Al-Quran dan Hadis.

Saya tidaklah hendak mengambil masa panjang sangat, Tuan Yang di-Pertua, cuma pada akhirnya saya hendak menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sudahpun menjalankan kerja-kerjanya, kerja-kerja negara berdasar dengan semangat Al-Quran

adalah banyak. Umpamanya, soal pelajaran, soal pertanian ataupun pembangunan dalam bidang pelajaran dan pertanian, pertahanan negara, keselamatan rakyat. Ini semua fardu kifayah dalam Islam. Jadi bagaimana pemimpin-pemimpin PAS mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak menjalankan sesuatu berasas kepada Islam, non-Islamic. Umpamanya, dalam soal pelajaran, saya beri satu contoh Tuhan berfirman: Alamal insan nama lam yaklam. Ertinya, Tuhan mengajar manusia melalui Al-Quran barang yang mereka tidak tahu ertinya segala ilmu duniawi adalah bersumber dari Al-Quran.

Satu lagi Tuhan menjelaskan kepada kita bahawa rancangan Kerajaan dari segi pembangunan akademik berasas ataupun sejajar dengan semangat Al-Quran Yafaalahu lazi na amanu minkum; wa lazi na-utul 'el wandarajat. Ertinya, Tuhan mengangkatkan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang menuntut ilmu pengetahuan. Semuanya ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji dari segi Al-Quran itu sudah ada unsur-unsur Islamic di dalam segala rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan. Jadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub itu tak betullah, dia bercakap dengan nafsunya sendiri.

Saya merasa sudah cukuplah saya beri dua tiga ayat kepada Majlis ini bahawa pokoknya—conclusion, segala amalan, segala rancangan yang bersumber daripada iman semuanya adalah kepentingan roh, kepentingan akhirat; Inna lazi na amanu wa amil salihah ula eka hum khair-ul barriah ja za uhum indhara bihim jannah. Semuanya ada kaitan dengan kepentingan roh, kepentingan akhirat. Dalam kita melakukan ibadat-ibadat seperti sembahyang dan lain dalam rukun Islam, kita perlu buat juga kerja-kerja fardu kifayah walaupun tidak merupakan pada lahirnya ibadat, tetapi pada hakikatnya itu ibadat pada pandangan Islam, termasuklah dalam istilah “amal salih”, yakni kerja-kerja kebajikan. Yang jelas Tuhan menyatakan kepada kita dan kita mesti yakin bahawa apa yang Tuhan kata itu betul, benar: Inna lazi na amanu wa amil usallihah ula eka hum khair-ul barriah ja za uhum indhara bihim jannah. Jadi tidak timbul masalah non-Islamic, non-spiritual dan sebagainya seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat

Tuan Haji Mohd. Amin, mungkin barangkali dia tidak masak dalam soal ugama ini—mentah (*Ketawa*).

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan saya kepada Majlis ini supaya jangan timbul lagi masalah-masalah Islam. Islam ini hendaklah dihuraikan betul-betul, janganlah belajar dua hari sudah cuba kempen—ini tak betul caranya.

Sekianlah jawapan saya kepada ucapan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

6.29 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan yang berguna untuk Kementerian saya.

Menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock tentang pengambilan tanah untuk kemajuan negara, sukalah saya nyatakan di sini bahawa pegawai-pegawai tanah serta pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan yang menghendaki tapak-tapak projek adalah sentiasa berunding mengenai perkara pemilihan tapak. Salah satu asas dalam perkara pemilihan tapak ialah supaya tanah-tanah orang yang tidak berada tidak dipilih dengan seberapa boleh dengan tidak pula menjejaskan kehendak sesuatu projek itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyeru supaya orang-orang Melayu jangan menjual tanahnya kepada orang bukan Melayu. Pihak Kementerian seterusnya mengesyorkan supaya agensi-agensi kewangan Kerajaan seperti Bank Pertanian dan agensi-agensi pembangunan Kerajaan seperti UDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mengambil alih atau membeli tanah-tanah yang hendak dijual itu dan kemudian memajukannya ataupun menjualkannya kepada orang-orang Melayu lain.

Mengenai adanya agensi luar negeri yang membiayai wang kepada golongan tertentu untuk membeli tanah Melayu di bandar dan di luar bandar, suka saya menyatakan di sini bahawa Kementerian sedang mencari maklumat mengenai agensi seperti yang dikatakan itu. Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang pembukaan tanah bagi rancangan FELCRA untuk belia. Suka saya nyatakan di sini seluas 10,000 ekar tanah yang telah dibuka di mana para belia telah dimasukkan ke dalam rancangan tersebut. Sehingga hari ini FELCRA telah dimasukkan ke dalam rancangan tersebut. Sehingga hari ini FELCRA telah memajukan seluas 15,000 ekar di seluruh Semenanjung Malaysia tetapi para belia belum lagi dimasukkan ke dalam rancangan tersebut.

Bagi Rancangan Malaysia Keempat, FELCRA telah merancang pembukaan tanah seluas lebih kurang 22,000 ekar untuk para belia. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk membuka lebih banyak lagi tanah-tanah untuk dijadikan rancangan belia bagi memenuhi matlamat yang ditetapkan kepada FELCRA sebanyak 20,000 ekar bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Yang Berhormat telah menyeru supaya Kerajaan banyak membuka tanah di rancangan FELCRA untuk para belia. Suka saya menyatakan di sini bagi negeri Pahang FELCRA sedang membangunkan lebih kurang 5,000 ekar di daerah Pekan untuk rancangan tanah belia. Buat masa ini FELCRA sedang berusaha untuk mendapatkan dan memajukan tanah jika ada yang sesuai setelah kajian teliti dijalankan.

Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang kelewatan memasukkan peserta-peserta ke rancangan FELDA. Sukalah dimaklumkan bahawa kemasukan peserta-peserta ke rancangan FELDA adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Tinggian markah yang diperolehi dalam temuduga.
- (ii) Terdapat kekosongan di rancangan.
- (iii) Mesti mendapat persetujuan Kerajaan Negeri.

Oleh itu pemilihan-pemilihan tersebut mestilah mengikut ketutamaan supaya penempatan itu akan sempurna dan adil.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein, Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah dan juga Yang Berhormat Senator Haji Fadzil bin Ahmad telah membuat teguran tentang masalah Tanah Rizab Melayu. Saya sedar tentang masalah ini dan suka saya memaklumkan bahawa Enakmen-enakmen Tanah Simpanan Melayu yang diwujudkan di zaman penjajah dahulu masih lagi digunakan hingga sekarang. Undang-undang tersebut menyekat dengan ketatnya penjualan ataupun pembelian Tanah-tanah Simpanan Melayu oleh orang-orang bukan Melayu. Jika berlaku perkara ini ianya tidak boleh didaftarkan di bawah Undang-undang Tanah dengan itu dianggap tidak sah.

Di samping itu Enakmen-enakmen Tanah Simpanan Melayu ini juga mempunyai peruntukan membolehkan Kerajaan Negeri memberi milik ataupun mengeluarkan (dispose) tanah Kerajaan (State land) di dalam Kawasan Simpanan Melayu kepada "any corporate body" ataupun kepada mana-mana pihak yang diluluskan dan diiktirafkan sebagai Melayu antara lain seperti FELDA dan FELCRA. Ini membolehkan tanah-tanah di dalam Kawasan Simpanan Melayu itu dimajukan sepenuhnya oleh agensi-agensi Kerajaan itu demi untuk kemajuan negara pada amnya.

Kementerian sekarang ini mempunyai bahagian untuk menerima laporan-laporan tertentu mengenai sebarang masalah yang berkaitan dengan tanah milik Melayu untuk dikaji dan diambil tindakan. Pihak Kementerian juga sedang mengkaji untuk memastikan kemungkinan-kemungkinan untuk bertindak atas pandangan-pandangan lain yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

6.35 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa perbincangan ke atas Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga berlangsung di Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Kementerian saya telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Menyentuh gesaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock, Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim dan Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh supaya Kerajaan menghadkan pengeksporan kayu balak daripada negara ini memandangkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di negara ini untuk mendapatkan bekalan kayu untuk membuat rumah dan sebagainya, sukalah saya menyatakan di sini bahawa jumlah kayu balak yang dieksport daripada Semenanjung Malaysia dalam beberapa tahun yang lampau ini adalah kecil. Ini adalah disebabkan oleh sistem kuota yang sedang dikuatkuasakan.

Pada tahun 1978 Kerajaan telah menetapkan kuota kayu balak yang boleh dieksport kepada 3% daripada jumlah pengeluaran dan bagi tahun 1979 kuota ini telah dikurangkan kepada 2% sahaja. Di samping itu Kerajaan telah mengharamkan 16 jenis kayu balak yang popular daripada dieksport.

Menyentuh kesulitan yang dihadapi oleh orang-orang yang membuat rumah di Kelantan dan di Trengganu seperti yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh, masalah tersebut adalah berkaitan dengan kayu gergaji khususnya kayu gergaji tanpa bergred daripada jenis balau merah dan cengal yang dieksportkan di negeri Thai daripada kedua-dua negeri berkenaan. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan sejak 15hb Mac yang lalu telah mengharamkan sama sekali pengeksporan kayu gergaji tanpa bergred daripada Semenanjung Malaysia bagi kedua-dua jenis kayu ini dan juga yang bergred kecuai yang bermutu tinggi dan ke atas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jenis-jenis kayu ini sudahpun termasuk dalam 16 jenis yang diharamkan untuk dieksport dalam bentuk kayu balak seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah mahukan supaya Kerajaan mengharamkan sama sekali pengeksporan kayu balak daripada Semenanjung Malaysia. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kedudukan kayu balak dalam negara dari masa ke semasa dan jika didapati perlu Kerajaan akan menambah lagi jenis-jenis kayu balak yang dilarang untuk dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan yang membina ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian saya. Sekiranya saya tidak dapat menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan itu, Kementerian saya akan mengambil ingatan mengenai perkara tersebut.

6.38 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi pandangan dan teguran terhadap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam masa perbahasan yang telah berlangsung beberapa hari yang lepas. Saya tidak bercadang hendak menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan satu persatu, tetapi saya akan hanya menyentuh perkara-perkara penting dan yang perlu dijelaskan. Lain-lain teguran dan cadangan akan diambil perhatian dan di mana sesuai akan dilaksanakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob supaya Kerajaan menggalakkan penempatan industri-industri di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Kelantan, Trengganu dan Perlis, sukalah saya menjelaskan iaitu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelerakkan perusahaan-perusahaan perindustrian ke kawasan-kawasan yang kurang maju. Kerajaan telah memberi beberapa galakan untuk menarik minat pengusaha-pengusaha untuk mendirikan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan yang kurang maju. Di antara galakan-galakan yang ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha ialah Galakan Tempat Kedudukan di mana kelepasan cukai maksima selama 10 tahun diberi kepada projek-projek yang layak yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan Galakan Tempat Kedudukan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968. Selain daripada galakan di atas, kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti estet-estet perindustrian, bekalan elektrik dan air juga telah disediakan di kawasan-kawasan kurang maju di seluruh negara untuk memajukan perindustrian di kawasan-kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Semenjak permulaan Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu dari tahun 1976 hingga penghujung tahun 1978, 730 projek atau 58.3% daripada 1,253 projek-projek yang telah diluluskan telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Dari segi pekerjaan, projek-projek tersebut akan membuka peluang pekerjaan kepada 65,135 orang atau 65.9% daripada pekerjaan-pekerjaan yang akan diwujudkan di dalam semua projek-projek yang telah diluluskan pada tempoh masa yang sama. Projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju akan melabur modal berjumlah \$2,208 juta atau 68.5% daripada \$3,225.7 juta yang akan dilaburkan di dalam semua projek-projek yang telah diluluskan. Dari jumlah projek yang akan didirikan di kawasan-kawasan yang kurang maju 334 projek akan didirikan di negeri-negeri Pahang, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis, Sabah dan Sarawak.

Mengenai ulasan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad yang meminta Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengawasi pengaliran nenas dari Johor ke luar negeri, suka saya menerangkan iaitu sejak 1hb Mac, 1979, Perintah Larangan Eksport Nenas telah diwartakan dan dikuatkuasakan bertujuan untuk menyekat nenas daripada dieksport.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga supaya mengekalkan milik saham oleh Bumiputra, suka saya memaklumkan iaitu Kementerian saya adalah mengambil langkah-langkah tertentu supaya ini dicapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat pekilang dikenakan syarat di mana saham yang dikehaskan dan dimiliki oleh Bumiputra tidak boleh ditukar milik kecuali dengan persetujuan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Selain daripada itu, Kementerian saya juga mendapat laporan-laporan kemajuan dari masa ke semasa dari pekilang-penkilang berkenaan dan perkara berkaitan dengan pemilikan saham oleh Bumiputra adalah satu dari perkara yang diberi perhatian.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak dan Yang Berhormat

Senator Datuk Mohd. Tahir bin Majid supaya pihak Kerajaan mengambil langkah untuk membaiki dan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti kuasa elektrik, air dan lain-lain lagi, suka saya menerangkan iaitu perkara ini adalah menjadi matlamat Kerajaan. Oleh yang demikian perancangan yang teliti dengan semua pihak yang berkenaan adalah dibuat untuk menentukan matlamat tersebut dicapai apabila sesebuah kawasan perindustrian dibina.

Selain daripada itu, di dalam usaha untuk menarik pelabur-pelabur untuk melabur di negara ini, para pelabur tidak sekali-kali didorong untuk menempatkan projeknya di kawasan-kawasan di mana tidak terdapat kemudahan-kemudahan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Malahan para pelabur akan diberi maklumat-maklumat yang cukup mengenai kemudahan-kemudahan yang sedia ada di sesuatu kawasan perindustrian. Ini dapat dilakukan oleh kerana pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) membuat kajian tahunan mengenai kedudukan kemudahan-kemudahan infrastruktur di tiap-tiap kawasan perindustrian di negara ini.

Mengenai kekurangan bahan-bahan binaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub, suka saya menjelaskan iaitu buat masa ini memang terdapat kekurangan bahan-bahan tersebut terutama sekali besi keluli. Kementerian saya sedar mengenai masalah ini dan beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Langkah-langkah ini termasuklah memberi kebenaran kepada pengguna-pengguna besi untuk mengimpot besi dari luar negeri. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengambil langkah mengimpot besi keluli untuk mengedarkan itu mengikut saluran-saluran tertentu khususnya bagi menampung permintaan projek-projek Kerajaan.

Mengenai simen pula, keupayaan pengeluaran kilang-kilang simen tempatan adalah mencukupi untuk menampung keperluan dalam negeri. Walau bagaimanapun, saya sedar terhadap kekurangan bekalan simen terutamanya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, disebabkan masalah pengangkutan. Untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian saya telah

meminta kerjasama Kementerian Pengangkutan supaya dapat barang-barang tersebut dibekalkan melalui keretapi ke negeri Kelantan. Tadi rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan juga telah menjelaskan langkah-langkah yang telah diambil. Selain daripada itu, Kementerian saya telah juga mengarahkan syarikat-syarikat simen supaya memberi bekalan yang cukup kepada pengedar mereka dan seterusnya kepada pemborong-pemborong yang memerlukan pada setiap masa.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan dan teguran terhadap Kementerian saya.

6.45 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab di atas beberapa perkara yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri mengenai Perbahasan Atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Saya mengucapkan terima kasih atas komen-komen atau pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Tahir Majid membangkitkan tentang pendapat mereka mengenai setengah-setengah pegawai Kerajaan yang berlagak sombong dan menyeleweng semasa menjalankan tugas-tugas.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa menggalakkan pegawai-pegawainya bekerja dengan jujur dan penuh dedikasi. Sebilangan besar dari pegawai-pegawai Kerajaan bertugas dengan cemerlang dan memuaskan. Jika sekiranya terdapat pegawai-pegawai seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan boleh mengambil tindakan terhadap mereka jika sekiranya terdapat bukti dan laporan-laporan yang tepat atas tuduhan-tuduhan itu. Teguran-teguran dan laporan-laporan yang diterima secara bertulis daripada orang ramai mengenai tuduhan-tuduhan itu akan disiasat dan jika didapati benar, tindakan tatatertib akan diambil oleh pihak yang berkenaan.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mempunyai bukti-bukti tuduhan-tuduhan Yang Berhormat nyatakan itu, bolehlah mengemukakan kepada ketua-ketua Jabatan yang berkenaan atau dihantar terus kepada Pengarah Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Mohamad menyeru supaya mahkamah-mahkamah seksyen dan mejisteret menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia di dalam perbicaraan.

Jabatan Kehakiman sentiasa menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam perbicaraan kes-kes, terutama yang mudah-mudah, di Mahkamah-mahkamah Rendah. Pada masa ini pun mahkamah-mahkamah tersebut kerap kali menggunakan Bahasa Malaysia terutama sekali jika semua pihak yang terlibat itu terdiri daripada orang-orang yang fasih berbahasa Malaysia. Tetapi untuk menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya terdapat beberapa masalah. Pertama, pihak mahkamah tidak boleh memaksa saksi-saksi memberi keterangan di dalam Bahasa Malaysia, malah seorang itu berhak memberi keterangan di dalam apa bahasa yang dikehendaki. Selain daripada itu terdapat masalah-masalah teknikal yang amat sukar diatasi buat masa ini. Antaranya buku-buku rujukan dan laporan kes-kes yang dibicarakan sebelumnya adalah dalam bahasa Inggeris dan bukan sahaja datangnya dari Malaysia malah dari semua negara yang mengamalkan Common Law.

Adalah amat sukar untuk memetik rujukan-rujukan di dalam Bahasa Inggeris dan menghujahkannya di dalam Bahasa Malaysia atau menterjemah kesemuanya ke dalam Bahasa Malaysia. Selain daripada kerumitan tentang maksud sesuatu istilah yang mempunyai makna yang tertentu untuk berbuat demikian akan melambatkan lagi perbicaraan.

Semua faktor ini menimbulkan kerumitan-kerumitan untuk menjalankan semua perbicaraan di dalam Bahasa Malaysia tetapi sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, matlamat yang paling penting bagi sesuatu perbicaraan ialah untuk mencapai keadilan. Maka kita tidak boleh terburu-buru membuat sesuatu keputusan yang mungkin menjejaskan matlamat tersebut.

Walau bagaimanapun kita sentiasa berusaha untuk melaksanakan penggunaan-penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di Mahkamah-mahkamah.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Latip bin Haji Idris membangkitkan tentang peruntukan tambahan untuk pembangunan Negeri Sarawak supaya projek-projek pembangunan itu mendapat pembiayaan yang cukup.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga telahpun meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$867.64 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Peruntukan asal ialah sebanyak \$1,657.02 juta dan dengan tambahan ini Kerajaan Negeri Sarawak akan mempunyai peruntukan sebanyak \$2,524.66 juta. Saya percaya dengan peruntukan sebanyak itu Kerajaan Negeri Sarawak akan lebih maju lagi di dalam pembangunannya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan telahpun menambahkan peruntukan tambahan yang besar kepada semua negeri-negeri dalam Malaysia ini mengikut Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menghargai pandangan yang membina dan apa-apa perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak saya sentuh dalam jawapan saya ini akan diambil perhatian sewajarnya.

6.52 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, dalam tiga hari ini Dewan ini telah memperdebat laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan banyaklah syor-syor yang membina telah dikemukakan. Kerajaan akan mengambil perhatian tentang syor-syor yang membina ini dan mana-mana yang difikirkan sesuai dan berfaedah, akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tetapi ada juga yang telah memberi ulasan-ulasan yang negatif sama ada di dalam atau di luar Parlimen dan nampaknya sengaja membutuhkan mata terhadap kejayaan dan kemajuan yang telah tercapai dalam masa tiga tahun yang baru lepas ini.

Saya tidak berhajat hendak menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan, tetapi saya suka mengambil peluang hari ini menarik perhatian umum kepada beberapa isu yang pokok mengenai Dasar Ekonomi Baru dan masa depan kita semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi keterangan yang panjang lebar tentang kemajuan yang telah tercapai dalam masa tiga tahun ini, dan juga bagaimana caranya kita hendak mencapai matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, dalam masa dua tahun berikut ini.

Saya tidak berhajat hendak mengulangi keterangan-keterangan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu. Tetapi saya akan cuba menerangkan mengapa Dasar Ekonomi Baru kita mesti dijayakan sehingga tercapai matlamat-matlamat yang telah dibentangkan dalam perspektif jangka panjang yang berakhir pada tahun 1990. Harus juga ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat memikirkan ini suatu perkara yang sudah menjadi pengetahuan umum dan tak perlu diingatkan lagi.

Akan tetapi saya merasa perkara ini, iaitu sebab-sebab tergubalnya Dasar Ekonomi Baru kita, kerap dilupakan orang. Oleh itu ia perlu diperingatkan kepada umum dari masa ke masa, supaya segenap lapisan rakyat faham dan melibatkan diri dengan penuh pengertian dan kesedaran di dalam usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perdebatan yang telah berjalan selama tiga minggu di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini yang berkisar pada soal pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, khususnya Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, telah menimbulkan beberapa isu yang pokok.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang mengatakan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru hanya akan menguntungkan segelintir bilangan rakyat dan tidak akan membawa kepada perpaduan negara, bahkan mungkin akan menggalakkan polarisasi dan prasangka antara kaum di negara ini.

Saya suka menegaskan di sini bahawa kritik yang negatif seperti ini adalah tidak berdasarkan kepada fakta-fakta yang terang yang dapat dilihat di mana-mana kawasan Malaysia dalam mana program-program pembangunan telah dan sedang dijalankan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu dapat melihat bagaimana usaha-usaha Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek di kawasan yang mundur iaitu di kawasan luar-bandar dan wilayah yang kurang maju telah memberi faedah yang begitu banyak kepada rakyat sekalian.

Cara hidup rakyat mulai bermutu. Gaya hidup rakyat mulai bertukar. Dan sikap hidup rakyat pun mulai berubah.

Ini bermakna kualiti hidup rakyat sudah bertambah baik, sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan.

Pendek kata, rakyat telah mula meninggalkan dunia tradisinya dan melangkah ke alam moden. Di luar bandar misalnya, pola (pattern) pertanian telah mula berubah. Tenaga mesin beransur-ansur menggantikan tenaga manusia dan haiwan.

Kalau dulu, lembu dan kerbau digunakan membajak di sawah dan di ladang, maka sekarang mesin trektor menjalankan tugas.

Di setengah tempat kabarnya, kerbau lembu sudah menjadi barangan kekurangan atau scarce commodity—sebagaimana juga mesin trektor tak berapa lama dahulu menjadi barangan kekurangan di luar bandar—sehingga hendak buat kerja kahwin pun tak ada kerbau atau lembu tempatan hendak disembelih. Pak tani tak perlukan kerbau dan lembu lagi membajak tanahnya.

Mesin trektor dan alat-alat pertanian moden, boleh mengerjakan tugas dengan lebih pantas, dan meliputi kawasan yang lebih luas, dan ini semuanya membolehkan kaum tani kita melipatgandakan daya pengeluaran mereka serta meninggikan pendapatan mereka.

Dengan pendapatan yang meningkat ini, keadaan dan kualiti hidup mereka bertambah baik.

Rumah mereka sekarang ada elektrik, ada peti talivisyen, ada radio, ada perabot yang indah-indah dan mahal-mahal. Setengahnya peti ais pun ada. Motosikal dan skuter semakin banyak nampaknya di kampung, menggantikan basikal. Mana yang tak pandai menunggang motosikal ini, ada bas membawa mereka dari kampung ke kampung, dan dari kampung ke bandar. Jadi jumlah penduduk luar bandar yang berjalan kaki untuk pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain kian berkurangan sekarang.

Anak-anak mereka sekarang bertambah banyak yang belajar di universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri.

Ini adalah suatu fenomena yang menunjukkan bahawa revolusi sosial yang dibawakan oleh Dasar Ekonomi Baru kita itu sedang menjalar ke serata pelosok tanahair kita, menyentuh kehidupan dan penghidupan segenap lapisan rakyat di luar dan di dalam bandar.

Jadi adakah adil jika Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru memberi faedah kepada segelintir orang-orang Melayu saja dan tidak merata kepada rakyat?

Pada fikiran saya kritik ini adalah membelakangkan keadaan yang sebenar dan patutlah dianggap sebagai motif yang semata-mata untuk faedah politik mereka yang sempit dan tidak ikhlas.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek-projek dan program-program Dasar Ekonomi Baru yang sedang dilaksanakan ialah untuk menseimbangkan keadaan yang tidak seimbang, iaitu mengutamakan pertolongan dan bantuan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Seluruh peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, termasuk tambahan-tambahan yang diperuntukkan di bawah Kajian Separuh Penggal bagi rancangan-rancangan membasmi kemiskinan adalah semata-mata untuk menentukan supaya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk faedah seluruh rakyat dan negara. Tidaklah payah saya bercakap banyak dalam hal ini oleh

kerana butir-butirnya telahpun diterangkan dengan panjang lebar dalam Buku ataupun Laporan tersebut.

Ada juga kritik-kritik dari pihak-pihak lain yang mengatakan bahawa dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan menyusun semula masyarakat, Kerajaan telah memberi peluang kepada golongan-golongan elite ataupun yang terpilih untuk membolot segala faedah-faedah yang terbit dari rancangan dan projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan. Hal yang semacam ini, kata mereka, hanya menguntungkan hanya segelintir manusia Melayu atau bumiputra golongan kapitalis dan tidak akan membolehkan kita mencapai matlamat perpaduan negara, oleh kerana rakyat yang berpendapatan rendah tinggalah berpendapatan rendah dan tidak dapat nikmat daripada rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kritikan-kritikan seperti ini adalah palsu sama sekali. Bukan saja sama sekali palsu, tetapi terbitnya dari anggapan dan cara berfikir yang salah, yang kurang faham tentang sistem ekonomi yang ujud di Malaysia ini, dan kurang faham tentang tujuan-tujuan utama Dasar Ekonomi Baru kita.

Sistem ekonomi yang kita anuti di Malaysia ini, ialah sistem ekonomi bebas atau sistem free enterprise, dan Dasar Ekonomi Baru kita ini adalah dilaksanakan di dalam rangkai-bidang sistem ekonomi bebas.

Yang diutamakan oleh Kerajaan, dalam usahanya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita ini, ialah menyelamatkan sebilangan terbesar dari rakyat negara ini daripada bencana kemiskinan, tidak kira dari apa kaum sekalipun, dan juga membolehkan masyarakat Melayu dan bumiputra lain mengambil bahagian yang aktif di dalam kehidupan dan perkembangan ekonomi negara.

Dengan lain-lain perkataan, yang diutamakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah mengurangkan paras kemiskinan rakyat, terutama yang di luar bandar, daripada paras yang tinggi 50 peratus dalam tahun 1970, kepada paras kira-kira 20 peratus menjelang tahun 1990; dan membolehkan masyarakat Melayu serta bumiputra lain mempunyai

serta mengendalikan sekurang-kurangnya 30 peratus dari kekayaan dan kegiatan ekonomi negara ini menjelang tahun 1990.

Elok juga saya terangkan di sini apakah yang dikatakan golongan miskin itu. Golongan miskin ialah golongan rakyat yang pendapatannya tidak membolehkan mereka menampung hidup keluarga mereka dengan makanan yang berkhasiat dan dengan keperluan-keperluan utama manusia yang sehabis minima, seperti pakaian, rumah, pelajaran dan kemudahan-kemudahan yang lain, yang dikira membolehkan seseorang itu hidup dalam sihat walafiat supaya dia terus dapat bekerja mencari nafkah menampung hidup bermaruah bagi keluarganya.

Masalah kemiskinan memang sensitif di dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, di mana kemiskinan menandakan keturunan. Misalnya, Melayu merupakan 74 peratus dari jumlah golongan miskin di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1970.

Di antara keturunan-keturunan terutama, 65 peratus dari orang Melayu adalah dari golongan miskin, berbanding dengan orang Cina 26 peratus dan orang India, 39 peratus.

Kebanyakan dari golongan miskin Melayu tinggal di luar bandar. Tetapi kebanyakan Cina yang miskin tinggalnya di kampung-kampung baru, dan miskin India kebanyakannya tinggal di ladang-ladang pertanian.

Usaha-usaha kerajaan sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru telah berjaya memperbaiki keadaan kemiskinan di negara ini. Dalam tahun 1970, kira-kira 49.3 peratus daripada penduduk di negara ini, atau seramai 800,000 keluarga, dianggarkan berada dalam keadaan kemiskinan. Keadaan ini telah bertambah baik dalam tahun 1975, apabila peratusan ini turun kepada 43.9 peratus dan pada tahun 1978, adalah dianggarkan bahawa peratusan keluarga yang miskin telah turun kepada 36.6 peratus.

Kerajaan Barisan Nasional yakin bahawa bilangan keluarga yang miskin ini, yang kebanyakannya tinggal di luar bandar, akan dapat dikurangkan kepada kira-kira 20 peratus menjelang tahun 1990, sebagaimana yang dimatlamatkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal penyertaan masyarakat Melayu dan Bumiputra lain dalam kegiatan ekonomi moden negara, kalau kita tinjau dari segi hakmilik dan penguasaan sektor syarikat, maka penyertaan bumiputra telah meningkat dari 9.4 peratus dalam tahun 1975 kepada 10.3 peratus dalam tahun 1978. Ini berbanding dengan hanya 4.3 peratus dalam tahun 1971 di awal pelancaran Dasar Ekonomi Baru.

Saya hendak menegaskan di sini bahawa matlamat 30 peratus penyertaan bumiputra itu tidak semestinya tercapai hari ini juga, atau esok, ataupun di akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Matlamat yang 30 peratus itu ialah matlamat jangka panjang yang merentang masa hingga ke tahun 1990. Kita sentiasa menyemak dasar-dasar pelaksanaan. Kita sentiasa menyesuaikan strategi pelaksanaan. Kita sentiasa memperbaiki program-program pembangunan.

Jadi janganlah hendaknya ada orang yang cuba mengabui mata rakyat mengatakan matlamat 30 peratus itu tidak mungkin tercapai ataupun usaha Kerajaan telah gagal mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, khususnya bagi kepentingan bumiputra.

Kita ada dua lagi Rancangan Lima Tahun sebelum sampai ke tahun 1990. Dari prestasi ekonomi kita yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional yakin, matlamat 30 peratus ini akan tercapai menjelang 1990, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang tidak sedar—barangkali kerana jarang disebut-sebut ataupun diserantakan di bidang-bidang mass media—bahawa adalah menjadi salah satu dasar utama Kerajaan Barisan Nasional untuk membolehkan golongan rakyat yang berpendapatan rendah, menyiapkan diri untuk merebut segala peluang-peluang kegiatan ekonomi moden yang dibukakan oleh Dasar Ekonomi Baru, supaya mereka dapat meningkatkan daya usahawan mereka, kebolehan perniagaan dan perusahaan mereka, ke paras “take-off point” dalam bahasa Inggeris dalam peringkat pertumbuhan ekonomi bumiputra.

Ini adalah dipandang sebagai suatu keperluan sejarah atau “historical necessity” di dalam rancangan persejajaran perkembangan ekonomi bumiputra yang mesti menjalani pertumbuhan berperingkat-peringkat.

Take-off point ini harus tercapai dalam masa jangka-panjang Dasar Ekonomi, dan harus tidak. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan dan dayausaha dan inisiatif masyarakat bumiputra sendiri. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional melalui Dasar Ekonomi Baru kita, akan berikhtiar sedaya upaya mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi bumiputra ini ke arah take-off point dan selepasnya.

Dan kalau, dalam proses melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini, ada orang yang menjadi jutawan misalnya, baguslah. Itu tuah titik peluh kegigihan usahanya. Tetapi ini bukanlah suatu hal yang diutamakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Perkembangan yang semacam ini hanyalah dipandang sebagai perkara kebetulan atau incidental. Kita tidak pilih kasih oleh kerana peluang terbuka kepada semua. Ekonomi kita ekonomi bebas.

Yang diutamakan oleh Kerajaan bukanlah menerbitkan golongan jutawan. Tidak ada dalam mana-mana rancangan dan program pembangunan ekonomi negara, melalui Dasar Ekonomi Baru, yang mengatakan Kerajaan hendak mengeluarkan sekian banyak jutawan Melayu pada sekian-sekian masa. Kalau ada orang yang berfikir atau menyangka demikian, itu adalah anggapan yang salah.

Yang diutamakan oleh Kerajaan ialah menyediakan kemudahan-kemudahan dan kesempatan-kesempatan bagi kaum bumiputra memasuki sektor ekonomi moden, seperingkat demi seperingkat, sehingga mereka mencapai peringkat take-off point. Bila sampai ke peringkat ini, mereka mungkin tidak perlu lagi mendapat bantuan istimewa daripada Kerajaan. Mereka ketika itu andainya sudah matang berniaga, sudah upaya menghadapi segala masalah-masalah ekonomi, pasaran moden yang maha kompetitif, bertanding dengan kaum-kaum yang lain atas prinsip sama setaraf. Ini mustahak dalam perhitungan Kerajaan, oleh kerana dua sebab. Satu, selagi bumiputra belum mencapai take-off point ini, selama itulah Kerajaan terpaksa meneruskan bantuan ini, dan ini akan melibatkan Kerajaan berbelanja besar, yang sudah tentu tidak bertanggung oleh Kerajaan selama-lamanya.

Sebab yang kedua ialah, dasar meneruskan bantuan ini akan bercanggah dengan sistem ekonomi bebas kita, kalau diteruskan juga, padahal kaum bumiputra sudah mencapai take-off point dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi mereka. Lagi pun, orang yang sudah berjaya, mungkin tidak perlu bantuan istimewa lagi.

Di dalam sistem ekonomi bebas ini, seperti di Amerika Syarikat misalnya, tidak ada batasan bagi sesiapa yang hendak kaya; tidak ada batasan bagi sesiapa pun yang hendak memajukan dirinya dalam sebarang lapangan hidup, dari menjadi pengerusi sebuah syarikat hinggalah menjadi seorang presiden negara, misalnya.

Yang mustahak baginya ialah, keazaman yang kuat hendak mencapai kejayaan, ilmu yang mesti dicarinya untuk menyediakan diri bagi mencapai kejayaan, dan ketabahan serta kecekalan berusaha sehingga cita-cita tercapai.

Jadi, kalau segelintir manusia bumiputra berjaya jadi jutawan, kerana pandai merebut dan menggunakan peluang yang dibukakan oleh Dasar Ekonomi Baru, syabaslah kepada mereka. Tetapi yang diutamakan oleh Kerajaan ialah meninggikan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah ke peringkat yang lebih mewah dan secara merata dirasakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak membicarakan issue polarisasi perkauman.

Pertama sekali, isu polarisasi tidak timbul dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Bahkan, Dasar Ekonomi Baru sebenarnya hendak menghapuskan bibit-bibit polarisasi perkauman, dengan jalan memerangi kemiskinan yang tidak mengira kaum, dan dengan jalan menyusun semula pola (pattern) masyarakat majmuk yang telah dibentuk oleh penjajah, di berbagai lapangan kehidupan rakyat. Tetapi pihak Pembangkang nampaknya sengaja menyalah tafsirkan dasar ini untuk menimbulkan bibit-bibit polarisasi perkauman.

Dengan kedua-dua tiang falsafah dan strategi sosio-ekonomi inilah Dasar Ekonomi Baru telah direncanakan untuk mencapai perpaduan nasional yang sejati.

Sungguhpun Dasar Ekonomi Baru telah berjaya menukar haluan perkembangan ekonomi negara. Sungguhpun kita telah berjaya, beransur-ansur menukar corak dan susunan ekonomi negara. Sungguhpun kita telah berjaya, beransur-ansur menyusun semula masyarakat Malaysia yang majmuk. Sungguhpun kita telah berjaya, beransur-ansur memperluas nikmat kekayaan negara kepada rakyat, yang dulunya tidak berada. Akan tetapi segala kemajuan ini bukan untuk kepentingan dan keuntungan kaum bumiputra semata-mata.

Di dalam segala kemajuan dan kejayaan yang telah tercapai ini, kaum-kaum yang bukan bumiputra pun sama menikmati hasilnya.

Kalau Kerajaan membuka tanah-tanah baru, melalui FELDA misalnya, kontraktor-kontraktor, agen-agen, pembekal-pembekal dan pekerja-pekerja bukan bumiputra juga mengambil faedah darinya.

Kalau JKR membuka jalan-jalan baru, kontraktor-kontraktor, agen-agen, pembekal-pembekal dan pekerja-pekerja bukan bumiputra juga mengambil faedah darinya.

Kalau UDA mengadakan usaha-usaha, peniaga-peniaga, pelabur-pelabur dan pekerja-pekerja bukan bumiputra juga menikmati faedahnya. Senarainya panjang dan lebar, kalau saya hendak sebutkan segala lapangan, segala peluang-peluang yang berkait dengan pembangunan ekonomi negara dan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, dalam mana kaum-kaum bukan bumiputra ada sama mengambil bahagian, dan sama-sama menikmati faedahnya dengan kaum bumiputra, sungguhpun lapangan-lapangan dan peluang-peluang ini, pada zahirnya, mengutamakan faedah dan kepentingan bumiputra.

Tetapi memadailah, saya kira, contoh-contoh tadi sebagai bukti bahawa dalam proses memperbaiki keadaan ekonomi bumiputra, maka kepentingan-kepentingan kaum-kaum bukan bumiputra tidak terjejas, bahkan sama terpelihara dan dimajukan.

Nyatalah ini suatu bukti bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak membawa kepada polarisasi perkauman, tetapi merapatkan lagi jurang perbezaan ekonomi antara kaum, dan

mempertegas lagi unsur-unsur integrasi dan perpaduan nasional, justru bertambah kerap pendedahan sosial antara kaum melalui kontek-kontek perniagaan dan perusahaan, yang di zaman kolonial dahulu masing-masing kaum dikurung di dalam dunia perkauman tersendiri masing-masing dan di dalam lapangan-lapangan penghidupan masing-masing yang sudah diatur dan ditentukan oleh kuasa kolonial.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan adanya perselisihan sikap dan nilai dalam perniagaan. Akan tetapi perselisihan ini sebenarnya bukanlah antara kaum. Perselisihan ini adalah perselisihan biasa antara golongan peniaga semata-mata dan tidak boleh disifatkan sebagai perselisihan perkauman.

Hakikat dan kenyataan ini perlu disedari dan jangan diputarbelitkan untuk menjadi unsur sentimen politik, kerana akibatnya mengacau ketenteraman masyarakat dan merenggangkan lagi kurang integrasi antara kaum, dan melambatkan lagi proses mencapai perpaduan nasional.

Perpaduan nasional tidak semestinya berhasil dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru semata-mata. Banyak lagi faktor-faktor dan jalan-jalan yang lain yang mesti serentak digerakkan, seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rukunegara, Majlis Muhibbah, Bahasa Kebangsaan, dan lain-lain lagi untuk mencapai perpaduan nasional sejati yang kukuh dan utuh.

Akan tetapi Dasar Ekonomi Baru adalah alat yang paling dinamis ke arah mencapai matlamat perpaduan nasional ini.

Di bidang pelajaran, semakin ramai kaum bumiputra berpelajaran tinggi, semakin cepat kaum bumiputra dapat mengisi bidang-bidang pengajian di mana mereka didapati lebih lemah selama ini, maka bertambah cepatlah jurang perbezaan peluang-peluang pelajaran antara kaum dapat diseimbangkan. Ini akan membawa persamaan di dalam bidang peluang mencari pekerjaan, yang tak dapat tiada akan mengurangkan rasa tak puashati di kalangan bumiputra dalam cita-cita mereka hendak mengambil bahagian yang aktif di dalam sektor ekonomi moden.

Tuan Yang di-Pertua, dunia sekarang sudah sepakat, pada prinsipnya, bahawa untuk mencapai perseimbangan yang lebih baik dan berfaedah bagi negara-negara yang sudah maju dan yang belum maju dalam soal menggunakan sumber-sumber dan kekayaan dunia, maka suatu order baru ekonomi antarabangsa hendaklah ditubuhkan. Hanya mereka berlainan pendapat tentang pendekatan (approach) tentang cara menubuhkan order baru ini.

Malaysia bolehlah dipandang sebagai suatu contoh bagi dunia hendak menyusun order baru ekonomi antarabangsa. Kalau order baru ekonomi antarabangsa ini bertujuan menyusun semula ekonomi dunia, maka Dasar Ekonomi Baru Malaysia ialah hendak menyusun semula ekonomi peninggalan penjajah untuk mencapai perseimbangan yang lebih baik dan berfaedah bagi semua kaum dalam menggunakan sumber-sumber dan kekayaan Malaysia.

Peluang-peluang memang banyak bagi setiap kaum mencari nikmat dalam suasana pertumbuhan ekonomi negara yang semakin berkembang.

Nyatalah sekarang bahawa pembangunan ekonomi Malaysia ini bukan sahaja bertujuan hendak mencapai pertumbuhan ekonomi, kesetabilan ekonomi, dan membahagikan semula pendapatan untuk memperluas kebajikan rakyat, tetapi juga mementingkan soal-soal yang lebih rumit berkaitan dengan tujuan menyusun semula masyarakat untuk menunaikan cita-cita dan harapan masyarakat yang majmuk.

Tujuan-tujuan ini bukan mudah mencapainya dalam tempoh yang singkat. Dan cabaran-cabaran yang ditimbulkannya barangkali belum ada sePERTINYA dan tidak dapat dibandingkan dengan pengalaman-pengalaman mana-mana negara lain dan cara-cara mereka mengurus dan menyelesaikan masalah sosio-ekonomi mereka. Akan tetapi, potensi dan harapan kita mencapai tujuan-tujuan sosio-ekonomi kita yang afdal ini bukan saja menggalakkan tetapi ada kemungkinan membawa hasil yang baik.

Tujuan kita yang terutama ialah membina perpaduan nasional. Kerajaan sentiasa berusaha sehabis daya upayanya membentuk suatu keperibadian nasional yang berasaskan falsafah nasional, iaitu Rukunegara. Falsafah

ini ialah membina sebuah negara yang ber-satu-padu dan makmur bagi seluruh penduduknya yang berbilang keturunan, berbilang kebudayaan dan berbilang agama. Itulah sebabnya kita mengajak rakyat menerusi Dewan yang mulia ini membincangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dengan sedalam-dalamnya.

Insyallah, dengan taufik dan hidayah Allah subhanahuwataala dan dengan perasaan muhibbah dan sokongan segenap lapisan rakyat dan juga dunia antarabangsa, kita berharap cita-cita murni ini akan tercapai (*Tepuk*).

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan

utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 13hb April, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.25 malam.